

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Kalau nak keluar, keluarlah sekarang



Hilang tanah: Felda perlu failkan saman sivil segera, kata peguam




BH Berita Harian
FELDA hilang hak milik tanah Jalan Serprak
Tanah bernilai lebih RM200 juta yang dimajukan dengan projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC) dipercayai milik menensi transaksi diraja...
- Ms.5

Pendedahan Felda untuk selamatkan Najib

→ ms8

MEMALUKAN... Mazlan Aliman dan rakan-rakannya melawat tapak pembangunan KLVC, tapaknya dahulu dimiliki Felda tetapi kini bertukar milik dengan Felda tidak mendapat satu sen pun.

TANAH FELDA: SIASAT NAJIB



PEMUDA AMANAH dan Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasat penglibatan Perdana Menteri Najib Razak dalam skandal kehilangan tanah Felda kerana beliau menteri yang bertanggungjawab ke atas Felda. Ia pula berlaku ketika orang kepercayaan beliau Tan Sri Isa Samad menerajui badan kerajaan itu.

→ **Laporan penuh muka 2**



SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2018
semoga impian menjadi kenyataan

Skandal kehilangan tanah Felda: Siasat Najib

Oleh ARIF ATAN

PEMUDA AMANAH dan Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK) menggesa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya turut menyiasat penglibatan Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Razak dalam transaksi pindah milik tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Dalam kenyataan bersama, mereka berpendapat tindakan itu perlu dibuat memandangkan kebenaran pindah milik diberikan pihak Majlis Mesyuarat Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Beranikah pegawai JPM membuat keputusan sebegini penting yang melibatkan aset awam yang begitu bernilai tanpa mendapat kelulusan Perdana Menteri?"

"Di samping itu, kami juga menggesa SPRM menyiasat Perdana Menteri sama ada beliau cuba melindungi pengurusan Felda dan FIC (Felda Investment Corporation) yang terlibat," dipetik daripada memorandum itu.

Hal ini memandangkan, ujar mereka, Tan Sri Shahrir Abdul Samad memaklumkan skandal transaksi pindah milik tanah yang dijual pada harga RM270 juta melalui satu transaksi yang meragukan itu diketahui oleh Perdana Menteri sejak Februari 2017.

"Tetapi memilih untuk mengambil tindakan dalam seperti audit dan rundingan tanpa mendedahkan kecurangan transaksi ini kepada umum dan mengarahkan siasatan oleh SPRM," katanya.

Pemuda AMANAH dan ANAK menyifatkan kehilangan tanah strategik yang mem-



Mazlan dan rakan-rakan keluar dari pejabat SPRM selepas menyerahkan memorandum.

punyai nilai komersil tinggi itu tidak harus dilepaskan kepada mereka yang rakus tanpa mempedulikan hak peneroka Felda.

Mereka berpendapat peneroka tanah rancangan itu sudah berterusan menjadi mangsa kepada kegelojohan pihak-pihak tertentu yang berkepentingan sehingga terpaksa menanggung kehilangan aset dan bebanan hutang yang bertimpa-timpa.

Sehubungan itu, pihak SPRM digesa supaya membuka semula siasatan skandal tersebut secara adil, telus, bebas dan menyeluruh memandangkan transaksi pindah milik tanah Felda tersebut dibuat secara penipuan (fraud).

"SPRM mempunyai kuasa menyiasat dan mendakwa kes-kes melibatkan penipuan dan pecah amanah dan ini telah menjadi amalan (precedent) selama ini," dipetik dari memorandum tersebut.

Jelasnya, SPRM telah menyiasat dan mendakwa banyak kes di bawah Kanun Keseksan termasuk kesalahan jenayah penipuan dan pecah amanah seperti melibatkan Tan

Sri Eric Chia di bawah seksyen 409 Kanun Keseksan.

"Tan Sri Isa Samad sendiri dalam kenyataannya pada 25 Disember 2017 menyatakan bahawa beliau masih belum dipanggil SPRM untuk disiasat sedangkan Tan Sri Isa Samad adalah saksi penting berhubung skandal ini di atas kapasiti beliau sebagai Pengerusi FELDA dan FIC pada masa yang material.

"Jadi, bagaimana SPRM boleh membuat kesimpulan tiada kes rasuah dan salah guna kuasa?" hujah mereka.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki pada 21 Disember lalu berkata, pihaknya telah menutup penyiasatan skandal transaksi pindah milik tanah Felda di Jalan Semarak di ibu negara kerana tiada unsur rasuah dan salahguna kuasa.

Beliau juga memberitahu siasatan skandal melibatkan tanah strategik seluas 6.57 hektar itu diserahkan kepada pihak polis dengan alasan transaksi tersebut menurus kepada kelemahan tadbir urus dan pecah amanah.



Hilang tanah: Felda perlu failkan saman sivil segera, kata peguam

FELDA perlu mengemukakan saman sivil segera terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam kehilangan tanah miliknya di Jalan Semarak.

Peguam yang juga pengkaji undang-undang, Dr Zulqarnain Luqman berkata, Felda tidak boleh berlepas tangan dengan hanya menyerahkan kesnya di selesaikan oleh badan kerajaan seperti polis atau SPRM sahaja.

"Felda kena usaha sendiri juga dengan mengemukakan saman sivil kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan semula tanahnya," kata Zulkarnain yang mempunyai PhD dalam perundangan.

Menurut beliau, kesilapan terbesar yang dibuat adalah memberikan Surat Kuasa (Power of Attorney - PA) kepada pihak berkenaan tanpa pengawalan yang ketat.

"Dengan PA syarikat berkenaan memang berhak berbuat apa saja termasuk menjual tanah itu," kata Zulkarnain.

Oleh itu, katanya, antara yang boleh dibuat Felda adalah membatalkan PA itu dan menjadikan urusan itu tidak sah.

Kalau nak keluar, keluarlah sekarang

NAIB Presiden Pas, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, terdapat pihak-pihak tertentu menampelak Adun Pas Selangor yang menurut dakwaannya difitnah akan keluar Pas dan menyertai PKR menjelang pilihan raya umum nanti.

"Saya lihat tidak ramai yang memberi sokongan kepada mereka ketika fitnah ini dilempar.

"Malah ada yang menampelak kalau hendak keluar, keluarlah," kata Iskandar yang dipercayai kata-kata itu datang dari peny-

kong Pas sendiri.

Beliau mengulas laporan The Malaysian Insight bahawa PKR kini bersedia menerima pemimpin dan ahli termasuk Adun Pas di Selangor menyertai parti itu dalam 'gelombang kedua' penghijrahan Pas.

Apabila berita itu keluar, Iskandar segera menafikan berita itu.

Namun reaksi yang diterima beliau sangat negatif yang membayangkan ada kebenaran kepada berita itu dan beliau mendakwa Adun Pas Selangor difitnah.

Exco Selangor dari PKR, Daroyah Alwi mengalu-alukan jika Exco dan Adun Pas itu mahu menyertai partinya.

Ekoran itu, bekas pesuruhjaya Pas Selangor yang ditukar selepas pemilihan tahun 2015 itu berdoa, "semoga Allah memberi kekuatan kepada Adun-Adun Pas Selangor yang teruk difitnah sejak akhir-akhir ini."

Menurut Iskandar, "Mereka dikatakan hendak keluar dari Pas dan menyertai PKR kerana sayangkan jawatan."

"Ada pula yang berkata kalau hendaklah keluar, keluarlah sekarang. Sebelum PRU.

"Seolah-olah bersetuju dengan berita yang disebar.

"Kenapa begitu cepat mempercayai fitnah tersebut?" Kata Adun Cempaka itu.

Beliau mempersoalkan, kenapa meletakkan nilai dan integriti Adun-Adun Pas ini begitu rendah sehingga mengesyaki mereka akan melompat?

"Sayang ramai yang lupa apa yang telah terjadi ketika berlaku Kajang Move. Adun-Adun inilah yang berdiri teguh di belakang Presiden.

"Adun-Adun inilah yang menyokong

penuh keputusan Presiden untuk mempertahankan Tan Sri Khalid. Walaupun tekanan dan pujukan diterima amat hebat sehingga 2 Adun kecundang tetapi 13 Adun ini tidak berganjak.

"Kalau hendak dibangkitkan tentang hilang jawatan, kemungkinan kehilangan jawatan ketika itu adalah lebih tinggi.

"13 Adun terus istiqamah walaupun ada kemungkinan Pas akan terkeluar daripada kerajaan ketika itu.

"Jika mereka bimbang kehilangan jawatan maka sudah tentu mereka akan menurut jejak Hulu Kelang dan Morib. Tetapi mereka tidak. Mereka terus kekal menyokong keputusan Presiden," katanya.

Hari ini, katanya, ramai yang pandai bercakap, 'nasi tambah' atau oportunis tetapi mereka tidak pernah walaupun 10 peratus merasai tekanan yang dirasai oleh 13 orang Adun itu ketika Kajang Move, tindakan yang dibuat untuk menukar menteri besar Tan Sri Khalid Ibrahim.

"Bukan mereka sahaja yang terkesan tetapi keluarga mereka," dakwa Exco kerajaan negeri Selangor itu.



Shahrir tak sanggup pikul 'biawak hidup', kata Tun Mahathir

KUALA LUMPUR: Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad tidak lagi sanggup memikul 'biawak hidup' sehingga terpaksa mendedahkan skandal penjualan tiga bidang tanah Felda di Jalan Semarak kepada media, kata Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Tun Mahathir Mohamad.

Bekas perdana menteri itu berpendapat, tindakan Shahrir mendedahkan urusan niaga mencurigakan itu menggambarkan beliau tidak lagi mahu bersekongkol dengan kepincangan yang berlaku dalam Felda.

"Saya fikir Shahrir pun tak larat nak pikul 'biawak hidup' ini terpaksa dedah perkara yang berlaku.

"Ini kerana kalau boleh yang terlibat nak sembunyikan. SPRM kata kes pindah hak milik tanah Felda RM270 juta tiada unsur rasuah dan salah guna kuasa, sedangkan belum lagi periksa (siasat) sudah kata tiada unsur rasuah," ujarnya dalam satu rakaman video berdurasi 4 minit yang disiarkan di laman facebook PPBM, 27 Dis lalu.

Felda berisiko kehilangan hak ke atas tanah strategik miliknya di Jalan Semarak, Kuala Lumpur apabila ia ditukar milik menerusi transaksi diragui sejak 2015.

Tun Mahathir yang juga Pengerusi PPBM yakin skandal tanah Felda ini akan berakhir seperti isu derma RM2.6 bilion yang disalurkan ke akaun peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Peguam Negara (Tan Sri Mohamed Apandi Ali) menyatakan derma tersebut tiada unsur rasuah dan tiada sebarang kesalahan dilakukan perdana menteri.

"Sama macam apa yang terdapat dalam bank Najib RM2.6 bilion tetapi Peguam Negara memutuskan tiada kesalahan. Jadi sekarang ini kita tidak tahu siapa hakim, pendakwaraya dan siapa ahli Umno kita tidak tahu," ujarnya sinis.

Tun Mahathir bagaimanapun yakin individu atasan Felda dan kerajaan berkemungkinan terbabit dan mendapat faedah dalam skandal penjualan tanah Felda itu.

"Tidak payah tanya sesiapa, dia buat

keputusan sendiri apa-apa keuntungan akan dapat pada diri dia. Ini bermakna yang memimpin, 'top man' begitu berkuasa.

"Saya percaya ada keuntungan tertentu sebab itu dia sanggup curi tanah Felda jual pada orang sampai Ahli Lembaga Pengarah (Felda) pun tidak tahu," ujarnya.

Tun Mahathir kesal kerana penyelewengan berlaku sepanjang masa dalam institusi atau syarikat milik kerajaan mutakhir ini.

"Perkara ini berlaku sepanjang masa nampak saja ada badan yang mempunyai harta atau duit, akan ada cadangan bagaimana nak curi duit itu.

"Ini berlaku kepada Felda dan Tabung Haji; berlaku juga kepada Kerajaan Malaysia apabila tanah di Kuala Lumpur bernilai lebih kurang RM700 sekaki persegi dijual kepada 1MDB pada harga RM60 dan 1MDB jual balik kepada Tabung Haji dengan harga RM3,000 sekaki persegi.

"Ini cara mereka menipu dan ambil

harta rakyat dijadikan duit supaya duit itu boleh masuk poket orang tertentu," ujar beliau.

Tun Mahathir juga hairan mengapa perdana menteri tidak dikaitkan dengan skandal penjualan tanah Felda itu sedangkan beliau juga menteri kewangan yang sepatutnya mengetahui transaksi tersebut.

Berbanding dengan kes kerugian urusan niaga Forex Bank Negara 30 tahun lalu apabila Tun Mahathir sebagai perdana menteri pada waktu itu cuba dikaitkan dengan apa yang berlaku.

"Nak suruh polis siasat jadi macamana PM tidak terlibat dalam kes Felda kali ini kerana benda yang besar mesti dilaporkan kepada PM.

"Kita hairan dalam kes nak bayar orang membuat umrah, perkara ini dilulus dalam kabinet dia (Najib) tidak tahu apa yang dia nak luluskan pun. Jika ada kerajaan macam ni rosaklah," ujarnya yang mahu perdana menteri bertanggungjawab sepenuhnya terhadap skandal penjualan tanah Felda itu.

Orang Melayu juga sensitif hal rasuah

Oleh **ARIF ATAN**

BANDAR BAHARU: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli bertegas orang Melayu sebenarnya peka dengan isu rasuah tidak seperti yang dituduh sesetengah pihak.

Beberapa kali mengecam pihak yang beranggapan sedemikian, Rafizi berkongsi cerita tentang satu rompak bank di Kelantan lebih 50 tahun lalu.

"Orang Melayu tidak kisah rasuah? Memang celaka kalau kata orang Melayu tidak peduli dengan rasuah.

"Tahun 60-an ada rompak bank di Kelantan, saya diberitahu keluarga besar di Kota Bharu. Lepas sebulan, semua peniaga Cina di Kota Bharu komplek bisnes teruk. Orang tidak keluar membeli.

"Sebabnya orang Melayu di Kota Bharu ketika itu takut kalau beli, orang boleh tuduh dia (rompak bank). Ini bukti orang kita dulu malu bila dituduh merompak," katanya.

Berceramah dalam siri Jelajah Bina Semula Negara di Kampung Permatang Pasir, Bagan Samak, Dun Bandar Baharu di Kedah baru-baru ini, Rafizi berkata, keadaan pada masa ini pula berbeza.

"Zaman sekarang bila rompak, dia kata derma. Beli kondominium sampai saya diberitahu tokoh korporat wanita yang dia sudah benci duduk dengan Wanita Umno yang berbincang tentang beli kondo mana di London.

"Bila saya kembali tahun 2009, saya nak buktikan celakanya yang kata orang Melayu itu ra-

suah. Tidak betul. Saya sendiri cukup anti dapat duit (rasuah) daripada orang lain," ujarnya.

Ahli Parlimen Pandan itu berkata, pendedahannya tentang skandal Pusat Fidlot Nasional (NFC) yang kemudian dikenali dengan sindiran 'lembu duduk dalam kondo' turut diketahui masyarakat kampung.

"Orang kampung tahu sebab susah nak dapat seekor baka anak lembu. RM250 juta wang yang sepatutnya bagi pada Melayu, tiba-tiba diberi kepada anak beranak menteri dan beli kondo.

"Lama-lama orang kata yang duduk dalam kondo itulah lembu," tempelaknya merujuk kepada skandal yang membabitkan keluarga Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil ketika menjawat Menteri Wanita,

Keluarga dan Masyarakat ekoran pendedahan Laporan Ketua Audit Negara 2010.

Analisis audit mendapati objektif projek ternakan lembu itu belum dicapai sepenuhnya disebabkan pelbagai faktor antaranya sasaran pengeluaran sebanyak 38,600 ekor lembu pada 2010.

Untuk rekod, tender projek NFC yang mendapat pinjaman mudah RM250 juta itu dimenangi keluarga Shahrizat dengan Pengerusi Eksekutif NFC adalah suaminya iaitu Datuk Dr. Mohamad Salleh Ismail manakala anak mereka, Wan Izran Mohamad Salleh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif NFC.

Rafizi selanjutnya mengimbas tentang reaksi awal rata-rata orang Melayu berhubung

pembongkaran penyelewengan mega 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Bila mula-mula cerita tentang 1MDB, orang Melayu tidak faham. Saya tidak salahkan orang Melayu tidak faham. Sebab, zaman dulu tiada harga minyak naik tiap-tiap minggu.

"Sekarang nak potong rambut pun kena bayar GST. Sebab itu, walaupun mula-mula kita cerita tentang 1MDB orang tidak faham, waktu itu wang yang telah dirembat tidak sampai kesannya kepada rakyat.

"Masih di peringkat pusing modal. Tapi kemudiannya menggagau cari duit. Dia ambil wang kata nak melabur. Tapi wang itu 'melebur' untuk dirinya. Lepas ambil wang pertama, sedar-sedar duit itu hilang," bidasnya lagi.

4 juta undi pos dikhuatiri jadi 'talian hayat' BN

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar khuatir Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menggunakan 4 juta pengundi pos bagi membantu Umno-BN menang pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Tindakan SPR mengumumkan anggota keselamatan dan kesihatan sebagai 'pengundi pos', jelas beliau memberi isyarat akan ber-

laku permainan kotor melibatkan SPR pada PRU ke-14 kali ini.

"Persoalannya, adakah mereka yang berdaftar sebagai anggota sukarelawan polis (PVR) seperti anggota RELA boleh dikategorikan sukarelawan polis sekaligus layak mendaftar untuk undi pos? Begitu juga status polis bantuan, kor kadet, simpanan pesara polis ñ adakah

semuanya tersenarai sebagai pengundi pos?"

"Data terkini jumlah anggota tetap pegawai RELA adalah seramai 1,100 orang, walhal sukarelawan RELA hampir 3.05 juta orang.

"Banyak pihak meragui, apakah pada saat akhir sebelum PRU-14 kelak, SPR bersedia menyatakan jumlah terkini bagi

keseluruhan kategori undi pos, termasuk yang difikir layak?" soal beliau.

Naib Presiden Keadilan itu menambah, langkah tidak popular ini akan mengakibatkan SPR diibaratkan sebagai pengadil yang berat sebelah apabila menyelamatkan kerajaan kleptokrasi Umno-BN dengan menggunakan undi pos.

Nurul Izzah mengulas ke-

nyataan Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah bahawa selain Jabatan Bomba dan Penyelamat, kemudahan undi pos turut merangkumi anggota dan petugas kesihatan (hospital dan klinik kerajaan sahaja), anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, anggota Jabatan Penjara Malaysia dan 'anggota Sukarelawan Polis'.

Minda Pengarang

PH perlukan sokongan besar rakyat

Rundingan pembahagian kerusi peringkat Parlimen dalam kalangan komponen Pakatan Harapan hampir selesai, tinggal beberapa saja lagi. Sementara peringkat negeri rundingan sedang berjalan dengan lancar. Sementara penyusunan manifesto sudah hampir selesai, hanya diperkemaskan lagi.

Ini menunjukkan kesungguhan Pakatan Harapan untuk menghadapi PRU14 yang dijangka beberapa bulan saja lagi.

Soal kedudukan kepimpinan tertinggi Pakatan Harapan jika memenangi PRU14 itu nanti, umpamanya jawatan Perdana Menteri dan Timbalan, tidak perlu dibicarakan peringkat ini. Atas dasar muafakat, tolak ansur, persoalan ini boleh diatasi.

Sekarang ini musuh Pakatan Harapan berusaha menimbulkan isu ini, sedangkan isu ini boleh diselesaikan berdasarkan semangat tolak ansur, logik akal dan kerasionalan yang dilihat dimiliki oleh pimpinan Pakatan Harapan selama ini. Ini berdasarkan rundingan demi rundingan di kalangan pimpinan tertinggi – Majlis Presiden – terutama dari retreat mereka baru-baru-baru ini.

Retreat atau 'perkampungan' itu memperlihatkan hubungan erat antara komponen Pakatan Harapan dan menghantar isyarat tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan.

Serahkanlah kepada pimpinan Pakatan Harapan dengan keyakinan bahawa mereka berupaya menyelesaikan semua masalah.

Di lapangan, komponen parti dalam PH perlu membuat persiapan rapi, mengatut strategi sebaik-baiknya berdasarkan situasi peringkat lokal, justeru masalah dan keadaan berbeza di peringkat lokal. Ini yang wajar segera ditangani oleh petugas peringkat akar umbi di lapangan.

Dalam situasi ekonomi yang parah sekarang ini di mana kehidupan rakyat semakin tertekan, maka tidak dapat dinafikan bahawa isu ekonomi – harga barang naik – dijangka mendominasi PRU14 kali ini yang dianggap sebagai 'lbu

segala pilihan raya'.

Bermakna jika sebarang perubahan tidak berlaku dalam PRU14 ini maka situasi akan semakin parah, rakyat akan semakin menderita. Inilah persoalan besar yang memaknai PRU14 kali ini. Ia memang sangat crucial, justeru rakyat sedang berada di dua persimpangan, sama ada kekal dalam keadaan seperti sekarang atau akan ada perubahan.

Di lapangan, nampaknya, komponen PH sudah berada di tengah rakyat, meneladani mereka, membantu mereka. Mendekati pesawah yang dilanda banjir, penoreh getah yang terus menderita, nelayan yang sukar turun ke laut kerana ombak dan cuaca tidak menentu dan pelbagai lagi.

Sementara itu, oleh kerana di tanah rancangan Felda ada 46 kawasan Parlimen, seperti masa lalu maka ia tentu mempengaruhi keputusan PRU14. Maka itu Pakatan Harapan perlu berikhtiar mengakhiri monopoli Umno/BN di kawasan yang luas itu. Ini tugas amat berat dan tidak boleh diserahkan hanya kepada ANAK, Persatuan Anak Peneroka menanganinya.

Diberitakan sudah ada usaha dari kalangan wanita komponen PH yang mendekati dan berusaha mengambil peduli isu di Felda ini. Ini usaha yang sangat baik dan perlu dipergiat lagi.

Kini pelbagai isu besar sedang hangat melanda tanah air. Isu tanah Felda di tengah Ibu Kota yang sangat menggemparkan, isu 1MDB, hutang negara, merosotnya nilai mata wang Malaysia sedang menggeleagak dan akan terus diperkatakan sebelum dan selepas pilihan raya nanti.

Demikian juga isu rasuah yang dilihat berskala besar, isu penyelewengan, ketirisan, manipulasi dan pelbagai lagi semuanya yang bergegar dalam PRU akan tangan ini.

Dari itu, Pakatan Harapan perlukan dokongan kuat rakyat untuk menghadapi PRU14 ini.

Politik, antara usul atau furu'

September 2015 menjadi titik mula dalam kalangan anggota parti Islam tentang beberapa sudut pandang; hukum keluar dari Parti Islam, siapakah jemaah Islam yang tulen, apakah jadi munafik dengan meninggalkan jemaah (sebenarnya hanyalah parti politik), wajib melazimi hanya satu jemaah (parti) dan pelbagai dakwaan lain lagi.

Pemikiran ini berpunca dari cara pandang (*tasawwur*) seseorang kepada 'kedudukan' politik di dalam Islam.

Sememangnya politik adalah sebahagian dari Islam, cuma apakah ia adalah *usul* (pokok) sehingga wajib bergerak dengan satu seragam sahaja, atau ia adalah persoalan *furu'* (cabang) yang akan membolehkan para politikus bergerak bersesuaian ijtihad semasa dan dalam realiti yang dilaluinya.

Hal ini penting supaya ahli Parti AMANAH tidak menjadikan AMANAH sebagai PAS 2.0, maka kefahaman yang jelas dan tepat perlu diberikan kepada ahli ahli AMANAH.

AMANAH berpandangan bahawa, politik adalah persoalan kepimpinan, ia adalah sebahagian dari Islam, dan ia termasuk dalam persoalan cabang agama, bukan persoalan pokok.

Ini bukan pandangan baru, bahkan para ulama silam telah mempertegaskan persoalan ini. Perhatikan pandangan di bawah : Pertama, Al Imam Al Iji dalam kitab *Al Mawaqif* berpandangan :



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

USTAZ RIDZWAN ABU BAKAR
Pengarah Komunikasi AMANAH Kedah

"Persoalan kepimpinan menurut kami adalah daripada perbincangan cabang (Dalam Islam), cuma kami masukkan perbincangannya dalam ilmu kalam kerana terkesan dengan para pendahulu kami".

Kedua, Al Imam Al Ghazali dalam *Al Iqtisod fil Iktiqod* pula berkata :

"Ketahuilah bahawa meneliti dan menekuni persoalan kepimpinan (politik) bukan dari persoalan pokok (*Al muhimmah*), ia juga bukan boleh dicapai dengan seni taakulan (menggunakan akal semata), bahkan ia termasuk dalam perbincangan *fiqhiyyat* (yang memerlukan interaksi dan dialog antara nas, mujtahid dan realiti)

Ketiga, Al Imam Al Amidi dalam kitab *Ghayah al Muram fi Illmi al Kalam* pula berpandangan : "Ketahuilah bahawa perbincangan dalam persoalan kepimpinan bukanlah dari persoalan usul agama, dan ia juga bukan dari urusan yang perlu 'dipejamkan' sehingga setiap mukallaf boleh

berpaling dari berbincang tentangnya atau tidak mengambil tahu tentangnya". (/ 363).

Keempat, Al Imam At Tiftazani berpendapat :

"Tidak ada perselisihan bahawa perbincangan tentang kepimpinan termasuk dalam ilmu cabang (*furu'*).

Memahami secara jelas di mana letak duduk sesuatu perbincangan, akan menyebabkan kita akan bertindak adil dalam menilai dan menentukan hukum.

Kesilapan Pas apabila meletakkan persoalan kepimpinan politik sebagai persoalan *usul* (pokok) seumpama akidah, maka menyebabkan mereka mudah menghukum orang lain dengan kufur, sesat dan sebagainya.

AMANAH lahir untuk melakukan *tajdid* (*reform*) dalam medan politik, dan Sudah tentu ia perlu bermula dengan meletakkan kefahaman yang tepat tentang cara pandang terhadap politik itu sendiri.

Sememangnya politik adalah sebahagian dari Islam, cuma apakah ia adalah *usul* (pokok) sehingga wajib bergerak dengan satu seragam sahaja, atau ia adalah persoalan *furu'* (cabang) yang akan membolehkan para politikus bergerak bersesuaian ijtihad semasa dan dalam realiti yang dilaluinya.



Andainya BN kembalikan majoriti 2/3

Mungkin ini sifat pengecut dari kaca mata musuhnya, tetapi Najib Razak cukup berhati-hati dalam percaturan langkah politiknya. Langkah demi langkah keselamatan diambil, untuk meminimumkan risiko kekalahannya.

Tidak cukup dengan memecahkan undi pembangkang menggunakan Pas, kini proses persempadanan semula kawasan pengundian dijana untuk "memantapkan" lagi kemenangan Umno-Barisan Nasional dalam PRU14.

Umno telah menggariskan matlamat untuk mengembalikan majoriti dua pertiga dalam PRU14. Ini kelebihan yang terlepas dari genggamannya Umno-BN sejak 8 Mac 2008. Hakikatnya, majoriti mudah sudah memadai untuk parti pemerintah melakukan apa-apa sahaja yang dimahukan, selagi tidak melibatkan pindaan perlembagaan persekutuan. Kerajaan boleh menggubal akta untuk menyekat kebebasan rakyat, meluluskan cukai barangan dan perkhidmatan dan sebagainya.

Namun majoriti dua pertiga adalah garis keselamatan dari psikologi Umno-BN. Lebih penting,



Siang-Malam
Lim Hong Siang

dengan majoriti dua pertiga, BN boleh menambah kerusi parlimen dalam proses persempadanan, yang memihak kepada dirinya. Misalnya, sungguhpun dibadai gelombang Reformasi dalam PRU10 pada tahun 1999, UMNO-BN berjaya mempertahankan majoriti dua pertiganya. Lantas diambil kesempatan ini untuk meluluskan persempadanan semula pada tahun 2003, yang akhirnya menyumbang kepada kemenangan Abdullah Ahmad Badawi dengan merangkul lebih 90% kerusi Dewan Rakyat, sungguhpun hanya meraih 63.85% undi.

Hakikatnya, manipulasi sistem pilihan raya ini telah memberi impak yang besar ke atas politik Malaysia. Ia memberi lampu hijau kepada situasi "menang undi kalah

kerusi" Pakatan Rakyat dalam PRU13 pada tahun 2013, iaitu meraih 50.7% undi popular, tetapi sekadar merampas 40% kerusi Dewan Rakyat. Kemudian ia memasuki bab untuk menguji kesabaran dan keberanian rakyat. Sejauh manakah rakyat Malaysia tunduk kepada sistem sebegini? Jikalau situasi ini dibenarkan, apakah satu hari nanti kita juga akur seandainya pembangkang memenangi 55% undi tetapi hanya menawan 48% kerusi?

Jelas, Umno-BN tidak mengendahkan soal keabsahan kuasanya, jikapun memerintah dengan undi minoriti. Regim ini sanggup melakukan apa-apa untuk mematahkan kemaraan kuasa rakyat. Akta Hasutan digunakan, tenaga polis dan FRU dikerah – kesemua ini telah kita saksikan selepas PRU13.

Kesannya parti pembangkang semakin sukar untuk bernafas dalam sistem pilihan raya sebegini. Ia menyebelahi penguasa, tidak adil untuk pembangkang, bahkan tidak memberi ruang kepada parti baru untuk bercambah. Akhirnya hanya parti lama sahaja yang hidup, menjadi dinasour paling tua

di dunia. Politik menjadi jumud, tidak segar, tiada suntikan idea baru, tiada semak-imbang kuasa – sehingga jikapun dinasour politik itu rebah sendiri, rakyat pula yang lumat dihenyaknya.

Ya, kita berusaha untuk yang terbaik, tetapi perlu bersedia untuk yang terburuk. Alangkah baiknya jikalau hayat regim Umno-BN ditamatkan selepas PRU14, untuk membuka lembaran baru dalam proses pendemokrasian politik Malaysia. Cuma, jikalau dengan segala kuasa yang terpusat dalam genggamannya pun Najib berhati-hati dalam percaturannya, bukankah Pakatan Harapan yang serba kurang, harus lebih berwaspada dan realistik berbanding musuhnya?

Sudah tentu ia sesuatu yang tidak mengujakan, untuk mengandaikan "Umno-BN mengembalikannya majoriti dua pertiga", tatkala Pakatan Harapan berkobar-kobar semangatnya untuk menawan Putrajaya. Biar kita mula dengan apa yang ada dalam tangan. Parti komponen Pakatan Harapan kini hanya memiliki 71 kerusi Dewan Rakyat, dengan DAP 36, PKR 28, AMANAH 6, dan PPBM 1. Den-

gan kata lain, jumlahnya tidak mencecah satu pertiga dari 222 kerusi keseluruhannya, iaitu 74 kerusi. Perlu diingatkan, daripada 71 kerusi yang dimiliki Pakatan Harapan sekarang, tujuh dimenangi atas tiket PAS pada PRU13.

Untuk menawan Putrajaya dengan majoriti mudah, iaitu 112 kerusi, Pakatan Harapan kini memerlukan lagi 41 kerusi. Dengan kata lain, Pakatan Harapan perlu mempertahankan 71 kerusi sedia ada, di samping menawan lagi 41 kerusi, untuk memerintah dengan 112 kerusi. Ia bukan mustahil, tetapi juga tidak mudah pada masa yang sama.

Semboyan telah dipalu. Sudah pasti PRU14 akan berlangsung pada tahun 2018. Jikalau diimbangi pengalaman lalu, lebih banyak kali pembangkang ditipu, daripada dikalahkan. Tetapi longgokan hasil perjuangan sejak berdekad-dekad lalu jangan digadaikan. Apapun yang berlaku, majoriti dua pertiga jangan dikembalikan kepada Umno-BN, yang bakal membina benteng lebih tinggi untuk menangkis serangan pembangkang pada masa depan.

Kemampuan Aishah boleh dimanfaatkan

KETIKA penyanyi tersohor Aishah, atau Wan Aishah Wan Arifin, dinobatkan sebagai Juara Gegar Vaganza Musim Keempat (GV4) baru-baru ini saya teringat sesuatu yang telah berlaku beberapa tahun lalu.

Iaitu kata-kata Aishah "Di mana nak simpan suara saya ini." Nadanya serius, seolah-olah mengharapkan pengertian dan simpati dari pelbagai pihak.

Peristiwa itu berlaku di suatu jamuan di sebuah restoran di Kota Bharu selepas siangnya menghadiri Muktamar Pas. Hadir sama pada majlis jamuan itu ialah Dr. Dzulkifly Ahmad, Dr. Hatta Ramli dan beberapa tokoh lagi.

Kami memandang Dr. Dzul dengan harapan beliau dapat menjawab keluhan Aishah itu. Justeru beliau seorang ilmuwan yang memahami situasi yang wujud.

Lalu saya ingat jawapan Dr. Dzul kira-kira begini:

(Jawapannya itu berkisar sekitar hadis Nabi s.a.w.)

"Terbaik dari kamu dalam Jahiliyah adalah terbaik dalam Islam. Apabila kamu faham (mendapat pencerahan/tau'yyah) "... *khiyarukum fil Jahiliyah khiyarukum fil Islam, izafakukuh.*"

Dengan kata lain, kehebatan kamu dalam Jahiliyah, adalah juga kekuatan kamu ketika kamu dalam Islam (setelah mendapat pencerahan).

Islam mendapat mandapat manfaat dan kekuatan *intrinsic*/ semula jadi - malaka (dalam bahasa Arabnya) – segala bakat yang ada dengan tidak merobah sifat itu, bahkan sebaliknya memanfaatkannya.

Lalu dalam konteks ini, golongan seni/selebriti dimanfaatkan kehebatan bakat mereka oleh perjuangan dalam seni suara atau lakonan mereka dan sebagainya.

Bukan pula menjadikan mereka (ahli seni ini) penceramah, pengkuliah, peminato di mana anugerah bakat itu tidak ada pada mereka meskipun cuba ditarbiyah.

Jika ini berlaku, akibatnya ialah akhirnya mereka akan kecewa dengan 'peranan baru' ini dan parti-parti yang dianggotainya juga akan terbeban dengan liabiliti mereka untuk hendak jadi popular dengan perkara dan isu yang agak dangkal bila 'berceramah' setelah hilang atau habis saja era tarikan ketika baru 'berhijrah'.

Maka hati-hati mengurus selebriti atau bakat seperti ini.

Ternyata Aishah tidak begitu. Ia tetap kekal sebagai penyanyi. Penjelasan saya ini sengaja dibuat begini supaya dibuktikan bahawa Parti Amanah Negara (AMANAH) ini – di mana Aishah menjadi salah seorang pendukungnya – adalah parti yang 'human' bukan 'angel'



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

(malaikat).

Parti yang human mempunyai naluri yang fitrah ke arah seni dan sesuatu yang bersifat aestatik dan abstrak, tetapi mampu diurus oleh agama dengan baik dan mulia. *Nothing wrong with that. Inclusive and not only prohibitive and punitive.*

Inilah kira-kira jawapan Dr. Dzul, tokoh yang kini memegang jawatan Pengarah Strategi AMANAH.

Saya melihat Aishah waktu itu dan tergambar rasa puas hati di wajahnya mendengar jawapan itu yang bagi saya sangat politif. Aishah tetap Aishah.

Bagi AMANAH tidak menolak kemungkinan Aishah akan membantu meningkatkan imej parti itu terutama menjelang pilihan raya umum akan datang. Ini kata Pengarah Komunikasi Ir. Khalid Samad.

Malah kata Khalid lagi, partinya berbesar hati jika Aishah mahu bersama-sama dalam kempen AMANAH dan Pakatan Harapan (HARAPAN) pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Khalid berkata, ini kerana Aisyah bukan liabiliti kepada AMANAH dan reputasinya baik dan berharap aura Aisyah dapat menjadi tarikan pengundi muda dan atas pagar.

Aishah yang menjadi anggota AMANAH dan aktif bersama pergerakan wanita parti itu (Awan) menewaskan empat peserta Gegar Vaganza lain, iaitu Liza Hanim, Haza-

mi, Tia Jinbara, Lan dan Firman Siagian.

Ir. Khalid menegaskan, Islam adalah agama yang sederhana serta rahmat kepada semua.

"Kita di AMANAH membawa satu pendekatan yang tidak keras (atas mana Islam), bila kita cakap macam itu orang cakap kita liberal.

Bukan liberal tapi pendekatan berhemah dan berhikmah. Kita ada sedikit kelonggaran di mana kita cuba menentukan bahawa ia tidak terlalu keras sehingga membebankan umat Islam itu sendiri.

"Sikap inilah dizahirkan dan atas sikap itu Aishah melibatkan diri dalam GV dan kita harap dengan itu maka orang tidak akan rasa Islam ini mencengkam, semua tak boleh, haram, sampai nak bernafas pun tak boleh," kata Khalid.

Malah kata Khalid, Aishah sendiri telah memperlihatkan keindahan Islam itu sepanjang berada di Gegar Vaganza.

AMANAH sebelum ini berkata tiada masalah untuk Aishah menyertai pertandingan tersebut.

"AMANAH memberi restu. Aishah ialah penyanyi, maka AMANAH tidak pernah berhasrat untuk mengubah dirinya menjadi ustazah khususnya 'ustazah segera'," kata anggota Jawatankuasa Pusat AMANAH Hanipa Maidin.

Dalam perkembangan sama, Khalid berkata pusat khidmat anggota parlimen Shah Alam itu kini sedang menawarkan kelas latihan muzik untuk anak muda lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menang Permatang Pasir, kekal Permatang Pauh

PERMATANG PAUH: Berusaha memastikan Pakatan Harapan (PH) menang di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Permatang Pasir, Pemuda AMANAH Kawasan Permatang Pauh melancarkan program 'Anak Muda Gempur Permatang Pasir'.

Program sempena mesyuarat penubuhan Pemuda AMANAH kawasan itu sekaligus memaparkan kesediaan jentera parti berhadapan dengan pilihan raya umum (PRU) yang dijangka tidak lama lagi.

Pada majlis itu juga, Pemuda AMANAH Permatang Pauh turut menerima borang keahlian 20 anak muda yang berikrar memastikan kemenangan calon PH di Dun Permatang Pasir dan parlimen Permatang Pauh.

Borang penyertaan keahlian mereka disampaikan kepada Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional Faiz Fadzil.

Faiz ketika ditemui berkata, penubuhan rasmi sayap pemuda di kawasan itu bakal merencanakan lagi gerak kerja mendepani PRU ke-14.

"Ini satu lonjakan kepada pemuda untuk melakukan gerak kerja lebih intensif. Tekad kami adalah

untuk memastikan Permatang Pasir dimenangi PH dan Parlimen Permatang Pauh dapat dikekalkan," katanya.

Permatang Pasir adalah salah satu kerusi Dun di Pulau Pinang yang bakal ditandingi PH.

Pada PRU13 lalu, kerusi ini telah dimenangi oleh Pas yang ketika itu bersama dalam gabungan Pakatan Rakyat.

Bagaimanapun, selepas Pas memutuskan hubungan dengan DAP dan keluar daripada Pakatan Rakyat pada 2015, kerusi itu kini bakal ditandingi oleh salah satu parti dalam PH.

Sementara itu, banyak program telah diadakan oleh Pemuda AMANAH di Permatang Pasir termasuk program menyantuni masyarakat.

Selain ceramah politik dan forum, mereka juga mengadakan bantuan kebajikan, ziarah dan pertandingan sukan untuk anak-anak muda.

Ketika banjir besar melanda negeri itu November lalu, Permatang Pasir adalah salah satu kawasan yang terjejas teruk.

Kehadiran jentera AMANAH yang membantu dalam misi banjir itu sekaligus melonjakkan nama AMANAH dan PH di kawasan itu.



Pelancaran program 'Anak Muda Gempur Permatang Pasir'.



Barisan ahli jawatankuasa Pemuda AMANAH Kawasan Permatang Pauh.



Menghadihkan baju-T AMANAH kepada anak muda yang menyerahkan borang keahlian.

Musuhi bukan Islam salah ajaran Islam

Oleh ZIKRI ABDULLAH

JELI: Umat Islam yang memusuhi seseorang hanya semata-mata kerana dia bukan Islam tidak mengamalkan ajaran Islam sebenar.

Pengerusi Panel Syariah AMANAH Kelantan Ustaz Hashim Mohamad, berkata fahaman seperti itu berlawanan dengan apa yang dilakukan Rasulullah s.a.w..

"Kita perlu ingat bahawa ketika Nabi diutus menjadi Rasul hanya beliau seorang diri sahaja yang Islam.

"Kalau baginda bertindak memusuhi semua yang belum Islam di kelilingnya, tentu Islam tidak berkembang," katanya ketika memimpin tanweer bulanan pimpinan AMANAH Kelantan di Jeli, baru-baru ini.

Dalam ajaran Islam katanya,

"Malah seharusnya kita sentiasa mencari jalan untuk mengadakan hubungan dan berbuat baik kepada mereka supaya mudah-mudahan mereka menerima Islam,"

permusuhan dengan orang kafir hanya ketika berlaku peperangan.

"Memanglah semasa perang mereka memusuhi kita dan kita memusuhi mereka.

"Semua orang Islam tahu bahawa perang adalah jalan terakhir dalam interaksi dengan bukan Islam. Itupun apabila umat Islam diperangi," katanya.

Dalam konteks orang bukan Islam di Malaysia, katanya tidak pernah terjadi orang bukan Islam memerangi kaum Muslimin atas nama agama.

"Oleh itu kita tidak harus

mengkategorikan DAP, MCA, MIC dan apa sahaja sebagai golongan yang perlu dimusuhi.

"Malah seharusnya kita sentiasa mencari jalan untuk mengadakan hubungan dan berbuat baik kepada mereka supaya mudah-mudahan mereka menerima Islam," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya lagi kumpulan seperti MCA dan MIC harus ditolak kerana mereka berpakat dengan pemerintah yang menzalimi rakyat.

"Kita tolak mereka kerana hal ini dan bukan kerana mereka bukan beragama Islam," katanya.

Bukan berebut tapi bincang dengan PPBM

SHAH ALAM: AMANAH Selangor menafikan berlaku perebutan kerusi yang akan ditandingi antara pihaknya dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Ketua Pemudaanya, Abbas Azmi berkata, AMANAH konsisten dengan pendirian mahu bertanding kerusi Dun yang dimenangi Pas pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), namun bersedia berbincang dengan PPBM berhubung agihan kerusi itu.

"Seperti yang dinyatakan Pengerusi negeri (Pengerusi AMANAH Selangor, Ir Izham Hashim), pihak kami akan meletakkan calon di kerusi yang ditandingi Pas pada PRU-13.

"Kita tidak minat dengan kerusi Keadilan atau DAP dan ini adalah pendirian kita.

"Jika PPBM turut berminat dengan kerusi yang AMANAH mahukan, kita akan ber-

bincang mengenainya dan ia bukan masalah besar pun," katanya kepada BH Online, 27 Dis lalu.

Beliau mengulas mengenai desas-desus kononnya berlaku perebutan kerusi yang akan ditandingi pada PRU-14 antara AMANAH dan PPBM.

Difahamkan, AMANAH juga terpaksa mengurangkan bilangan kerusi yang ditandingi di negeri ini untuk memberi laluan kepada PPBM.

AMANAH berhasrat bertanding di kerusi Dun yang disandang Pas iaitu Taman Templer, Lembah Jaya, Paya Jaras, Chempaka, Meru, Dusun Tua, Tanjung Sepat, Sabak, Gombak Setia, Bangi, Seri Serdang, Selat Klang, Sijangkang, Morib dan Hulu Klang.

Bagaimanapun ia bergantung kepada konsensus yang dicapai Pakatan Harapan yang turut dianggotai PPBM, Keadilan dan DAP.



Abbas Azmi



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

20 PAX JEMAAH 1 FREE
*Tertakluk Terma & Syarat



UMRAH MUSIM BIASA

HARGA PROMOSI RM4,900 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

www.alfajrtraveltours.com

4@5 orang sebilik

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-22
(17-18 MAC 2018)
INSTITUT LATIHAN PEGAWAI AWAM, IPOH, PERAK



SILA HUBUNGI :
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines
نسمالطيران

PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH

HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON RM2,750 (KUL/JED/JED/KUL)
PEAK SEASON RM2,850 (KUL/JED/JED/KUL)



DISEMBER (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
04 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
07 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
09 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
13 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
14 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
18 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
19 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
23 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
28 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
29 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690

JANUARI (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
13 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
25 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990

FEBRUARI (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
05 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890
08 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
14 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
19 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
26 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MAC (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
12 MAC	KUL/MED/JED/KUL	4,990
19 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,690

22 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990

APRIL (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
09 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890
12 APR	KUL/MED/JED/KUL	5,090
19 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
30 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MEI (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,090
10 MEI	KUL/JED/MED/KUL	4,990
14 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,990
21 MEI	KUL/JED/MED/KUL	6,390
24 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,290



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

TEL : 03-6127 7790 016-332 4452 / 53

FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

KEDAH

UST FITRI / HJ AZIZAN
04-4480709
011-4066 0800 / 013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

MELAKA
HJ RAZAK OMAR
012-310 8464

SELANGOR
HJ NORSHAM
011-3231 4248

PERAK
EN FAIZUL
012-568 1150

KELANTAN
CIKGU NASIR
013-906 5903

PAHANG
HJ YUSOF
016-987 5115

PPINANG
UST LATIF
019-510 0255

NEGERI SEMBILAN
HJ RAZAK AMIT
017-327 2205

JOHOR
HJ KAMAR
019-776 3300

SABAH
HJ AWANG ADI
013-559 8889

SERAWAK
HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN
AMPANG MOHD ROZARIZAL
AMPANG HJ HJ CONNIE
AMPANG HJ HJ ROSNANI
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR
KLANG HAJAH FADILAH
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE
BATANG KALI USTAZ ANAS
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT
KLANG HJ MUSTAFAR
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA
BANGI HJ MOHD JAJOLI
SHAH ALAM HJ HASSAN
HULU KELANG HJ ROZALI
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL
BANGI HJ NORIBAH
HULU SELANGOR NORAISHAH
SERENDAH RADZIAH MD ISA
PAHANG
BENTONG HJ ROHANI
JENGA HJ RABIAH
KUANTAN HJ MARZIANI
PEKAN HJ YUSUF AWANG
TEMERLOH HJ JOHARI
KUANTAN HJ NORMAH
BENTONG HJ ABD MANAN
RAUB NAIM ASHAARI
FELDA BUKIT GOH HJ SHARIFAH
SARAWAK
SG.LADA, SG MIRI ASLI

Wakil Daerah

012-640 3144
013-364 8452
017-681 2727
019-256 0478
013-607 7722
011-3550 0615
019-277 7070
019-225 0189
019-332 6002
012-350 5437
012-235 8640
019-359 8423
010-221 2962
019-250 1210
019-214 0246
019-234 1922
012-222 8958
019-567 2254
019-383 4586
013-704 5646
013-908 5969
019-958 4003
012-964 9730
016-987 5115
019-383 4586
012-243 7490
013-950 2565
013-885 1234

SABAH

SABAH HAJI RAMLI
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE
WIP LAJUAN EN ZULKIFLI
KINABATANGAN MOHD JEFRI
KUNAK ENCIC KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN
SANDAKAN ENCIC SAHAR
KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH
ZAN BELURAN AWANG DAMIT
TUARAN & KB MIASIN BIN MION
BALONG HJ ROSNAH
PERAK
BOTA HJ AZIZAH
TAIPING HJ ABDUL RAHIM
IPOH MOHD ANI
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD
BAGAN DATO HAJI HAMZAH
K. LUMPUR
SEMARAK KASHPUL ANUAR
SEGAMBUH HJ ROHANI
DAMANSARA HAJI ROSLEE
KEPONG MEGAT NAJIB
MELAKA
BANDAR MELAKA HJH MASTURA
ALOR GAJAH M.NAZEER
JASIN PN ROHANI HARUN

Wakil Daerah

019-589 3194
019-883 4852
013-556 9894
014-504 1963
011-5166 5530
014-865 5663
017-647 1594
019-803 0104
013-893 6806
019-823 1419
013-286 8839
010-510 7871
019-808 3885
016-774 8965
016-562 8140
012-589 8965
017-523 9308
014-254 5221
019-347 1575
016-656 5803
019-248 3420
012-327 6401
012-315 8613
017-347 7612
017-698 1474
012-651 6003

KELANTAN

KOTA BHARU USTAZ OSMAN
PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI
BACHOK CIKGU NURI
NILAM PURI USTAZ MUHAMAD ZULKIFLI
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID
PASIR MAS HAJI ALIAS
N.SEMBILAN
BAHAU UST ZUBIR
NILAI YAHYA OTHMAN
GEMAS RIZAL KEMIS
TELOK KEMANG ABD RAHMAN
RASAH AZMAL
SEREMBAN UBAIDAH
JELEBU HJ MAZIN
PERLIS
KANGAR MOHD SOLEHIN
KEDAH
BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ
JOHOR
AIR HITAM/UTTM HJ. BAHAUDDIN
PARIT RAJA HJ. YAHYA
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN
SRI GADING HJ. ABD. JALIL
PARIT SULONG HJ. REDZUAN
YONG PENG HJ. A. RAZAK
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM
SRI MEDAN HJ. RAMLI

Wakil Daerah

019-980 8538
013-972 9304
019-989 9028
017-237 2387
012-951 8172
019-915 5656
012-380 6140
011-1096 6342
019-604 6315
017-365 4399
016-685 4141
013-361 2875
011-1064 1046
019-460 5016
019-474 3732
011-1053 0254
013-756 3090
017-729 2402
011-1875 7710
011-1519 2400
013-770 3346
017-716 8499
019-761 1117

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH
RENGIT HJ JUNAIDAH
TKG. PECAH HJ. ARFAH
JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN
SRI GADING HJ. ZAHARAH
SKUDAI EN. ABD. JALIL
NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT
SENAI EN. ZAINUDIN
INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULO
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI
PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM
PARIT RAJA EN. MAIROP
KULAI/TIRAM PN. ROPINAH
SIMPANG RENGAM AZREEN
KLUANG HJ. SHAMSUDIN
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF
MUAR HJ. WAGIMAN
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM
SIMPANG RENGAM ABD.WAHAB MAH
ULU TIRAM HJ. MARJONI
MAJIDEE HJH SUKARTINI
PLENTONG MUHAMMED ALI
BANDAR BARI UDA PN. SITI MUTI'AH
SETIA INDAH HASNIZAN
PASIR RAJA EN. SULAIMAN
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN
TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD
PARIT RAJA MOHD ZAINOL
PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI
TAMAN PUTERI USTAZ NORAMAHAINI
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

012-739 8477
012-722 8004
013-956 2524
017-752 2803
017-268 9029
019-700 0440
013-777 7044
019-779 9767
019-661 3068
012-798 4778
018-577 8898
019-776 3345
013-749 4432
019-797 2464
013-750 1889
017-712 3556
013-770 2810
019-777 0075
019-715 1764
019-792 6047
013-700 0454
019-720 0536
016-717 9098
013-754 6044
013-716 4114
019-709 1148
019-313 2274
016-707 2307
011-1273 7991
016-751 6565
013-722 4568
019-778 4487
019-728 2233
019-728 3783
019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1.AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).
Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

Apa punca Hadi tidak sertai himpunan Palestin terus jadi tandatanya

Apakah punca sebenarnya Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak menyertai Himpunan Solidariti Selamatkan Baitul Maqdis di Putrajaya kini terus menjadi tandatanya.

Ini kerana, alasan beliau tidak sihat sebagaimana yang diberikan oleh sesetengah pihak tidak boleh diterima.

Ini kerana pada hari Jumaat 22 Disember itu beliau kelihatan memberikan Kuliah Jumaat bahkan juga membaca Khutbah Jumaat di Masjid Rusila, Marang, Terengganu.

Poster penyertaan Hadi dan Najib di majlis itu telah disebarkan sejak seminggu sebelum majlis berlangsung iaitu bermula 15 Disember lagi.

Bahkan timbalan beliau, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang dijadualkan menyertai forum yang diadakan sebelum Hadi dan Najib dijadualkan berucap juga tidak muncul.

Anak Hadi, Khalil Abdul Hadi yang mewakilinya di himpunan itu ketika ditemui pemberita tidak menjelaskan mengapa Hadi tidak dapat hadir ke tunjuk perasaan hari ini.

"Insyallah, beliau akan hadir dalam program-program akan datang. Saya percaya akan ada lagi program-program akan datang," katanya.

Hadi sering menegaskan sebelum ini, Pas akan bekerjasama dengan Umno untuk perkara kebaikan.

Seorang aktivis Pas mendakwa, Hadi dan Tuan



MANA HADI... Mungkin itu yang ditanya Najib kepada Zahid dalam himpunan di Masjid Putra baru-baru ini yang menyaksikan Hadi tidak datang walaupun mukanya besar di poster dan latar belakang pentas.

Ibrahim tidak menerima sebarang surat jemputan rasmi ke majlis itu.

"Sebab itulah kedua-dua mereka tak datang," katanya.

Seorang pemimpin Umno Marang pula berkata, beliau diberitahu Hadi tidak sihat pada hari berkenaan sehingga menyebabkan beliau tidak dapat hadir bersama Najib Razak di Masjid Putra itu.

Pada 15 Disember, timbalan perdana menteri yang dipetik *Malay Mail Online* berkata, selain presiden Umno dan Pas serta beberapa kumpulan badan bukan kerajaan (NGO) Islam akan menyertai perhimpunan di Masjid Putra antara 2.30 hingga 4 petang Jumaat, 22 Disember.

"Perdana menteri akan menyampaikan ucapan, manakala Hadi juga akan berucap. Ucapan ke-3 akan disampaikan wakil sebuah NGO," kata

Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

TEORI KENAPA TAK HADIR

Selain teori tidak sihat dan tidak mendapat surat jemputan, teori Hadi tidak senang dengan Najib ekoran kegagalan Umno untuk memenuhi syarat kerjasama antara Pas dengan Umno juga berbangkit.

Ini ekoran kegagalan Najib untuk meyakinkan Umno Kelantan dan Tengku Razaleigh Hamzah agar memberikan laluan kepada Pas untuk terus memimpin Kelantan.

Dalam pertemuan dengan pemimpin Umno Kelantan dan Ku Li di Kuala Lumpur seminggu sebelum Perhimpunan Agung Umno 2017 (PAU 17), Najib dikatakan gagal memujuk mereka untuk menerima syarat kerjasama Umno dan Pas itu.

Menurut sumber, Umno Kelantan dan Ku Li bertegas inilah masanya Umno berpeluang untuk merampas Kelantan kembali selepas ia jatuh ke tangan Pas sejak 37 tahun lalu, bermula 1990.

Oleh itu, mereka menolak Umno Kelantan dikorbankan untuk mencapai hasrat Najib untuk bekerjasama dengan Pas itu.

Semasa PAU 17, iaitu seminggu selepas pertemuan di Lenggak Golf itu, Najib hanya menyebut Pas secara sepintas lalu sahaja berbanding PAU sebelum itu yang memuji dan memuja Hadi dan Pas.

Pendedahan Felda untuk selamatkan Najib, dakwa bekas pengarang

SEMUA pihak diberikan ingatan, bahawa Umno mempunyai 'udang di sebalik batu' apabila mendedahkan isu kehilangan tanah Felda bernilai RM270 juta di Jalan Semarak.

Bekas pengarang sebuah akhbar pro Umno yang kini Setiausaha Bersatu Terengganu, Hambali Abdul Latif berkata, apabila Berita Harian tiba-tiba mendedahkan isu ini, ia mesti ada 'udang di sebalik batu'.

"Silap-silap Umno/BN akan menggunakan satu pelauru untuk menjatuhkan beberapa ekor helang.

"Asalkan membawa keuntungan dalam PRU14 dan Najib dapat dikekalkan kedudukannya, mangsa politik atau 'kambing hitam' yang terpaksa dikorbankan bukan isu besar bagi mereka," kata Hambali, bekas Pengarang Harian Metro dalam blognya.

Beliau bimbang isu ini akan dijadikan 'peluru terancang' untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa kerajaan Najib dan BN telus.

Malah Najib dengan tegas mahu pihak berkuasa menjalankan siasatan terperinci berhubung isu pemilihan tanah

melibatkan Felda sambil menegaskan tindakan akan diambil terhadap sebarang kecurian atau salah laku berasaskan laporan siasatan.

"Langkah memelihara kepentingan Felda dan peneroka perlu diambil," tulis Hambali memetik kata-kata Najib.

"Sejujurnya, saya tidak percaya isu pemilihan tanah Felda bernilai RM270 juta di Jalan Semarak, Kuala Lumpur akan menyusahkan Perdana Menteri, kerajaan Barisan Nasional (BN) dan Felda sendiri," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, jika isu ini dikendalikan dengan baik, ia akan memberikan kelebihan kepada Najib Razak dan BN menempuh Pilihan raya Umum ke-14 nanti.

"Ingin disebutkan di sini, sesuatu yang aneh berlaku ialah apabila akhbar arus perdana, Berita Harian yang 'membongkar dan mendedahkan' isu ini.

"Berdasarkan pengalaman lalu, jika akhbar perdana yang pro-Umno mendedahkan sesuatu isu, ia lebih kepada kepentingan kerajaan atau BN mencari keuntungan politik.

"Pengalaman bekerja di akhbar perdana menguatkan

kepercayaan saya bahawa isu ini sengaja didedahkan untuk kepentingan dan keuntungan politik Najib dan BN," katanya.

Malah, katanya, bukan Berita Harian sahaja nampaknya berminat dengan isu ini, malah akhbar perdana lain juga turut memainkan isu ini.

"Pendedahan sebegini memang tidak berani dilakukan oleh semua media perdana jika tiada 'telunjuk' yang menunjukkan arah untuk mereka bertindak," katanya.

Ingat kembali, siapa mendedahkan isu membabitkan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik?

"Bukankah akhbar pro-Umno, Utusan Malaysia yang mula mendedahkan 'isu seks dan budak bawah umur' berkenaan?" tambahnya.

Beliau mempersoalkan, kenapa selepas setahun ia diketahui oleh pihak tertentu dalam kerajaan dan Felda mengenai perkara ini, baru didedahkan? Kenapa ketika diambangkan PRU14?

"Perkara tentang pindah milik tanah Felda ini saya sedar pada akhir Januari apabila Jabatan Pengurusan Felda me-

maklumkan pada saya ada 3 perjanjian jual beli melibatkan tanah milik Felda," kata Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad, petik Hambali.

"Jika sudah diketahui kenapa lambat mengambil tindakan? Sengaja dirancang dan memang 'terancang sepenuhnya?' soal beliau.

Beliau juga bertanya, kenapa pemimpin kerajaan khususnya menteri dan pengurusan Felda langsung tidak menampakkan mereka panik dengan isu ini?

Shahrir turut mengatakan laporan polis telah dibuat selepas isu itu dibangkitkan di Jabatan Perdana Menteri 12 Disember lalu.

Ditanya sama ada laporan polis turut menamakan Isa atau ahli lembaga pengarah pada waktu itu, Shahrir berkata hanya pemaju disebut dan menyerahkan soal lain kepada polis untuk siasatan.

Shahrir menegaskan bersedia mengambil segala bentuk tindakan bagi mendapatkan semula hak ke atas tanah berkenaan.

Malah, selain laporan polis yang dibuat pada 12 Disember lepas, tindakan turut diambil

dengan mendaftarkan kaveat ke atas tanah itu, membatalkan surat kuasa wakil penuh yang dikeluarkan dan mengambil tindakan sivil terhadap pihak yang terlibat.

Berita Harian melaporkan Jabatan Perdana Menteri sudah mengarahkan audit forensik terhadap kes berkenaan disiapkan dalam tempoh sebulan bermula Januari depan.

Audit forensik terbabit akan dilaksanakan pasukan audit dari luar Felda seperti diarahkan Perdana Menteri.

Selain audit forensik, Felda juga dilapor sedang dalam proses membatalkan surat kuasa (PA) yang dipercayai sudah disalahgunakan selain menukar kaveat persendirian kepada Kaveat Pendaftar dengan Jabatan Tanah dan Galian Kuala Lumpur.

"Amat jelas sama ada Najib, Shahrir atau Felda sudah tahu apa langkah rapi atau terancang yang boleh dilakukan untuk mengambil balik tanah berkenaan," tegas beliau.

Selain Felda, Tan Sri Isa Samad juga nampaknya tidak gelabah, dakwa Hambali.

Isa adalah pengerusi Felda

dari 2011 hingga Januari 2017 selain merupakan bekas pengerusi Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan bekas Pengerusi Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FIC).

Kataya, Isa tenang dan Shahrir juga tenang sahaja. Sedangkan menurut pendedahan itu, Felda berisiko hilang pemilihan tanah bernilai RM270 juta di Jalan Semarak itu, ekoran pemindahan hak milik pada 2015 yang didakwa "meragukan".

Malah, penilai bebas menganggarkan harga tanah berkenaan kini mencecah RM1 bilion.

Selain kerugian berbilion ringgit bagaikan perkara biasa di era Najib, kehilangan harta Felda ini bagaikan sesuatu yang enteng dan bukan sesuatu yang perlu disegerakan.

Sedangkan jelas tanah itu sedang dibangunkan sebagai sebahagian daripada projek Kuala Lumpur Vertical City (KLVC). Ia melibatkan tujuh menara – termasuk sebuah menara Felda, bangunan 68 tingkat merangkumi 59 tingkat ruang pejabat dan helipad.

Kabinet 'Melayu-Islam' di sisi Perlembagaan Persekutuan

Oleh KANUN

Apabila portal *New Straits Times* (24/12/2017) melaporkan bahawa PAS impikan semua ahli kabinet Malaysia terdiri daripada Melayu-Islam (*PAS President: All-Malay Cabinet Members For Malay*), pemimpin kanan PAS bertalu-talu membuat penafian.

Adakah penafian itu lahir dari hati yang tulus atau penafian itu disebabkan desakan tidak puas hati Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) atau kekhawatiran kehilangan undi bukan Islam masih tidak diketahui.

Apa pun nampaknya pimpinan PAS selain Presiden PAS tidak senang dengan laporan portal NST itu.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man menyifatkan sebilangan portal media telah menggunakan tajuk sensasi untuk memutar belit maksud sebenar Presiden PAS.

Beliau menyatakan bahawa maksud utama ulasan Presiden PAS ialah "Melayu-Islam perlu memimpin di dalam konteks politik Malaysia dan bukan Islam diterima untuk memerintah bersama di dalam bidang-bidang kepakaran dan pengurusan." (*Harakahdaily*: 26/12/2017).

Ketua Penerangan PAS yang juga Ahli Parlimen Temerloh, YB Nasrudin Hassan Tantawi pula menyatakan bahawa Presiden PAS hanya "menegaskan kepentingan dan keperluan untuk orang Melayu-Islam menjadi teras (Perdana Menteri sebagai *Wazirul Tafwid*) dalam sistem politik dan struktur pentadbiran negara berdasarkan fiqh politik Islam."

Selanjutnya, Nasrudin menyatakan kenyataan Presiden PAS yang menyebut, "Islam meletakkan mestilah ketua

negara dan anggota kabinetnya yang beraqidah Islam daripada bangsa yang paling berpengaruh", bukanlah bermaksud semua ahli kabinet, tetapi merujuk kepada ahli kabinet bagi *Wizarah Tafwid* untuk kementerian tertentu yang disyaratkan mesti beragama Islam menurut kaedah Fiqh Islam.

Anehnya, Presiden PAS hanya berdiam diri tatkala pemimpin-pemimpin kanan PAS kelam-kabut membela Presiden PAS. Sepatutnya, Presiden PAS sendiri yang mengeluarkan penjelasan lanjut berkaitan tulisan Minda Presiden PAS yang bertajuk "Mengapa Kalau Islam Tidak Boleh? (22/12/2017)"

Perkara 43 Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) akan melantik seorang Perdana Menteri yang pada hematnya akan mendapat sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat.

Manakala, Jemaah Menteri pula akan dilantik oleh YDPA setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri itu, dengan syarat mereka mestilah Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara (Senator).

Tidak disyaratkan dalam mana-mana peruntukan Perlembagaan itu bahawa Perdana Menteri hendaklah seorang Melayu-Islam. Tidak juga dinyatakan ahli Jemaah Menteri juga mesti komposisinya daripada pelbagai kaum.

Ini bermakna, jika benar sekali pun Presiden PAS mengimpikan kesemua ahli kabinet adalah Melayu-Islam, ianya tidaklah bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan. Begitu juga, tiada salahnya di sisi Perlembagaan jika kesemua ahli kabinet adalah bukan Melayu-Islam.

Namun, sebagaimana yang selalu



disebut oleh Prof. Dr Abdul Aziz Bari bahawa peruntukan Perlembagaan hanyalah sekadar himpunan tulisan "black letter of law" tetapi kitalah yang akan memberikan makna sebenar kepada tulisan itu.

Perlembagaan adalah suatu dokumen yang hidup (*living document*) yang bergantung kepada amalan pengamalannya.

Wajarkah kesemua ahli kabinet terdiri daripada Melayu-Islam apabila masyarakat Malaysia ini terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

Kabinet Malaysia bukan sahaja pelaksana dasar tetapi juga adalah pencadang dan pemikir kepada dasar kerajaan yang memerintah. Hampir kesemua rang undang-undang yang dibentangkan di Parlimen perlu melalui kelulusan kabinet sebelum ianya sampai ke Parlimen.

Maka, pastinya orang bukan Islam mesti mahukan wakil mereka berada dalam kabinet untuk menjaga kepentingan mereka. Kerana itulah, Barisan Nasional sehingga kini dapat bertahan kerana menggunakan formula perkongsian kuasa antara semua kaum dan agama.

Begitu juga, Pakatan Harapan juga akan menggunakan model pemerintahan perkongsian kuasa dan pada masa yang sama akan turut menjaga keistimewaan Melayu-Bumiputra dan Islam sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Anggota kabinet Melayu-Islam sepenuhnya akhirnya adalah hanya sekadar suatu impian suci sesetengah manusia yang tidak sesuai dengan konteks masyarakat Malaysia.

Apabila Presiden PAS merujuk kepada Imam Al-Mawardi yang mengharuskan perlantikan bukan Islam dalam jawatan *Wazir Al-Tanfiz* (menteri atau ahli kabinet yang melaksanakan pengurusan), bukan *Wazir Al-Tafwid* (membuat polisi dan dasar negara) ianya harus dilihat kepada konteks kenegaraan zaman moden.

Kabinet Malaysia tidak membezakan jawatan *Wazir Al-Tanfiz* atau *Wazir Al-Tafwid*. Fungsi menteri adalah seperti yang digariskan dalam Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 yang diperincikan dengan lebih jelas dalam warta yang dikeluarkan.

Setiap menteri juga perlu mempunyai sifat tanggungjawab kolektif kepada kabinet. Setiap kementerian juga mempunyai dasar kementerian dan membuat polisi yang difikirkan perlu untuk melaksanakan dasar yang ditetapkan.

Oleh itu, menggunakan pandangan Imam Al-Mawardi secara bulat-bulat adalah tidak sesuai dengan konteks masyarakat Malaysia. Pandangan Imam Al-Mawardi itu harus dilihat konteks tulisannya pada zaman pemerintahan Khalifah Abbasiyyah.

Kini kejayaan Malaysia adalah berlainan sama sekali dengan konteks pemerintahan Khalifah Abbasiyyah. Justeru, pandangannya itu perlu dilihat konteksnya menurut Perlembagaan Persekutuan.

Perkara pokok dalam politik Islam adalah untuk membawa kesaksamaan dan keadilan dalam masyarakat. Islam bukanlah setakat mahukan pemimpin-

nya beragama Islam tetapi mahukan pemerintahan yang amanah, bertanggungjawab, berintegriti dan bebas rasuah.

Islam tidak bermusuhan dengan orang bukan Islam dan Nabi Muhammad saw serta para khalifah telah menunjukkan contoh bagaimana orang bukan Islam mampu hidup aman damai dengan orang Islam tanpa persengketaan.

Inilah yang sebenarnya keanjalan sistem politik Islam dan bukanlah keanjalan yang disilapafsirkan oleh Presiden PAS.

Parti Amanah Negara telah memelopori gagasan pemerintahan Islam yang sederhana dan bukanlah Islam yang berbentuk ancaman kepada agama serta bangsa lain.

Hakikatnya, semua bangsa dan penganut agama perlu berpegang kepada prinsip yang digariskan dalam Perlembagaan Persekutuan untuk menjamin kerukunan dan keharmonian hidup.

Kita percaya ruang untuk Islam berkembang adalah sangat luas dalam kerangka Perlembagaan yang sedia ada. Kita juga percaya kedudukan orang Melayu tetap utuh di sisi Perlembagaan.

Kita juga percaya institusi Raja-Raja Melayu akan terus berfungsi dengan sewajarnya walaupun kabinet Pakatan Harapan kelak terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa.

Justeru, politik ekstremisme Islam hanyalah membangkitkan ketakutan orang bukan Islam kepada Islam itu sendiri sekaligus menjauhkan usaha dakwah Islam ke atas mereka.

Mereka yang sebegini sewajarnya dipinggirkan terus daripada persada politik tanahair.

MCA sahut cabaran Tuan Ibrahim yang cuba bela Hadi

JURUCAKAP MCA, Datuk Seri Ti Lian Ker menyambut cabaran timbalan presiden Pas Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang meminta diberikan bukti Presiden Pas mahu kabinet Melayu sahaja.

"Demi agama dan demi kebenaran, saya ingin menyahut cabaran Timbalan Presiden PAS Tuan Ibrahim Tuan Man yang menuding jari menyalahkan akhbar NST memutar belitkan kenyataan Datuk Seri Abdul Hadi Awang presiden PAS bahawa hanya pemimpin Melayu dan Islam boleh menjadi menteri di Malaysia," kata Lian Ker dalam satu kenyataannya.

Katanya, Tuan Ibrahim mengatakan tiada satu ayatpun di dalam kenyataan Presiden Pas yang mahu kabinet Melayu sahaja.

Untuk menangkis penafian Timbalan Presiden PAS itu, beliau mengajak semua pihak meneliti pernyataan Presiden PAS itu secara "verbatim" iaitu:

"Islam meletakkan mestilah ketua negara dan anggota kabinetnya yang beraqidah Islam daripada bangsa yang

paling berpengaruh."

Katanya, Presiden Pas menekankan secara nyata bahawa "Islam tegas mewajibkan" perkara "dasar dan konsep" seharusnya diletak di bawah kepimpinan penganut Islam dan cuma akan menerima bukan Islam "dalam aspek kepakaran dan pengurusan, bukannya perkara dasar dan konsep"

Katanya, itu sudah jelas presiden Pas telah tegas mewajibkan perkara dasar dan konsep (yang merupakan bidang kuasa yang dirangkumi oleh Kabinet) hanyalah boleh dianggotai oleh penganut Islam.

Dalam pada itu, di tegaskan lagi penganut bukan Islam cuma diterima dalam aspek 'kepakaran dan pengurusan', katanya.

Menurut beliau, kenapa pula Presiden Pas atau parti Pas harus mendiskriminasi kaum bukan Islam dengan larangan mereka tidak boleh memimpin atau menyentuh perkara dasar dan konsep?

"Adakah ini konsep keadilan dan kemanusiaan yang dilau-laungkan oleh

pemimpin Pas?" tanya beliau.

"Bagaimanakah kita hendak dipercayai Presiden Pas dan partinya sekiranya kenyataan yang dinyatakan dengan begitu jelas sekali dalam bahasa dan organ partinya Harakah Daily boleh dinafikan bila menerima kecaman umum?" tempelak beliau.

Beliau mempertikaikan, dimana keikhlasan dan kejujuran pemimpin-pemimpin parti Pas kalau mereka boleh berselindung atas watak agama untuk menidakan kenyataan yang nyata dan jelas dengan hanya menuding jari atau menyalahkan pihak ketiga atas tuduhan fitnah.

"Pas yang bermain politik tetapi orang lain pula yang dituduh berpolitik dan menfitnah! Adakah pemimpin-pemimpin PAS kebal atau mereka sudah terlalu angkuh diri? Manusia tetap manusia dan bernaifu serta berkelemahan. Mereka tidak boleh dipercayai sepenuhnya seakan mereka itu malaikat?" katanya.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:
luqman.malaysiadateline@gmail.com
Sebelum 31 Januari 2018

Tun M ada 'x-factor' tarik pengundi Melayu

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Ahli Jawatankuasa AMANAH, Hanipa Maidin berpendapat Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai kekuatan tersendiri untuk menarik sokongan pengundi Melayu.

Menurutnya, ciri 'x-factor' pada Pengerusi PPBM itu dilihat mungkin tidak dimiliki pada pemimpin lain dalam Pakatan Harapan (PH).

"Saya nampak Tun M (Mahathir) mampu menarik undi orang Melayu yang selama ini amat sukar ditembusi oleh pemimpin PH yang lain seperti pengundi Felda.

"Lihatlah betapa hebatnya Tun M boleh dikaitkan dengan golongan artis yang digilai oleh pengundi muda," ujarnya dipetik daripada status Facebook beliau.

Pengerusi Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) itu berkata demikian ketika mengulas pilihan popular Mahathir sebagai calon Perdana Menteri selain Datuk Seri Anwar Ibrahim jika PH mengambil alih kerajaan.

Menganggap polemik calon Perdana Menteri daripada PH sebagai sihat dan melambangkan demokrasi subur, Hanipa berpendapat Mahathir mungkin tidak menghadapi masalah hambatan perundangan seperti Anwar.

"Namun, beliau (Mahathir) nampaknya

juga tidak disenangi oleh sesetengah pihak khususnya mereka yang sukar nak lupakan apa yang beliau lakukan ketika beliau berkuasa dan menerajui negara ini.

"Saya biasa dengar rungutan dari mereka yang tidak senang dengan Tun M bahawa mereka melahirkan kebimbangan jika Tun M menjadi PM (Perdana Menteri), beliau mungkin akan kembali kepada tabiat lama yang sering disinonimkan dengan kediktatoran dan kezaliman," katanya.

Walaupun tidak menolak kebimbangan itu, Hanipa menganggap jangkaan itu masih tetap berstatus spekulasi memandangkan beberapa pemimpin pembangkang yang mempunyai pengalaman dikenakan tekanan ketika Mahathir menjadi Perdana Menteri sudah pun menerima tokoh berkenaan.

"Logiknya insan seperti Presiden AMANAH, YB Gelang Patah, YAB Bagan, YB Shah Alam hatta DSAI sendiri yang pernah menjadi mangsa kezaliman undang-undang drakonian di zaman Tun M, sepatutnya tidak boleh bersama dengan Tun M.



Hanipa Maidin

"Tapi lihatlah sifat 'gentleman' mereka. Begitu juga YB Permatang Pauh dan YB Lembah Pantai atau YB Puchong. Mustahil mereka lupa apa yang berlaku pada suami atau bapa mereka di zaman Tun M," hujahnya.

Ahli Parlimen Sepang berkenaan berkata, pemimpin Pakatan Harapan terbahit mungkin sanggup melupakan sejarah pahit mereka dengan Mahathir kerana mengutamakan agenda yang lebih penting.

"Ingin selamatkan negara tercinta ini dari terus dirosakkan oleh si kleptokrat yang berselirat dengan skandal dan bebankan rakyat," tegasnya.

Bagi pendirian AMANAH pula, Hanipa berkata, mereka sudah tentu mencontohi 'qudwah' atau model yang dipamerkan oleh Rasulullah s.a.w. ke atas musuhnya semasa 'fathu Makkah' iaitu pembukaan Kota Makkah pada tahun 8 Hijrah.

Sehubungan itu, beliau berpendapat tidak adil untuk terus menerus bersangka buruk dengan Tun Mahathir yang bersama-sama Pakatan Harapan untuk menyelamatkan negara.

Tun Mahathir juga dilihat tidak akan bertindak

sewenang-wenangnya memandangkan Pakatan Harapan mempunyai pemimpin yang tegas.

"Ya, Tun M ada sejarah yang tidak menggembirakan dahulu tetapi siapa yang tiada? Apatah lagi, Tun M pun kini menjadi mangsa kezaliman BN-Umno.

"Bagi saya, untuk berlaku adil kepada Tun M, dahulu beliau boleh dikatakan dikelilingi oleh ramai 'yes men' atau 'pak angguk' yang tidak berani mungkin menegur beliau hatta jika dia melakukan kesilapan.

"Namun keadaan sekarang jauh berbeza. Dengan wujudnya pemimpin seperti YB Shah Alam atau YB Puchong, saya tak rasa Tun M bebas seperti dalam BN dulu," katanya.

Bagaimanapun, beliau berpendapat PH wajib menangani kebimbangan pihak yang menganggap Mahathir mungkin kembali kepada zaman lamanya jika tokoh itu yang dipilih sebagai calon Perdana Menteri.

"Mekanismenya bagi saya, boleh dibincangkan secara baik dan jujur. Apa pun saya amat senang sekali rakyat sudah makin tidak bincang MO1 (Malaysian Official 1) jadi PM.

"YB Marang (Datuk Seri Abdul Hadi Awang) lagi tak masuk senarai dari awal," sindir Hanipa lagi.

Iktiraf Baitulmaqdis Timur ibu kota Palestin

KUALA LUMPUR: Ketua Umum Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu kerajaan Malaysia konsisten dalam mengiktiraf Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kota Palestin.

Beliau berkata, perjuangan rakyat Palestin adalah perjuangan mempertahankan hak rakyat yang diusir dari tanah air mereka oleh rejim Israel.

Sarjuna Edward Said, ujarnya menyifatkan tindakan rejim Zionis Israel sebagai "tindakan rakus merampas hak rakyat, sekali gus menutup ruang bagi mereka bersuara serta

mempertahan hak".

"Betapa culas dan lekanya kita, jika keadaan di Palestin ini dibiarkan berlanjutan tanpa ada sebarang solusi atau kata sepakat yang dapat dicapai melalui agensi-agensi antarabangsa.

"Penindasan ke atas kedaulatan dan hak asasi di Palestin harus segera dihentikan demi kesejahteraan sejagat," tegas beliau dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, Anwar mahu Malaysia mendokong usaha menjadikan Baitulmaqdis Timur sebagai ibukota Palestin dan

bukan sekadar mengeluarkan kenyataan bermusim yang timbul apabila adanya perkembangan negatif di wilayah yang bergolak itu.

Perkembangan terkini ujarnya lagi, menyangkut perjuangan hak rakyat Palestin amat memprihatinkan.

"Saya sendiri cukup terkesan dengan situasi yang semakin meruncing di negara tersebut, di saat negara-negara Islam kian bergolak dengan krisis diplomatik dan isu dalaman.

"Berita tentang keputusan angkuh

Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump yang menyerahkan kota suci Baitulmaqdis kepada rejim Israel, wajar dibantah umat Islam dan rakyat yang cintakan keadilan," tegas beliau.

Anwar menyeru masyarakat dunia mengecam tindakan terbaru Trump, yang sewenang-wenangnya menggunakan kuasa veto bagi menghalang keputusan Majlis Keselamatan PBB berhubung penarikan semula pengiktirafan Baitulmaqdis sebagai ibu kota Israel yang baru.

Dilarang minta jawatan bukan namakan PM, jelas Dr Rozaimi

KUALA LUMPUR: Pandangan Presiden Pas bahawa menamakan calon perdana menteri dan mewujudkan 'kabinet bayangan' bercanggah dengan adab Islam tidak dipersetujui pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII) Dr Rozaimi Ramle.

Malah pensyarah ilmu hadis dan usul fiqh itu menyifatkan Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah menafsirkan kisah Bani Amir di luar konteks.

Menurutnya, kisah Bani Amir yang dinukilkan oleh Ibn Ishaq tidak berkaitan dengan penamaan calon pemimpin, sebaliknya berkait isu meminta jawatan.

"Jika dilihat daripada teks (riwayat) ini jelas bahawa Bani Amir sudah dapat gambaran bahawa Nabi akan menjadi pemimpin mereka. Ini seolah mereka sudah dapat gambaran calon pemimpin apabila

menang dan membentuk kerajaan nanti. Justeru mereka mahu berkuasa setelah Nabi," jelas beliau.

Beliau menyifatkan cubaan menggunakan riwayat tersebut untuk mendakwa menamakan calon pemimpin sebagai bukan adab Islam adalah tersasar.

Dr Rozaimi juga mengingatkan bahawa para ulama tidak sepakat dalam isu larangan meminta jawatan, malah sebahagian ulama yang memperincikan hukumnya membenarkan bagi mereka yang layak.

"Dan inilah pandangan yang kuat bagi sebahagian pengkaji moden," katanya.

Beliau turut mempersoalkan tulisan Abdul Hadi berhubung isu ini yang dianggapnya sebagai tidak konsisten (flip flop).

"Sekejap berpegang dengan maqasid (objektif) di sebalik hadis seperti mana

dalam mukadimahnyanya. Sekejap mahu berpegang dengan literal hadis yang melarang meminta jawatan," kata beliau lagi.

Menurutnya, jika menamakan calon perdana menteri dianggap sebagai 'meminta jawatan', mengapa Abdul Hadi tidak terus mengatakan bahawa bertanding dalam pilihan raya juga meminta jawatan dan ia dilarang, sedangkan ia lebih menjurus kepada 'meminta jawatan' dari pengundi.

"Jika meletakkan calon PM dikatakan menyalahi adab Islam, bagaimana pula dengan meletakkan manifesto? Bukankah kedua-dua isu ini berkait rapat iaitu meyakinkan pengundi tentang visi dan misi parti yang bertanding untuk meraih undi dan keyakinan dari pengundi?" soal beliau.

Beliau mengingatkan bahawa isu politik dalam Islam kebanyakannya bersifat ijtihad

dan anjal.

Khulafa ar-rasyidin juga, jelas beliau berjihad dalam politik dan ini dibuktikan dengan tindakan Khalifah Abu Bakar mencadangkan Umar sebagai pengganti beliau.

"Adakah Abu Bakar tidak mengamalkan adab Islam? Tidak sama sekali. Ia isu ijtihad," jelasnya.

Sehubungan itu, Dr Rozaimi mengangap pihak yang mendakwa menamakan calon perdana menteri sebagai bukan adab Islam sebenarnya menyalahi adab Islam.

"Jangan digunakan nama Islam untuk tindakan kita sewenang-wenangnya kerana bimbang nanti bila kita tukar pandangan nama Islam akan dibawa tukar juga," pesan beliau.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Pas dan Umno dalam 'tailspin' yang parah

“Politik 'Matang dan Sejahtera' yang kononnya dipelopori Pas kini, semakin menjerumuskan parti Islam itu ke jalur pemikiran 'ekstrem kanan' atau 'far right' dalam pegangan ideologi sebegini.”

MENAMATKAN hari-hari akhir tahun gelora 2017, dua parti terbesar di tanah air sedang mengalami semacam fenomena pesawat helikopter yang sedang mengalami kerosakan enjin di angkasa.

Apakah sedikit waktu lagi akan mengalami satu 'tailspin' - berputar keras lalu menjunam dan terhempas? Aduh... sangat getir, ngeri dan trajis sekali gambaran yang penulis lakarkan.

Ya, yang dimaksudkan adalah Parti Islam Se-Malaysia, Pas dan United Malay National Organisation, Umno. Penulis sangat berhajat dibuktikan salah dalam telahannya. Malangnya, panel juri masih belum bersidang. Dalam pasaran bebas berpendapat dan berkarya ini, anda juga berhak untuk menulis dan menyatakan pandangan yang berbeza.

Berkebetulan kedua-dua parti terbesar ini, satu mewakili pembangkang dan satu lagi tonggak parti pemerintah, yang sejak azali merupakan seteru tradisi, semakin 'intim' mutakhir ini. Cakap-cakap tentang kerjasama antaranya, sejak Pas tinggalkan muafakat pembangkang semakin kencang.

Yang masih menjadi tandatanya adalah cara atau kaedah yakni terbuka atau lebih 'seni' atau tertutup. Hampir mustahil terbuka kerana pimpinan dan ahli Pas akar-umbi akan memberontak. Lebih munasabah secara 'sulit'.

Pun begitu, yang penting tujuannya sama. Untuk memastikan Pakatan Harapan (PH) kalah. Maksudnya Umno-BN akan kekal memerintah dan berkuasa. Pas meskipun akan kalah besar, dalam pertandingan tiga penjur, tidak penting.

Yang penting PH mesti digagalkan mengambil alih Putrajaya. Yang pentingnya, DAP tidak diizinkan menjadi tonggak parti pemerintah kononnya nanti seperti mana Umno dalam kerajaan BN. Juga didakwa kekalkan 'Ketuanan Melayu-Islam'. 'Battle-cry' atau 'slogan perang' ini sudah sarat disogokkan di semua media pemerintah saban waktu. Chemuih, rakyat dengar.

Nah, kenapa pulak Pas dan Umno mengalami 'tailspin' seperti yang dikatakan penulis? Kerana kesuntukan ruang, huraian ini terpaksa selektif dan ringkas. Semoga difahami tulisan ini baik-baik. Tulisan ini menumpu hanya kepada Pas.

Sebelum reda kecoh-kecoh atau polemik yang dicituskan oleh pernyataan Presiden-nya, Tuan Guru Abdul Hadi Awang tentang isu calon Perdana Menteri PH, beliau tanpa provokasi telah membuat satu lagi pernyataan kontroversi. Kali ini perihal sosok Kabinet sebuah kerajaan.

Dalam polemik bersabit menamakan calon

PM, Haji Hadi dengan nyata merujuk kepada peristiwa persoalan Ketua Kabilah Bani Amir yang diajukan kepada Rasulullah. Itu sandaran beliau lantas membuat pendirian 'tidak boleh' menamakan calon PM.

Tanpa perlu penulis ulas, kerana telah banyak dihuraikan oleh kelompok intelektual Islam, ternyata Haji Hadi mengambil pendekatan golongan 'literalis' lalu menolak cadangan PH dalam menamakan calon PM. Mudah sangat komentar beliau.

Dengan pendirian itu, beliau gagal menunjukkan penguasaannya kepada disiplin Ilmu Maqasid dan keupayaannya meletakkan sesuatu isu dan sikap (maukif) sesuai dengan tuntutan konteks politik dan realiti zaman serta tujuan dan matlamat.

Kontroversi mutakhir lebih kompleks lagi. Penulis agak simpati serta empati dengan posisi malang bekas tuan gurunya. Seluruh kepimpinan seperti timbalan dan ketua penerangan parti, kemudian cuba untuk mempertahankan (baca 'mentabrir') atau merasionalkan tulisan beliau ('Mengapa Kalau Islam Tidak Boleh') yang diterbitkan dalam Harakahdaily milik Pas itu. Semakin dicuba semakin kusut persis tikus baiki labu nampaknya.

Dikatakan bahawa media arus perdana termasuk NST, silap membuat ulasan dan cerapan pernyataan media Presiden Pas itu. Pas dan Presidennya menjadi 'punching bag', diserang teruk saban hari oleh warga netizen dan kelompok politik dari kedua-dua belah.

Secara lebih khusus kenyataan tulisan beliau yang menyebutkan "Islam meletakkan mestilah ketua negara dan anggota kabinetnya yang berakidah Islam daripada bangsa yang paling berpengaruh", pastinya tidak dapat tidak akan mengundang seribu kontroversi dan konflik!

Disambung lagi "ia berdasarkan kaedah pembahagian kementerian yang dibuat dalam kitab fiqh politik Islam kepada 'wizarah al-tafwidh' (pembuat dasar) dan 'wizarah al-tanfiz' (aspek pelaksanaan). Haji Hadi merujuk kepada kitab Imam Al-Mawardi (Al-Ahkam AlSultaniyah wa al-Wilayat al-Diniyyah) yang menulis dalam era Khilafah Abasiyah ketika Islam punya kuasa dan pemerintahan.

Insiden ini telah meletakkan Presiden Pas, partinya, bahkan persepsi terhadap Islam itu sendiri sebagai satu agama yang 'ekstrem, jumud dan ada juga yang menuduh perkauman'. Malang!

Pas lantas memasuki fenomena 'tailspin' yang amat seksa dan menyeksakan. Sangat sukar untuk keluar dari perangkap 'tang-

gapan' atau persepsi jelek ini. Persoalan besar yang ditanya ahli dan penyokong kini adalah mengapa Pas membenarkan parti ini terperosok sebegini rupanya? Mengapa Presiden perlu membangkitkan isu yang tidak pun menjadi pertikaian?

Jelasnya Haji Hadi gagal 'menghitung risiko' menyebutkan perkara seperti ini kerana tidak langsung menghiraukan tuntutan disiplin "Ma'alat Al-Afal" dalam disiplin Maqasid Shariah. Terlalu banyak pernyataan kontroversi dikeluarkan Presiden dan pimpinan Pas dan saling bercanggah dan bersilang! Akhirnya Pas dalam 'tailspin' yang sukar diselamatkan!

Penulis sekadar boleh menjawab sebegini. Pas gagal mentransformasi parti Islam generasi pertama itu kepada parti Islam kontemporari yang sentiasa bergerak dalam ruang lingkup penunjuk Maqasid as-Syariah.

Pas di bawah kepimpinan Haji Hadi sejak awal lebih cenderung melihat nas dan nusus secara 'harfiah' atau mengambil pendekatan 'literalis' dengan pendekatan semata-mata 'qiyas' tanpa menunjukkan minat untuk mentajdid dan memperbaharui kefahaman dengan ijtihad-ijtihad dalam pendekatan nas melalui disiplin Maqasid As-Syariah.

Lalu pemikiran Siasah dan Siasah Syariah yang kini dipelopori ulama-intelek Islam seperti Sheikh Yusuf Qardhawi, Prof Ahmad Raisyuni, Dr Muhammad Imarah bahkan tulisan Ibn Ashur dalam bingkai Maqasid jelasnya bukan minat golongan literalis dan politik Islam generasi pertama.

Justeru tidak mengejutkan penulis bahawa pimpinan parti generasi pertama seperti Pas masih bercakap dalam bahasa 'wizarah al-tafwidh' (pembuat dasar) dan 'wizarah al-tanfiz'! Bahkan silap haribulan mereka masih lagi berwacana dalam laras bahasa 'Darul Harb dan Darul Islam'. Maka akan terpantul juga penggunaan kalimat 'Kafir Harbi dan Kafir Zhimmi' seperti yang disaksikan sedikit waktu dahulu. Huru-hara juga dibuat negara ini...

Pas kekal dalam satu 'time-warp' sejarah dan nostalgia yang mereka takut untuk keluar atau 'graduate' dari 'trajektori' itu. Kononnya takut akan 'inhiraf' atau 'penyimpangan' atau 'kendor'. Pas semacam tidak terus 'belajar' dan mendalami serta terus mengikuti perkembangan Ilmu yang berpijak di atas ilmu turath.

Sejujurnya, apabila parti generasi kedua menggunakan konsep dan disiplin ilmu seperti 'Fiqh Muwatanah' dan 'Fiqh Ta'ayush' sememang pimpinan Pas termasuk



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

Presidennya amat 'blur' dan tidak memahami kesan dan implikasi politik dan persepsi awam yang positif terhadap Islam dan Gerakan Islam.

Penulis mempunyai pengalaman peribadi dalam perihal memperkenalkan konsep-konsep ini semasa dalam parti lama dahulu. Apatah lagi untuk memulakan penggunaan konsep seperti 'Siasatud Dakwah' atau istilah semudah 'Politik Baru'. Mamnuk! Hampir 'haram' lalu tidak pernah disebut dalam Ucapan Dasar Presiden.

Penulis masih ragu-ragu sama ada Pas fahami mereka itu adalah parti Dakwah atau Siasah? Justeru kerana tidak punya konsep 'Siasatud-Dakwah' yakni fahaman dalam anjuran dakwah ada perhitungan siasah (sokongan dan pengaruh atau 'undi') dan dalam bersiasah perlu menghitung untuk melebar-luaskan dakwah Islam. Sesekali kita akan terdengar, "kalah pun tak apa, asalkan boleh berdakwah. Yang penting dapat redha Allah". Mereka tahu tak kalau menang ruang amal, dakwah dan 'jihad' lebih terbentang luas. Alahai sahabat lamaku.

Almarhum Tuan Guru Nik Aziz dan Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor adalah teladan terbaik dalam zaman silam Pas. AMANAH berazam meneruskan legasi ini dengan pengkayaan pendekatan Maqasid As-Syariah.

Pas dan Umno sedang mengalami 'tailspin' yang parah mutakhir ini. Justeru kerana kesempitan ruang, huraian tentang Umno dan Presidennya Datuk Seri Najib Razak tidak dapat penulis lakarkan.

Seperti Haji Hadi, Najib bakal membuka tahun 2018, dengan cabaran yang amat getir sekali. Meskipun tidaklah berjumlah berbilion RM seperti dana 1MDB yang dirompak, tetap skandal tanah Felda Jalan Semarak bernilai RM270 juta bakal mengheret dan menjerumuskan sekelumit saki-baki maruah Najib yang tinggal.

Ya, Najib juga akan melalui fasa 'tailspin' atau 'merudum' yang amat parah sedikit waktu lagi setelah merasakan selamat dari bahana 1MDB.

Maka apakah langkah Pas seterusnya dan bagaimana pula Najib akan mendepani situasi krisis ini? Sama-sama kita pantau dan saksikan.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Projek ECRL hutang bukan pelaburan

KUALA LUMPUR: Projek mega Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang dibanggakan pentadbiran Najib pada hakikatnya suatu bentuk hutang dan bukannya pelaburan.

Perkara ini dibangkitkan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin apabila beliau mempersoalkan projek kontroversi bernilai RM55 bilion itu.

"Kalau betul dia bawa duit, ok lah, berapa banyak pelaburan dia bawa masuk? Keretapi dia bawa duit?"

"Kalau 'loan' makna kata dia bayar balik? Kalau bayar duit itu makna pelaburan? Kalau kamu pelabur kamu kata apa? Tidak, itu pinjaman," katanya dilapor media.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua berkata, persoalan dibangkitkan Daim mampu memperbetulkan persepsi umum bahawa projek

itu satu pelaburan dan membawa keuntungan seperti digembar-gemburkan kerajaan.

Katanya, kerajaan bermati-matian bertegas bahawa projek yang diserahkan kepada syarikat dari China itu sebuah "pelaburan domestik dengan pembiayaan asing".

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan kabinetnya sering menjaja projek berkenaan sebagai kejayaan kerajaan BN meraih pelaburan asing yang besar.

Tony turut mempersoalkan mengapa projek sebesar itu tidak diberikan secara tender terbuka.

"Oleh itu timbul persoalan, siapa yang benar-benar mendapat keuntungan dari kontrak ini?" soalnya.

China Communications Construction Company (CCCC), sebuah syarikat milik

China dianugerahkan projek berkenaan dan dibiayai Export-Import Bank of China (EXIM) pada tahun lalu.

Projek yang memakan kos RM91.7 juta per km itu dianggap pengkritik sebagai mahal dan tidak berpatutan. Dalam pada itu, Tony yang juga Setiausaha Publisiti DAP berkata kerajaan sehingga kini masih tidak menjawab mengapa kontrak pembinaan ECRL diberikan secara terus kepada CCCC dengan nilai RM55 bilion jika projek berkenaan sebenarnya berharga RM30 juta.

"Di manakah lebih RM25 bilion pergi? Adakah ia akan digunakan untuk membayar sebahagian hutang 1MDB sebagai spekulasi untuk menutup skandal kewangan antarabangsa terbesar pentadbiran Najib?" soalnya.

Tindakan Felda beri 'surat kuasa' mengejutkan

KUALA LUMPUR: Persatuan Guaman Hartanah Malaysia (HartaGuam) terkejut dengan tindakan Felda memberikan surat kuasa (power of attorney) kepada pemaju utama tanah miliknya di Jalan Semarak pada 3 Jun 2014.

"Memberi surat wakil kuasa penuh (full power of attorney) kepada pemaju samalah seumpama menyerahkan sepenuhnya projek dan tanah tersebut kepada pemaju tanpa campur tangan daripada pemilik tanah," kata Timbalan Presiden Harta Guam Salkukhairi Abd Sukor.

Menurut Sulkukhairi, dari segi perundangan hartanah pemberian surat kuasa adalah suatu transaksi yang berisiko kerana boleh mendedahkan kepada penyalahgunaan kuasa oleh pemaju termasuk kemungkinan tanah dipindah milik kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan Felda.

Beliau turut membangkitkan kemungkinan wujudnya konflik kepentingan (conflict of interest) apabila Pengerusi Felda, Pengerusi Felda Global Ventures (FGV) dan Felda Investment Corporation (FIC) ialah orang yang sama.

Malah tambah beliau, tanah tersebut juga didakwa telah dipindah milik kepada syarikat lain yang ada kaitan dengan pemaju utama projek tersebut.

Justeru beliau meminta pihak Felda atau FIC memberikan penjelasan dan pihak berkuasa segera menjalankan siasatan.

Sulkukhairi berkata, rakyat berhak untuk mengetahui sama ada transaksi pembangunan tanah tersebut mematuhi terma-terma perundangan.

Isu Wisma Felda telah dibangkit sejak 2014, jelas Anak

Oleh **AMNI JAGAT**

JOHOR BAHRU: Persatuan Anak Pene-roka Felda Kebangsaan (Anak) 22 Dis lalu membuat laporan polis di Balai Polis Sentral Johor Bahru berkenaan kehilangan hak milik tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Menurut Pengerusinya Mazlan Aliman, isu ini telah lama dibangkitkan sejak 2014.

"Isu ini telah saya bangkitkan pada hujung 2014 kerana saya telah mendapat maklumat, Lembaga Pengarah FELDA berhasrat untuk membangunkan tanah seluas 22 ekar itu," katanya.

Menurut Mazlan, beliau pernah membangkitkan keperluan Felda untuk membangunkan tanah milik Felda di Jalan Semarak sedangkan Menara Felda bernilai RM660 juta baru sahaja siap dibina.

Beliau turut mempersoalkan mengapa syarikat terbabit secara begitu mudah mendapat tender membangunkan tanah strategik milik Felda itu dan kemudian diakui Pengerusi Felda Tan Sri Shahrir Samad mendapat hak pemilikan tanah.

"Saya juga ingin persoalkan jika ahli lembaga Felda telah membuat keputusan saya yakin Perdana Menteri mengetahui akan perkara ini, namun yang menjadi persoalan mengapa Perdana



Mazlan membacakan laporan polis yang dibuat bagi pihak Anak.

Menteri tidak menegur perkara tersebut," katanya.

Sehubungan itu, Mazlan mahu pihak polis segera membuat siasatan.

Pihaknya juga akan membuat laporan kepada SPRM, 26 Disember ini di ibu pejabat SPRM Putrajaya.

Dalam sidang media yang sama, Pengerusi Parti Amanah Negara (AMANAH) Johor Aminolhuda Hassan menyatakan rasa kesal dengan apa yang berlaku.

"Saya berasa amat dukacita dengan perkara yang berlaku pada harta milik bangsa Melayu sehingga tergedai.

"Peneroka perlu sedar apa yang dilakukan oleh pemimpin mereka yang sepatutnya menjaga kepentingan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, peneroka Felda Taib Andak yang turut hadir, Tosrin Jarvanthy menuntut mereka yang bertanggung jawab agar meletakkan jawatan.

Mustahil PM tidak tahu penjualan tanah Felda

Oleh **HUSIN MAHAT**

KUALA LUMPUR: Mustahil bagi perdana menteri tidak mengetahui pindah milik mencurigakan tiga bidang tanah milik Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur memandangkan ia adalah aset strategik Felda yang bernilai ratusan juta ringgit dan agensi itu terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Pemuda AMANAH

Nasional mahu Datuk Seri Najib Razak mengambil tanggung jawab penuh mengembalikan aset berkenaan kepada Felda.

"Dalam kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Samad semalam telah mengesahkan bahawa tanah strategik milik Felda bernilai RM270 juta di Jalan Semarak Kuala Lumpur sememangnya telah terjual.

"Tidaklah sebagai pihak yang bertanggungjawab memantau perjalanan Felda, Najib perlu mengambil tahu isu-isu kritikal seperti ini?" soal Shazni.

Beliau juga mempersoalkan mengapa Shahrir tidak melaporkan kepada polis dan SPRM berhubung transaksi yang mencurigakan itu ketika dilantik pengerusi Felda seawal Januari 2017.

Malah Shahril, ujarnya hanya mengambil langkah dalaman yang jauh dari

pengetahuan seluruh warga Felda.

"Justeru kita menyeru agar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengambil tanggung jawab penuh untuk mengembalikan aset berkenaan kepada Felda. Jika gagal, beliau akan dikenang sebagai pengkhianat di samping rakan akrabnya itu, kepada seluruh generasi Felda," kata Shazni.

Pelik jika enggan bangunkan negeri

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

KULIM: Dakwaan Timbalan Menteri Besar Kelantan bahawa pembangunan di negeri itu “sengaja dilambatkan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat” amat pelik dan bertentangan dengan kemahuan rakyat yang mahukan pembangunan.

Malah pembangunan juga mampu membuka peluang pekerjaan yang luas kepada golongan muda mahupun lepasan sekolah dan pusat pengajian tinggi.

Pembangunan yang pesat juga, kata Presiden AMANAH Mohamad Sabu berupaya meningkatkan keyakinan para pelabur sekaligus mampu menjana ekonomi negeri.

Mohamad ditemui selepas majlis ramah mesra bersama penduduk di Kampung Keladi, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut beliau lagi, kenyataan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah bahawa kerajaan

negeri mengakui pembangunan di negeri itu agak terkebelakang kerana disengajakan adalah sesuatu yang menghairankan kerana pemerintah yang baik akan menyegerakan pembangunan demi kebaikan rakyat apatah lagi setelah sekian lama memerintah negeri.

“Rakyat negeri Kelantan termasuklah negeri-negeri lain pun mahukan pembangunan dengan segera, apa lagi kalau sudah jadi kerajaan sejak 27 tahun lalu.

“Dengan rancaknya pembangunan peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan dengan lebih banyak dan ini akan mengurangkan kadar pengangguran terutamanya bagi lepasan sekolah dan IPT,” jelasnya.

Beliau juga berkata, melalui pembangunan yang diwujudkan juga akan membawa hasil kepada sesebuah negeri apabila pelaburan juga bertambah.

“Melalui pembangunan jugalah rakyat sesebuah negeri dapat menikmati pelbagai kemudahan yang mampu dilaksanakan.

“Saya yakin rakyat memberi mandat kepada mana-mana parti politik kerana mengharapkan nasib mereka dibela dan keluar dari kepompong kemiskinan.

“Sudah tentu rakyat Kelantan juga mahu merasai apa yang negeri lain dapat kecapai termasuklah pelbagai kemudahan infrastruktur, kemudahan asas dan seumpamanya,” jelas beliau.

Ujarnya lagi, sekiranya Kelantan membangun dengan pesat tidak dapat dinafikan ramai anak Kelantan yang berada di luar negeri ingin pulang memberikan khidmat dan kepakaran.

“Sepatutnya kerajaan negeri yang memerintah mempercepatkan pembangunan supaya ia dapat dikongsi bersama dengan rakyat yang tidak perlu berhijrah keluar.

“Rakyat Kelantan sudah pasti dahagakan pembangunan dengan harapan mereka agar kerajaan negeri yang memerintah begitu lama dapat membawa pembangunan

yang lebih pesat.

“Ia juga akan membuka ruang yang lebih luas kepada usahawan kecil dan besar untuk sama-sama menikmati pembangunan yang dilaksanakan,” katanya.

Sehubungan itu beliau yakin AMANAH dan Pakatan Harapan mampu melakukan perubahan sekiranya diberi mandat untuk menerajui kepimpinan bukan saja di negeri Kelantan malah di peringkat nasional.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Ketua AMANAH Padang Serai, Abdul Razak Salleh.

Mohd Amar baru-baru ini dilaporkan berkata, Kerajaan Pas Kelantan mengakui pembangunan negeri itu agak terkebelakang berbanding negeri lain dan “ia sesuatu yang disengajakan”.

Menurut Naib Presiden Pas itu, kerajaan Pas negeri mempunyai pendekatan tersendiri dalam menggerakkan pembangunan berbeza daripada negeri lain.

Pemuda PH serah notis ke IPK Polis Dang Wangi

KUALA LUMPUR: Pemuda Pakatan Harapan (PH) 21 Dis lalu mengemukakan notis kepada pihak polis bagi mengadakan Himpunan Turun-Turun menjelang sambutan tahun baru di Dataran Merdeka, 31 Disember ini.

Notis pemberitahuan dibawah Subseksyen 9(1) Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) itu dikemukakan anggota sekretariat Gerakan Turun-Turun (Turun Harga Minyak, Turun Najib), Ahmad Syukri Che Ab Razab di Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, petang tadi.

Turut mengiringi Ahmad Syukri ialah pengarah Biro Undang-undang Pemuda Pakatan Harapan Wan Anwar Wan Ibrahim dan ahli jawatankuasa Pemuda PPBM Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir.

Dalam permohonan yang dikemukakan Ahmad Syukri

kepada ketua polis daerah Dang Wangi ACP Shaharudin Abdullah, perhimpunan aman itu diadakan bagi mendesak kerajaan mengembalik subsidi bahan api dan menurunkan harga minyak.

Perhimpunan itu akan bermula di perkarangan pasaraya Sogo pada jam 11 malam sebelum berarak ke Dataran Merdeka melalui jalan Tuanku Abdul Rahman.

Peserta perarakan itu dianggarkan berjumlah 500 orang dan dijangka sampai ke Dataran Merdeka dalam tempoh 15 minit.

Bagi memastikan perhimpunan berjalan dengan aman dan teratur, pihak penganjur melantik Mohd Ashraf Mustaqim sebagai individu bertanggung jawab dalam hal ehwal keselamatan.

Bercakap kepada pemberita sebelum menyerahkan permohonan, Ahmad Syukri berkata, objektif perhimpunan itu adalah



Wan Anwar diiringi Ashraf (kanan) dan Ahmad Syukri (kiri) bercakap kepada pemberita sebelum menyerahkan permohonan ke IPK Dang Wangi.

bagi mendesak kerajaan mengembalik subsidi minyak.

Penarikan subsidi minyak, ujar beliau menyebabkan kenaikan harga petrol dan diesel yang pastinya memberi kesan kepada rakyat.

Wan Anwar yang juga Naib

Ketua Pemuda AMANAH pula berkata, pihak penganjur memohon pihak polis untuk membantu menjaga keamanan dan tatasusila sepanjang perhimpunan itu berlangsung.

“Kita akan menunggu maklum

balas daripada pihak polis,” ujarnya.

Bercakap kepada pemberita, Mohd Ashraf berkata pihaknya akan memastikan perhimpunan itu berjalan dengan baik dan mematuhi segala syarat yang ditetapkan pihak keselamatan.

Sehubungan itu, beliau memohon kerjasama pihak polis untuk membantu menjaga keamanan dan keselamatan para peserta pada perhimpunan tersebut.

Ashraf turut menyeru orang ramai khususnya anak muda bagi menghadiri perhimpunan itu.

Sebagai usaha menarik kehadiran orang ramai, Pemuda PH ujarnya telah mengadakan flashmob di perkarangan pasaraya Sogo, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada petang 16 Disember lalu.

“Flashmob yang serupa akan diadakan di beberapa ‘hotspot’ pada Ahad ini,” katanya.

Imigresen termasuk 4 kategori baru pengundi pos

KUALA LUMPUR: Anggota Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) yang bertugas ketika pilihan raya umum adalah antara empat kategori tambahan yang dibenarkan mengundi secara pos pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Mohd Hashim Abdullah berkata selain JIM, kemudahan pengundian secara pos kini dibuka kepada anggota Agensi Pertahanan Awam (APM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Pendaftaran Negara yang

bertugas di Pusat Transformasi Bandar (UTC) sahaja.

Beliau berkata perkara itu telah diputuskan SPR dalam mesyuarat pada 28 Nov lepas.

Kemudahan ini diberikan kepada anggota yang bertugas pada Hari Mengundi sahaja atas justifikasi bahawa anggota yang terbabit merupakan pemilih yang tidak dapat meninggalkan tugas mereka pada hari mengundi demi memastikan aspek keselamatan dan perkhidmatan kepada rakyat terjamin.

Kemudahan ini akan dilaksanakan pada PRU14. Pewartaannya telah dibuat pada 13 Dis berdasarkan keputusan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2013, katanya dipetik Bernama.

November lalu, Mohd Hashim mengemukakan bahawa anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) petugas kesihatan (hospital dan klinik kerajaan sahaja), anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, anggota Jabatan Penjara Malaysia dan anggota Sukarelawan Polis

yang bertugas ketika pilihan raya umum antara lima kategori yang akan dibenarkan mengundi secara pos pada PRU akan datang.

Sebelum ini kategori pengundi dalam negara yang boleh memohon untuk menjadi pengundi pos ialah anggota tentera dan pasangan serta anggota polis dan pasangan yang tidak dapat hadir semasa Hari Pengundian Awal, petugas media dan petugas pilihan raya yang terpaksa mengundi di luar pusat mengundi.

Mengapa selepas 30 tahun 'kerugian sebenar' BNM didedah?

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad mem-persoalkan dakwaan bekas Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Abdul Murad Khalid bahawa bank pusat itu mengalami kerugian RM31.5 bilion akibat urus niaga forex.

Malah beliau hairan mengapa Murad mengambil masa 30 tahun untuk mendedahkan kerugian sebenar ditanggung BNM berbanding RM11 bilion yang diketahui umum.

Menulis di blognya chedet.cc 20 Dis lalu, beliau mengulas dakwaan Murad kononnya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu tahu dan sedar berkenaan dengan penipuan ini (jumlah sebenar kerugian BNM) tetapi bersubhat untuk tidak mendedahkannya.

"Apakah bukti mereka tahu dan bersubhat tidak dijelaskan. Yang tentu tahu

dan bersubhat menyembunyi jumlah kehilangan sebenar ialah orang yang selepas 30 tahun, membuat dakwaan bahawa jumlah kehilangan sebenar bukan RM11 bilion tetapi RM30 bilion," katanya.

Beliau turut mempertikaikan mengapa Murad tidak mendedahkan jumlah kerugian sebenar ketika ianya berlaku juga para pegawai dan auditor yang terlibat.

Menurutnya, jika Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu menyembunyikan kerugian sebenar BNM, Murad 'lebih terlibat' kerana turut menyembunyi kebenaran.

Bagaimanapun beliau hairan mengapa Murad tidak pula dianggap bersalah kerana menyembunyi 'penipuan' itu sejak sekian lama.

Sehubungan itu, Tun Mahathir yakin Suruhanjaya Siasatan DiRaja (RCI) itu ditu-

bukan semata-mata untuk mencari alasan menyalahkan bekas Perdana Menteri dan bekas Timbalan Perdana Menteri yang kini memimpin parti lawan BN.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu menambah, tindakan Murad ini memberi peluang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak untuk bertindak terhadap musuh politiknya walaupun perkara ini tidak lagi dibangkitkan oleh parti-parti pembangkang sejak sekian lama.

"Dengan tidak menghormati maksud undang-undang, Najib dengan kuasanya merebut peluang memulakan proses supaya akhirnya Perdana Menteri masa itu dan Timbalannya dapat disalahkan," jelasnya.

Beliau juga kesal kerana laporan RCI yang diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong tidak mengandungi fakta-fakta yang relevan yang diperdengarkan oleh saksi atau memo-

randum mereka.

"Walaupun penjelasan oleh saksi dicatit verbatim atau terperinci, tetapi RCI tidak sedikit pun menghirau penjelasan oleh saksi.

"Apa yang jelas ialah seluruh laporan RCI menumpu kepada penentuan penglibatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ketua pasukan bahagian dagangan wang Bank Negara.

"Semuanya berasas kepada sangkaan. Sangkaan ini dianggap sebagai fakta benar untuk polis bertindak," kesal beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Tun Mahathir memfailkan saman pemula untuk mengisytiharkan laporan RCI kerugian forex Bank Negara sebagai tidak sah.

Saman yang difailkan peguamnya, Haniff Khatri Abdulla itu membangkitkan mengenai bahan dan lampiran yang tidak dimasukkan ke dalam laporan tersebut.

Kerajaan disaran tubuh Suruhanjaya Alam Sekitar

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) menggesa kerajaan mewujudkan Suruhanjaya Alam Sekitar Negara sebagai badan bebas bagi mengawal selia dan memantau pengurusan alam sekitar.

Presidennya, Hafizudin Nasarudin berkata, usul yang terkandung dalam resolusi Manifesto Hijau itu bagi memastikan proses pembangunan di negara ini dilaksanakan secara lestari.

Menurutnya, suruhanjaya itu juga akan memastikan demokrasi alam sekitar dilaksanakan dengan menjamin masyarakat akar umbi terutama komuniti hutan seperti Orang Asli serta penduduk kampung tidak terjejas akibat pembangunan yang melampaui batas.

"Begitu juga hak warganegara Malaysia untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat bagi menjamin kualiti hidup yang berpanjangan," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas Latihan Aktivis Alam Sekitar tahap akhir (LASAK 3.0) di Kuala Kubu Bharu, Selangor baru-baru ini, beliau berkata, peserta diberi pendedahan tentang kepincangan sistem politik, ekonomi dan dasar negara yang menyebabkan Malaysia mengalami banyak kehilangan hutan.

Turut didedahkan isu korupsi pejabat serta pembahagian konsesi balak sesama ahli politik yang mengundang kemusnahan biodiversiti di negara ini sejak 50 tahun lalu.

"Lalu daripada analisa ini, peserta



KUASA
PERSATUAN AKTIVIS
SAHABAT ALAM

merangka langkah penyelesaian yang dirasakan efektif terhadap bahagian mandatori (sistem, dasar, politik, undang-undang, ekonomi dan urus tadbir).

"Ini termasuklah bahagian voluntary (pemeriksaan, masyarakat sivil, komuniti akar umbi, golongan muda, pelajar universiti, ahli akademik, profesional, NGO dan gerakan sivil yang lain).

"Ini semua bakal diterjemahkan dengan menjalankan siri kempen, latihan, aktiviti dan advokasi jangka masa panjang selepas ini," jelasnya.

LASAK 3.0 menyeksikan slot bersama Profesor Pelawat Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) UKM, Prof Dr Fadzilah Majid Cooke dengan tajuk, "Realiti Kelemahan Demokrasi Alam Sekitar dan Urus Tadbir Alam Sekitar Negara".

Peserta juga mengikuti slot, "Realiti Sistem Pembangunan, Dasar Ekonomi dan Pengurusan Sumber Asli Negara" oleh Felo Akademi Sains Malaysia dan pakar polisi alam sekitar, Dr Hezri Adnan.

Mengulas lanjut, Hafizudin berkata, peserta turut memahami tentang perancangan polisi antara kerajaan pusat dan negeri, kuasa Menteri Besar atau Ketua Menteri yang terlalu mutlak serta agensi teknikal kerajaan yang tiada kuasa melulus atau membatalkan.

Peserta LASAK 3.0 dari seluruh negara didedahkan tentang pentingnya demokrasi alam sekitar.

Selain itu, wujud juga kelemahan akta dan pengurusan tanah, tafsiran hutan yang salah, kesalahan zon-zon guna tanah, faktor sikap kebanyakan ahli politik yang langsung tidak prihatin atau ingin mengambil tahu tentang alam sekitar serta ancaman kemusnahan alam sekitar terhadap keselamatan negara.

"Dengan kehadiran dan bantuan pakar ekonomi, alam sekitar, politik dan sosial yang terdiri daripada kalangan akademik dan bekas pemikir kerajaan, banyak yang kami faham dan jelas tentang punca sebenar mengapa hutan kita dimusnahkan sewenang-wenangnya.

"Punca-punca ini sememangnya tidak masuk akal dan banyak perkara yang rakyat Malaysia perlu tahu," kata peme-gang Ijazah Sarjana Kejuruteraan Sivil dalam bidang Pengurusan Air dan Alam Sekitar dari University of Bristol, United Kingdom itu.

Sepanjang tahun ini, Kuasa yang berpusat di Ipoh telah mengadakan sebanyak tiga siri LASAK dengan penyertaan hampir 120 individu dari seluruh negara yang berminat untuk menjadi aktivis alam sekitar.

Sehubungan itu, Hafizudin menyeru lebih ramai masyarakat sivil, ahli akademik, ahli politik dan ahli ekonomi tampil untuk menyokong dan membantu agenda pemeliharaan alam sekitar dengan menghubungi e-mel admin@kuasaperak.org.

Patriot tidak kocak sentimen perkauman

KUALA LUMPUR: Desakan supaya kerajaan membuka peluang luas kepada kaum Cina dan India untuk menyertai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bukan bertujuan memburukkan kerajaan malah pandangan ikhlas untuk menarik bukan Melayu menyertai pasukan keselamatan.

Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) Brid Jen (B) Datuk Mohd Arshad Raji berkata, kenyataan media bertarikh 19 Dis itu bertujuan mendorong mereka yang berkuasa supaya berfikir untuk menyelesaikan masalah ini.

Mohd Arshad mengulas kenyataan Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammudin Hussein yang memberi amaran kepada kumpulan pesara tentera 'mesra pembangkang' untuk tidak menimbulkan sentimen kaum atau agama.

Beliau menambah, ahli Patriot sangat cintakan keamanan kerana mereka ialah veteran tentera dan polis yang telah memberikan sumbangan besar kepada keamanan negara.

"Kami pernah berjuang melawan musuh negara. Kami berkhidmat kepada Raja dan negara dengan bangga dan terhormat.

"Ada di kalangan kami yang telah ditembak dan mengalami kecederaan. Ada juga yang telah dianugerahkan dengan pingat-pingat keberanian.

"Kami sekali-kali tidak mahu melihat politik kebencian memusnahkan negara kita yang tercinta ini," tegas beliau.

Menurut Mohd Arshad, jika negara berhadapan ancaman asing, pihaknya akan menjadi orang pertama memakai pakaian seragam dan menyandang senjata untuk maju ke barisan hadapan.

Masjid Al-Aqsa di puncak kezaliman manusia

Foto WAN ZAHARI SALLEH

BAGI menyatakan solidariti bersama umat Islam Palestin, para pemimpin AMANAH dan Pakatan Harapan hadir pada program Solidariti Selamatkan Baitulmaqdis di Masjid Putra, Putrajaya, 22 Disember lalu.

Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus tampil mewakili AMANAH pada sesi forum khas Baitulmaqdis.

Ketika berucap, beliau menegaskan bahawa Masjid Al-Aqsa adalah simbol 'bumi jihad' yang perlu dipertahankan sepanjang zaman kerana ia menjadi saksi kekejaman yang berlaku di bumi Palestin sejak 70 tahun lalu.

"Sesiapa yang berjihad mempertahankan masjid ini dia akan berada di garisan yang betul. Menjadi kewajiban umat Islam memerdekakan masjid ini," ujarnya dalam forum yang diadakan di ruang solat utama Masjid Putra.

Ustaz Hasanuddin berkata, dalam konteks Malaysia, Masjid Al-Aqsa juga menjadi 'simbol jihad' apatah lagi kawasan sekitar masjid ketiga suci bagi umat Islam itu turut menjadi tanah suci penganut Islam, Yahudi dan Kristian di bumi Palestin.

"Dalam konteks Malaysia kita berusaha menyatukan umat Islam di atas kalimah yang betul.

"Kita pertahankan bersama dengan anak-anak bangsa untuk berlatih hidup bersama. Jika kita memahami lebih lagi, apa yang berlaku di Masjid Al Aqsa adalah kemuncak kezaliman manusia.

"Kita kena belajar hidup berbilang bangsa di negara ini, kita kena melatih untuk

menyatukan umat Islam dan memastikan nilai-nilai baik itu dipertahankan bersama dan perlu bekerjasama dengan lain-lain bangsa untuk berlatih hidup bersama," ujarnya.

Justeru beliau mengajak umat Islam bersama memperjuangkan semua isu membabitkan kekejaman umat Islam di mana-mana di seluruh dunia.

"Jika kita dapati berlaku kezaliman kita atasinya bersama. Dalam demonstrasi sama yang dibuat minggu lepas (15 Dis), kita rakyat Malaysia berbilang bangsa turut bersama berdemonstrasi untuk Masjid Al-Aqsa.

"Kita bergabung untuk memastikan tidak ada sebarang kezaliman yang akhirnya mungkin bertapak di negara kita ini kelak," ujarnya.

Forum Khas Baitulmaqdis ini turut membariskan lima ahli panel iaitu Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail; Ketua Pemuda Pas Khalil Abdul Hadi; Duta Palestin Dr Anwar; Pengerusi Yadim Dr Yusri Mohammad dan Dr Muhammad Faiz Naïaman.

Pengerusi Majlis Dakwah Negara Prof Emeritus Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid memudahcarakan forum.

Himpunan Solidariti Selamatkan Baitulmaqdis itu pada mulanya hanya membabitkan pemimpin Umno dan Pas namun penganjur di saat-saat akhir turut menjemput wakil AMANAH, Keadilan dan PPBM.

Bekas Perdana Menteri yang juga Pengerusi PPBM turut hadir di Masjid Putra bagi mengikuti forum dan bersolat Jumaat.



Ustaz sama
Serri Z
Dr



Kehad
di Mas
perha



Sokongan tidak ber-
belah bahagi untuk
rakyat Palestin.



Hadirin menun
bersama r
hadap
mem
Preside

ak



Hasanuddin ber-Saifuddin, Datuk Zahid Hamidi dan Mahmood Zuhdi seesai forum.



ran Tun Mahathir jid Putra menarik tian orang ramai.

unjukkan solidariti rakyat Palestin di an pentas pidato aparkan gambar n Umno dan Pas.



...MELIA MALAYSIA BERSAMA PALESTIN
...MALAYSIAN YOUTH



Anak kecil ini turut bersolidariti demi Palestin.

Forum khas Baitulmaqdis sedang berlangsung.



Perdana Menteri berucap seesai solat Jumaat.



Tun Mahathir mengaminkan doa.



Bapa dan anak menyatakan sokongan terhadap Palestin.

Bagaimanapun beliau dan para pemimpin PH meninggalkan Masjid Putra seesai solat Jumaat dan tidak menyertai perhimpunan yang menampilkan Perdana Menteri sebagai pemedato utama.

Presiden Pas yang dijadual berucap bagaimanapun tidak hadir dan diwakili anak beliau yang juga Ketua Pemuda Pas Abdul Khalil Abdul Hadi.

Cadangan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump untuk memindahkan kedutaan negara tersebut dari Tel Aviv ke Baitulmaqdis mendapat tentangan masyarakat dunia.

Persidangan agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) turut mengundi menolak tindakan Amerika Syarikat itu.

Hala tuju, cabaran anak muda 2018

Oleh ARIF ATAN

Tahun 2017 jadi saksi majoriti anak muda terus dibelenggu dengan himpitan ekonomi pada ketika kerajaan Umno-BN galak memasang angan-angan dalam tempoh 30 tahun akan datang melalui apa yang dicanang sebagai Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Realiti ini turut diakui pimpinan Pemuda Pakatan Harapan yang terdiri daripada AMANAH, PKR, Bersatu dan DAP dalam pelbagai slot ceramah dan forum sepanjang tahun 2017.

Ketua Pemuda Pakatan Harapan, Nik Nazmi Nik Ahmad berpendapat realiti ekonomi pada masa ini jauh lebih kritikal berbeza untuk tempoh empat tahun lalu sehingga memaksa golongan belia mengorbankan lebih banyak masa untuk mencari wang.

"Anak muda hari ini tertekan dengan isu ekonomi yang lebih teruk berbanding 2013. Menteri pun suruh buat dua kerja.

"Anak muda sebahagiannya buat dua kerja, balik lewat malam," kata Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi dan Inovasi Kerajaan Negeri Selangor berkenaan dalam slot Diskusi 'Hala Tuju Pemuda Harapan' anjuran Invoke Malaysia, baru-baru ini.

Kenyataan Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) itu berkaitan dengan penerimaan gaji yang tidak mencukupi dengan 85 peratus tenaga kerja di negara ini sedang bergelut untuk mencari nafkah dan pada masa sama dikejar pelbagai jenis hutang.

Peratus kenaikan gaji tahunan yang kecil sekali gus mengheret kepada pendapatan bulanan bersih yang amat rendah diburukkan lagi dengan



Nik Nazmi



Faiz Fadzil



Ashraf Mustaqim



Howard Lee

pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada 2015.

Paling terkesan tentunya golongan 40 peratus isi rumah berpendapatan terendah (B40) bahkan golongan menengah (M40) terutama di bandar dan memiliki banyak tanggungan juga menerima tempias ekoran tindakan zalim kerajaan menarik balik subsidi petrol dan barangan lain.

Bahana GST yang mengundang kenaikan berantai terhadap hampir keseluruhan segmen makanan, barangan keperluan dan perkhidmatan inilah kerap disebut oleh Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil dalam banyak slot forum dan ceramah yang disertainya.

"Dahulu tidak ada cukai-cukai yang menekan rakyat, tapi hari ini kerajaan mengenakan cukai yang membebbankan rakyat seperti GST.

"Kita di Pakatan Harapan mahu hapuskan GST tapi Najib bercakap GST di Malaysia jauh lebih rendah dari India. Cara perbandingan itu tidak adil dan tidak tepat," tegasnya dalam satu forum menjelang Himpunan Sayangi Malaysia Hapus Kleptokrasi, Oktober lalu.

Penghapusan GST seperti yang disebut peguam berkenaan terbukti

turut menjadi iltizam Pakatan Harapan sebaik diberi mandat di Putrajaya apabila menjadi antara inti utama dalam Belanjawan Alternatif 2018.

Dijangka akan mengembalikan hampir RM26 bilion kepada rakyat jika kadar cukai enam peratus itu dimansuhkan, Pakatan Harapan serius untuk mengurangkan peningkatan kos hidup yang ditanggung majoriti rakyat.

Kerakusan rejim Umno-BN memugar segenap inci tanah, hutan dan kampung untuk projek mega bertopengkan jampi pembangunan tidak lebih hanya untuk memenuhi kantung mereka ketika Pakatan Harapan mengunjurkan hutang negara terus melambung RM710 bilion pada 2018.

Pola pembangunan merosakkan alam dan budaya yang hanya mengkayakan lagi syarikat-syarikat yang sudah sedia 2.5 kali lebih kaya daripada keseluruhan 14 juta tenaga kerja di negara ini sama sekali tidak memberi manfaat ekonomi kepada anak muda.

Walhal, pada ketika sumber semakin terhad, parti pemerintah yang bertanggungjawab akan mengutamakan pembangunan lestari dengan

pulangan ekonomi dinikmati secara menyeluruh sehingga generasi pada masa depan.

AGRO PELANCONGAN

Ahli Exco Pemuda Bersatu, Ashraf Mustaqim Badrul Munir dalam forum anak muda baru-baru ini ada menyebut tentang pemerkasaan agro pelancongan sebagai dimensi ekonomi yang membolehkan golongan belia tidak bergantung pada sektor makan gaji di bandar.

"Agro pelancongan akan memastikan keterlibatan anak muda untuk pulang ke kampung bangunkan tanah di kampung.

"Kita sudah ada Lazada contohnya. Kita jualkan barang-barang pertanian (melalui media sosial). Pembaharuan teknologi baru ini penting," ujarnya.

Penangan Revolusi Industri 4.0 yang menyaksikan *Internet of Things* (IoT) dalam hampir semua aspek kehidupan juga akan semakin ketara dengan lebih 70 peratus pekerjaan pada hari ini mungkin dalam tempoh 15 hingga 20 tahun akan datang sudah tidak wujud lagi.

Hakikat 'menakutkan' itu jika kita

pada hari ini tidak bersedia telah dibangkitkan Ketua Setiausaha Pemuda Harapan yang juga Pengarah Biro Hal Ehwal Antarabangsa Sosialis Muda DAP (DAPSY), Howard Lee.

"Jadi, apabila bercakap tentang peluang pekerjaan dalam konteks Revolusi Industri 4.0, kita bukan sahaja bercakap tentang pengangguran hari ini tetapi program latihan untuk anak-anak muda pada masa depan.

"Kami (Pemuda Pakatan Harapan) telah memberi cadangan, kita perlukan ekonomi kita memelopori sub-sub ekonomi di Malaysia yang belum ada.

"Contohnya menjelang 2030, Malaysia akan jadi negara berusia dengan lebih 15 peratus daripada populasi rakyat negara ini berusia 65 tahun ke atas.

"Umur purata kematian akan meningkat. Walaupun nampak hari ini, satu masalah tapi buka ruang ekonomi baru iaitu ekonomi penjagaan," ujar Adun Pasir Pinji itu.

Lontaran Howard berkenaan model Ekonomi Insani yang berteraskan kesjahteraan segenap lapisan masyarakat itu adalah lanjutan pada apa yang ditegaskan dalam perutusan Pemuda Pakatan Harapan sempena Hari Belia, Mei lalu.

Jelas, Pemuda Pakatan Harapan merupakan pelapis pemimpin negara masa depan yang paling relevan lantaran memiliki hala tuju dalam usaha menjadikan kehidupan rakyat Malaysia jauh lebih sejahtera dan adil pada masa depan.

Cabarannya sejauh mana mesej itu diterjemah di kertas undi pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) nanti oleh 14.6 juta pemilih termasuk anak muda.



TERUS SIASAT..

Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan bersama Presiden Anak Peneroka Felda Kebangsaan (ANAK), Mazlan Aliman ketika menyerahkan memorandum di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 27 Disember lalu menggesa siasatan berhubung skandal tanah Felda di Jalan Semarak diteruskan.

SOROTAN KAMPUS 2017

Pentadbiran universiti alergik pembangkang

Oleh ARIF ATAN

TAHUN 2017 menyaksikan pentadbiran universiti awam (UA) sanggup mengheret pelajarannya yang mengkritik kerajaan Umno-BN ke perbicaraan tatatertib.

Dalih mencemar nama baik universiti paling popular diguna selain ingatan kepada pelajar supaya menghabiskan pengajian sebelum melibatkan diri dalam politik tetapi ironinya hadir ke Perhimpunan Agung Umno (PAU) tiada pula diambil tindakan sama.

Kes pelajar UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Ahmad Arifin Shakimin, 20, membuka tirai awal tahun 2017 apabila diarahkan untuk menghadiri perbicaraan tatatertib universiti ekoran penyertaannya dalam himpunan *Tangkap Malaysian Official 1 (MO1)* serta Bersih 5 pada 2016.

Tindakan UiTM itu sekaligus mengulang siri tindakan sama yang dilakukan Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun sebelumnya ke atas mahasiswa yang terlibat dalam perhimpunan aman di luar kampus.

Selepas UiTM, giliran Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pula mengheret dua pelajarannya atas tuduhan terlibat dalam Bersih 5 di Kota Kinabalu.

Barangkali takrifan menjaga nama baik universiti jauh lebih penting ketika mungkin pentadbiran universiti menganggap orang yang merompak berbilion ringgit hingga ke luar negara mengharumkan nama Malaysia!



Anis Syafiqah dan sekumpulan mahasiswa dalam protes depan Parlimen.

Dua penuntut UMSKAL, Mukmin Nantang dan Aqilah Zainuzi dikenakan tindakan disiplin mengikut Kaedah 3 (a) (ii) Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Sabah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Namun pada 8 Mac lalu, berkat doa dan solidariti mahasiswa melalui kempen #UM2 diakhiri dengan kejayaan apabila panel prosiding gagal mengemukakan bukti terhadap Mukmin dan Aqilah.

Prosiding selama lima jam bermula pukul 2 petang itu mencatat sejarah tersendiri dalam gerakan aktivisme mahasiswa tanah air apabila berhenti rehat sebanyak empat kali sepanjang sesi itu berlangsung.

Sebelum itu, tiga penuntut UM akhirnya menarik nafas lega apabila keputusan hukuman gantung pengajian satu semester kerana terbabit dalam himpunan #TangkapMO1 telah ditarik balik pada Februari lalu.

Meskipun tidak melakukan sebarang kesalahan undang-undang

menurut perlembagaan, tidak ada satu pun pertuduhan terhadap Anis Syafiqah Md Yusof, Mohamad Luqman Nul Haqim Zul Razali dan Muhammad Luqman Hakim Mohd Fazli digugurkan.

Mereka tetap dianggap bersalah oleh pihak universiti atas semua pertuduhan berkaitan penglibatan dalam perhimpunan aman #TangkapMO1.

Sikap pentadbiran UA yang sanggup menjadi jurucakap kepada kerajaan Umno-BN juga ketara dapat dilihat pada insiden minggu suai kenal di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) awal tahun 2017.

Medan untuk melazimkan mahasiswa baharu dengan dunia kampus yang menjadi lambang kemuncak perkembangan intelektual tercemar apabila universiti menjadi sarang doktrin demi menyambung nyawa politik rejim pemerintah.

Terpampang imej Anis dan Aqilah pada slaid dengan ungkapan bermotif propaganda yang kemu-

diannya tular di media sosial.

Ayat "Kami mengaku akademik kami tidak bagus" dan "Salahkah kami bersama pembangkang?" terpapar bagi meracuni pelajar baharu sedangkan Anis dalam reaksinya menafikan mengeluarkan kenyataan sedemikian.

Terus memusuhi sesiapa sahaja yang sinonim sebagai penentang Umno-BN, pentadbiran UA ibarat sudah sampai tahap alergi hatta hadir bagi program ringkas seperti pelancaran buku sekali pun.

Tanpa menyebutkan nama universiti, kartunis Zulkiflee SM Anwar Ullhaque atau dikenali sebagai Zunar pada Mac lalu mendedahkan bagaimana seorang Naib Canselor bertanya dekan kepada sebuah fakulti tentang kehadirannya dalam satu pelancaran buku.

Walhal, Zunar yang pernah disiasat polis ekoran lukisannya yang didakwa menghina Perdana Menteri, hadir di fakulti itu sebagai



tetamu rakannya tanpa berucap atau mengambil sebarang bahagian dalam program itu.

Lantaran matinya budaya berdialog dan meraikan kepelbagaian ideologi dan fahaman, UA akibatnya menjadi ruang untuk program yang tidak menjana pemikiran termasuk siri ceramah 'ringan' dengan tajuk berbau popular sekali gus lebih tepat mengaibkan nama universiti.

Poster 'When Kain Pelikat Meets Kain Batik di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 10 Mac contohnya, agak menjengkelkan apabila nama program itu digandingkan dengan frasa "Ceramah Wacana Ilmu" sehingga dihujani sindiran pengguna media sosial.

Menampilkan novelis Ustazah Fatimah Syarha sebagai penceramah utama, rata-rata netizen menganggap pengajuran program yang mengenakan bayaran RM4 kepada penuntut dan RM6 kepada staf universiti itu atas 'restu' pentadbiran USM.



Fadhli Umar di perkarangan Parlimen, 26 Julai lalu menyerahkan memorandum mende-sak kerajaan membatalkan pemansuhan elau IPG.

Kemarau panjang aktivisme mahasiswa

REAKSI rata-rata pelajar sepanjang 2017 sama ada melalui aksi protes menyengat mahupun tulisan memikat jauh merosot berbanding tahun-tahun sebelum ini yang pernah menyaksikan pagar utama Universiti Malaya (UM) dirempuh mahasiswa.

Keterlibatan mahasiswa dalam isu nasional dan isu seputar kampus ketara terpencil ketika akses kepada media sosial semakin rancak. Mungkinkah demam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) tahun 2018 akan menyuntik kembali aksi perlawanan mahasiswa termasuk di jalan raya?

Hatta, isu program Kad Siswa 1 Malaysia (KADS1M) yang dinikmati 1.3 juta mahasiswa sepenuh masa dan separa masa dan berstatus aktif pada 31 Disember 2016 pun gagal mengundang gelombang kebangkitan golongan itu untuk menuntut hak mereka.

Walaupun ramai penuntut di media sosial jelas berang dengan yuran tahunan RM5 dan baki akaun sebanyak RM10 tidak boleh ditebus



Hanya sekumpulan kecil mahasiswa mengadakan protes di Bank Rakyat Ogos lalu.

dengan kewujudan kad debit yang dikeluarkan itu, namun hanya beberapa orang mahasiswa tampil mengadakan protes di depan Bank Rakyat pada Ogos 2017.

Logiknya, jumlah mahasiswa yang hadir dalam aksi itu patut lebih ramai memandangkan kelewatan menerima kad itu selain 'kehilangan' RM15 menyentuh kepentingan mereka sendiri.

Tidak hairanlah, apabila 'balik-balik muka yang sama' berkumpul unjuk rasa di depan Parlimen dalam membantah pemotongan peruntukan universiti.

Kelesuan pelajar dalam memperjuangkan hak mereka apa lagi aksi terhadap pelbagai isu ketidakadilan yang menghimpit masyarakat dilihat sebagai 'kemarau panjang' buat aktivisme mahasiswa sepanjang 2017.

Situasi itu juga menyumbang kepada matinya demokrasi di kampus apabila rata-rata Pilihan Raya Kampus (PRK) di UA hambar dengan rendahnya peratusan mahasiswa keluar membuang undi.

Sekali lagi, eksploitasi sistem e-undi yang berlaku tidak disusuli dengan suara majoriti mahasiswa

seperti pernah diakui Mukmin Nantang ketika masih bergelar mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) awal tahun 2017.

Beliau menganggap proses PRK yang kotor akibat penyalahgunaan sistem undi secara berkomputer itu menjadikan mahasiswa UMS enggan keluar mengundi sehingga rekod menunjukkan kurang daripada 50 peratus mereka berbuat demikian.

Pada masa sama, ujar Mukmin, mahasiswa bosan dengan hasil undian majoriti yang hanya boleh dikira oleh pentadbiran sehingga membawa durian runtuh kepada kumpulan Aspirasi iaitu blok yang dikenali sebagai Umno Kampus pada PRK sesi 2017/2018 lalu.

Sungguhpun begitu, isu pecah amanah dan perkembangan pendidikan generasi muda di Felda mendapat reaksi beberapa kumpulan mahasiswa.

Mahasiswa AMANAH Nasional misalnya menyambut baik cadangan penubuhan Universiti Felda

yang menjadi salah satu daripada resolusi Konvensyen Warga Felda, 19 Mac lalu.

Hasrat untuk melihat lepasan universiti bagi generasi peneroka itu menyumbang kembali kepada kelestarian sektor pertanian di negara ini dapat dilihat pada tumpuan universiti tersebut dalam bidang berkaitan industri kelapa sawit, kejuruteraan, pertanian, bioteknologi dan perniagaan.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM), Nur Fikri Mohd Rufie pula menggesa lantikan organisasi Felda perlu melibatkan golongan profesional sama ada ahli ekonomi, ahli akademik dan tokoh korporat berwibawa.

Beliau berpendapat pelantikan bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd Isa Samad sebelum ini sebagai Pengerusi Felda Global Venture Holdings Berhad (FGV) tidak menguntungkan rakyat bahkan mendatangkan kerugian besar kepada Felda.

Mengenang Shahnnon Ahmad...

INNAA lillaahi wainnaa ilaihi roji'uun. Kita hidup untuk Allah dan kepada Allah-lah kita kembali. Demikianlah pada pagi 26 Disember 2017 berakhirlah sebuah riwayat seorang budayawan dan cendekiawan besar kita yang bernama Shahnnon Ahmad, setelah menjalani kehidupan yang penuh 'ranjau' selama hampir 85 tahun sejak dilahirkan pada 13 Januari 1933.

Shahnnon Ahmad seorang sasterawan besar yang dikenali dengan novel-novelnya seperti Ranjau Sepanjang Jalan, Rentong, Serengenge, Tunggul-tunggul Gerigis, Terdedah, Menteri, Protes, Sampah, Seluang Menodak Baung, Ummi dan Abang Syaikhul dan beberapa lagi. Dia juga menghasilkan beberapa cerpen yang sangat mengesankan. Buat saya yang paling mempesonakan ialah cerpennya "Lagu Kit Kit Kit" itu.

Novelnya yang menempa sejarah dan mencipta fenomena tersendiri di Malaysia ialah yang dijulukannya 'Shit'. Ia menjadi bukti bagaimana sebuah karya seni boleh mencetuskan suatu ribut dan fenomena yang menggegarkan kesedaran masyarakat. 'Shit' adalah sebuah karya besar yang menerobos ke jantung masyarakat tepat pada waktunya. Ia bukan sebuah novel biasa. Ia novel yang luar biasa, dihasilkan oleh seorang pengarang yang luar biasa bakat kepengarangannya.

Saya tidak bertujuan untuk memperkatakan novel 'Shit' di sini. Saya hanya ingin menyebut beberapa perkara sebagai penghormatan kepada seniman besar kita yang baru berangkat ke alam abadi itu.

Satu hal yang menyentuh saya secara peribadi ialah detik awal yang menghantar saya ke dunia teater, tanpa saya sedar, iaitu naskah teater Shahnnon Ahmad yang berjudul "Darah Daging" (saya tak pasti 'Darah Daging' atau 'Daging Darah'). Naskah itu mengheret saya masuk ke dunia teater tanpa saya sedar.

Begini: Seorang kawan singgah ke tempat saya di asrama Maktab Mahmud Alor Setar, waktu saya di tingkatan tiga (kalau tak salah). Dia menunggu seorang

kawannya untuk membuat latihan teater, sambil dia membaca skripnya. Saya tertarik dengan skrip itu. Ada sesuatu yang menyentuh jiwa saya. Kebetulan orang yang ditunggu itu tidak tiba, saya pun mengambil tempatnya berlawan dialog, untuk sementara.

Itulah, tanpa diduga saya melangkah masuk ke dunia teater. Kami terus berlatih, tanpa ada pengarah. Kami berdua sahaja. Saya masuki dunia teater tanpa saya sedar bahawa saya punya bakat dan minat pun di bidang itu. Hanya naskah atau skrip karya Shahnnon itulah yang mengangkat saya ke pentas, tanpa ada pengarahnya, tanpa ada gurunya.

Shahnnon pun barangkali tidak tahu jasa dan sumbangannya yang besar terhadap kesenimanannya saya di bidang teater. Terima kasih cikgu. Semoga cikgu diiringi para malaikat ke alam baru yang penuh sejahtera buat cikgu di sana.

Hal lain yang ingin saya tulis di sini ialah suatu pengajaran daripada sejarah kehidupan almarhum yang penuh liku itu, yang satu daripada likunya ialah apabila dia memasuki politik parti dan bertanding dalam pilihanraya dan menang menjadi Ahli Parlimen; iaitu berikutan dengan kepopuleran yang dibawa oleh novel 'Shit'.

Tempoh Shahnnon menjadi orang politik sebagai Ahli Parlimen itu adalah suatu fasa yang saya anggap kurang produktif dan kurang kreatif. Saya tidak bermaksud mengatakan itu suatu kegagalan atau kelemahan. Shahnnon memang seorang peneroka yang suka memasuki bidang-bidang baru dalam kehidupannya.

Saya melihat peristiwa itu dalam konteks harapan dan jangkaan (expectation) masyarakat bahawa seorang sasterawan besar dan bijaksana seperti Shahnnon itu apabila menjadi Wakil Rakyat dia juga akan menunjukkan bakat dan kemampuan yang sama di Parlimen dan di Kawasannya (Sik, Kedah). Ini sesuatu yang silap.

Bukan silap Shahnnon, tetapi silap kefahaman dan ekspektasi masyarakat. Juga pihak politik yang memanfaatkan kepopulerannya untuk kepentingan parti.

Shahnnon pernah mengatakan bahawa dia seperti mengalami semacam kejutan apabila masuk ke Parlimen dan melihat gelagat para Ahli Parlimen yang tidak seperti jangkannya (yakni rendah daripada jangkannya). Dan Shahnnon mendapati dirinya seperti orang asing di dalam kelompok di Parlimen itu.

Saya mengangkat peristiwa ini untuk melihatnya dalam konteks fahaman Tekad Budaya. Kemasukan Shahnnon ke dalam politik itu bukanlah contoh kejayaan Tekad Budaya mengangkat seorang sasterawan-budayawan memainkan peranannya yang berkesan sebagai budayawan. Sebaliknya kejayaan dan keberkesanan Tekad Budaya ialah ketika novelnya 'Shit' menjadi suatu fenomena sosial yang melampaui alam seni-budaya di negara ini.

Namun faktor kesihatannya juga mungkin memainkan peranan, menyebabkan Shahnnon tidak dapat memainkan peranan yang berkesan waktu itu.

Peralihan Shahnnon dalam sikap dan pemikiran politiknya juga menyebabkan masyarakat sastera kita, khususnya di peringkat institusi rasmi, memberi perhatian yang berbeza terhadapnya. Ada tokoh sastera kita yang berani membuat fatwa mengatakan bahawa membaca novel 'Shit' adalah haram.

Dan selepas itu kita dapati perhatian



TEKAD
BUDAYA
DINSMAN

golongan pengkaji dan peneliti sastera terhadap Shahnnon mulai berkurangan. Hal yang kira-kira sama juga kini sedang berlaku kepada A Samad Said. Keadaan ini adalah disebabkan oleh faktor politik lebih kuat mempengaruhi sikap dan pemikiran sasterawan-budayawan kita.

Sepatutnya sasterawan-budayawan kita lebih mengutamakan sikap dan pemikiran budaya, dan tidak meletakkan faktor budaya itu di tempat yang rendah daripada faktor politik.

Kurangnya perhatian para pengkaji dan peneliti sastera kita terhadap karya-karya dan perjalanan hidup Shahnnon Ahmad selepas peristiwa novel 'Shit' itu adalah sesuatu yang merugikan dunia sastera dan budaya kita.

Kita seperti mahu meminggirkan ketokohan dan kewibawaan seorang tokoh besar dalam sejarah ketamadunan bangsa kita sendiri. Tentulah ini suatu kesilapan besar kita akibat daripada lemahnya keperibadian kita yang membiarkan kepentingan politik parti mempengaruhi dan membentuk sikap dan pemikiran kita sebagai seniman dan budayawan.



Prof Emeritus Dr Abdullah Hassan dan Dinsman (kanan) menziarahi jenazah Almarhum Shahnnon, di Bandar Baru Bangi.



Kehilangan Shahnnon amat dirasai terutama buat dunia seni budaya di Malaysia.



Sasterawan Negara, Datuk A Samad Said turut memberi penghormatan terakhir.

Lingkaran setan dalam politik

ANTARA perkara yang pahit tentang politik adalah lingkaran setannya yang tidak kunjung habis. Politik kadangkala seperti sebuah institusi elit yang wujud hanya untuk menyambung hayat bagi samada elit pemerintah mahupun keluarga ahli-ahli politik yang sekian lama wujud turun temurun. Setiap yang naik ke atas itu pula bukanlah begitu ingin mewakili dan memimpin rakyatnya, sebaliknya hanya mencari makan dan mempertahankan kekuasaan serta maruah keluarga.

Lingkaran setan ini terjadi bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia. Politik kerap kali menyajikan wajah dan wadah yang sama. Silih berganti yang naik ke atas kalau bukan anak atau isteri, pastilah cucu seseorang yang dahulu pernah berkuasa dan berjawatan. Indira dan Rajiv Gandhi, Aung Saan dan Suu Kyi, George Bush dan George W Bush, Bill dan Hillary Clinton, suku-sakat Kennedy, Saddam Hussin dan anak-anak, Marcos sekeluarga serta banyak lagi.

Begitu juga Malaysia – politik adalah persembungan antara keluarga; Razak dan Najib, Hussein dan Hishamuddin, Mahathir dan Mukhriz, Azizah dan Anwar, serta ramai lagi.

Dalam teori asas politik, ia bukan sesuatu yang sihat. Politik kekeluargaan ini cenderung mewujudkan amalan nepotisma. Nepotisma ini mengancam perkembangan sosial masyarakat dalam ruang demokrasi sebenar. Kekuasaan di bawah azam demokrasi tidak seharusnya terpusat kepada satu-satu orang mahupun keluarga. Biar sebaik mana pun keluarga tersebut.

Begitu pun, lingkaran politik anak beranak yang wujud hari ini sebenarnya belum begitu memuakan masyarakat kita, malah tidak pun akhirnya begitu mengesankan. Ia boleh jadi tidak pun menimbulkan masalah berpanjangan seperti di luar. Malah, masyarakat Timur seperti orang Melayu terutamanya sudah lama terbiasa dengan struktur politik sebegini.

Minda feudal kita sudah lama disusun agar mempercayai apa yang diwarisi berbanding apa yang diterokai. Lebih baik diberi kepercayaan politik tersebut kepa-



da anak dan cucu seseorang yang sudah ada latar yang kuat, biarpun anaknya itu lemah dan bodoh daripada diberi kepada orang baru yang datang entah dari mana. Tidak sedikit pemain politik kita hari ini mendapat manfaat daripada sama ada jasa mahupun hasil rompakan bapa-bapa mereka terdahulu.

Lingkaran setan yang memuakan masyarakat kita, sehingga menyebabkan orang menjauhi politik bukanlah kerana kekuasaan tersebut yang kekal di tangan sesebuah keluarga, sebaliknya hasil yang dijarah daripada kekuasaan tersebut. Orang tidak marah anak orang itu menjadi Perdana Menteri, orang marah apabila anak yang menjadi Perdana Menteri itu menggunakan jawatan untuk mengumpul kekayaan diri sendiri dan anak isterinya.

Tidak akan ada sesiapa yang bising dan marah jika seluruh keluarga tersebut berkuasa dalam politik, malah seluruh kabinetnya itu adalah ahli keluarga sendiri jika kekayaan dan hasil negara diagih sama rata untuk semua. Orang atau masyarakat hanya memberontak apabila kekuasaan tersebut bersekali dengan hasil-hasilnya kekal di tangan hanya mereka, sedang rakyat di bawah sesak diperah sehingga

melarat.

Dalam konteks perbincangan politik hari ini, terutama menuju ke PRU14, bunyi-bunyi bising ke atas ahli politik yang bernafas dalam lingkaran setan sebegini sudah pun mula kedengaran. Orang mula mual dengan kerakusan keluarga besar politik yang terus buncit menjarah kekayaan dan kekuasaan. Yang menjadi mangsa akhirnya bukanlah ahli politik tersebut, sebaliknya institusi politik itu sendiri.

Kepercayaan masyarakat lambat laun akan mulai terhakis ke atas politik secara keseluruhan. Akan datang, jika lingkaran setan kekuasaan ini tidak diberikan titik noktah, orang bukan sahaja akan mual dan menjauhi diri daripada parti politik, malah orang akan mulai merobohkan institusi politik tersebut.

Penilaian masyarakat terutama massa muda yang lebih bermaklumat dan berpandangan hari ini tidak lagi memandang antagonis dalam masyarakat itu sebagai hanya UMNO dan anak-pinaknya, sebaliknya keseluruhan warga politik baik yang berkuasa mahupun yang tidak, selagi lingkaran setan kekuasaan itu terus dibiarkan berputar.

Pakatan Harapan memandangi masa depan, bukan masa lalu

Oleh **ABU FIRDAUS**

DUA hari sebelum Krismas, Pengerusi Barisan Nasional berucap di depan perwakilan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) di Kuching. Beliau berhujah dengan mengajak rakyat negeri itu menyokong Barisan Nasional. Katanya, buat apa menyokong seorang berusia 92 tahun yang pakatannya longgar, tidak stabil dan tidak mantap.

Baginya, menyokong Barisan Nasional adalah suatu tindakan bagi memandangi masa depan. Sedangkan menyokong orang 92 tahun itu adalah memandangi pada masa lalu.

Orang berusia 92 tahun itu tentunya yang dimaksudkan ialah Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad. Walaupun Dr Mahathir adalah bekas Perdana Menteri tetapi perjuangannya bukanlah untuk kembali kepada masa lalu. Sebaliknya mengapa beliau kembali berkecimpung dalam politik adalah kerana masa depan negara ini, bukannya masa lalu.

Beliau mahu mengubah negara ini supaya pada masa akan datang, negara bebas daripada kleptokrasi. Apa yang dikatakan sebagai kleptokrasi

adalah pemerintahan yang pemimpinnya mengambil wang negara secara tidak betul. Dr Mahathir menamakan pemerintahan yang ada sekarang sebagai kleptokrasi. Pengerusi Barisan Nasional yang menyandang jawatan Perdana Menteri pada waktu ini adalah pemimpin masa sekarang.

Walaupun beliau mempunyai banyak program untuk masa depan negara, cara pemerintahannya untuk masa depan adalah sama dengan apa yang dilakukannya pada waktu ini. Oleh kerana sama, maka menyokong Barisan Nasional di bawah kepimpinannya bermakna memandangi pada waktu sekarang, dan bukannya melihat pada masa depan.

Ditambah pula, Barisan Nasional ini adalah gabungan parti masa lepas. Dari tahun 1973 hingga kini, iaitu 44 tahun merupakan masa yang lalu. Mungkin Barisan Nasional dapat beroperasi dengan baik pada masa lalu, tetapi kini ternyata ia menjadi kleptokratik dan tidak sesuai untuk masa depan. Dr Mahathir yang merupakan bekas Pengerusi Barisan Nasional sendiri sudah tidak lalu untuk menyokongnya, beliau telah meninggalkan masa lalu untuk

memandangi ke depan.

Sebaliknya, Pengerusi Barisan Nasional sekarang masih berada dalam kerangka masa lalu. Jadi siapa yang merupakan pakatan masa depan? Tentulah Pakatan Harapan dan bukannya Barisan Nasional.

Pakatan Harapan dikatakan tidak stabil, longgar dan tidak mantap. Iaitu apabila berbanding dengan Barisan Nasional. Tetapi adakah Barisan Nasional benar-benar stabil, ketat dan mantap? Terdapat 13 parti dengan 12 partinya bergantung pada Umno. Walaupun Umno masih kuat, tetapi kedudukannya juga sudah terjejas dengan sebahagian pemimpin dan ahlinya telah keluar dan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), sebuah parti anggota Pakatan Harapan. Ditambah pula kini Umno terpaksa bergantung pada sokongan Pas. Sementara MCA, Gerakan, MIC dan Parti Progresif Penduduk (MyPPP) tidak berupaya menghadapi DAP, sebuah lagi anggota Pakatan Harapan.

Di Sarawak, Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) adalah mantap tetapi ia hanya berada di Sarawak. Sementara SUPP yang masih sukar untuk menghadapi DAP menghasilkan parti serpihan

iaitu Parti Rakyat Bersatu (UPP). Sementara Parti Demokratik Progresif (PDP) yang ditubuhkan selpas pembubaran Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Rakyat Sarawak (PRS) yang menggantikan Parti Bangsa Dayak Sarawak (PBDS), juga sebuah serpihan SNAP.

Anggota Barisan Nasional Sabah terdiri daripada Umno Sabah, Parti Demokratik Liberal (LDP), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Pertubuhan Pasok-momogun Murut Kadazan Bersatu (UPKO) yang sudah mengalami pelbagai pepecahan dan penubuhan parti baharu. Adakah mereka ini mantap, ketat dan stabil?

Mereka kelihatan stabil kerana Barisan Nasional memegang kuasa. Ia merupakan suatu ilusi yang didasari pada kuasa.

Berbanding dengan Pakatan Harapan yang hanya mempunyai empat anggota, Parti Keadilan Rakyat (PKR), PPBM, DAP dan Parti Amanah Negara, maka Pakatan Harapan ini lebih stabil di antaranya kerana bilangan anggotanya kecil dan tidak ada sebuah parti yang mendominasi keseluruhan pakatan.

Kes penyelesaian IPIC-1MDB paling tidak cerdas

SAYA terpenggil untuk memberi sedikit komen tentang kes timbangtara di London di antara syarikat daripada Abu Dhabi, International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investment PJS Ltd ke atas 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London.

Kenapa saya nak komen? Sebab kes ini, bagi saya adalah manifestasi penyelesaian (settlement) yang paling tidak cerdas dan tidak menguntungkan sama sekali.

Kenapa? Sebab menurut laporan NST bertarikh 1 Ogos 2016, kawan baik saya, YB Menteri Kewangan Kedua dilaporkan berkata 1MDB akan lawan kes itu dan tidak akan membayar tuntutan IPIC itu.

Beliau juga dilaporkan berkata, "Kami mahu jumpa mereka (IPIC dan Aabar) di Mahkamah. Biar penimbangtara lihat dokumen kami."

Beliau juga dilaporkan berkata, "Semua pelaburan kami dijamin oleh IPIC kami nak lawan (kes ini) dan kami mahu menang saya amat yakin kepada kesudahan yang positif. Kami ambil pendirian yang kami tak akan bayar faedah (bunga/riba). Kami tak sepatutnya bayar. Kami mesti menang kes ini."

Itu dululah... Tiba-tiba, kes itu diselesaikan di luar Mahkamah. Dan 1MDB setuju pula untuk membayar dan telah pun mem-



bayar bayaran pertama sebanyak US\$602.75 juta (RM2.58 bilion) pada sekitar bulan Ogos tahun ini. Malaysiakini melaporkan, bayaran kedua dalam jumlah yang sama iaitu US\$602 juta mungkin akan dibayar oleh 1MDB pada atau sebelum 31 Dis 2017.

Untuk imbasan kembali, menurut menteri yang sama, pertikaian kes ini berkaitan dengan IPIC yang tidak mengakui Aabar Investment PJS Ltd yang didaftarkan di Kepulauan Virgin British (the British Virgin Islands-Registered) atau BVI adalah sebahagian daripada entiti dalam kumpulan syarikat mereka.

Dilaporkan juga oleh media yang sebelum ini, 1MDB telah dikatakan 'membayar' atau 'menghantar' jumlah wang sebanyak US\$3.5 bilion kepada Aabar BVI tapi IPIC menafikan ada menerima bayaran tersebut.

Menurut Menteri, pada perkiaraan dan rekod Kementerian Kewangan, Aabar Investment BVI-Registered adalah milik IPIC. Menteri juga dilaporkan berkata pengarah-pengarah syarikat itu juga adalah kedua-duanya merupakan pegawai tertinggi IPIC

“ Jika benar apa yang dikatakan oleh Menteri itu, memang sewajarnya jika Kementerian Kewangan sebelum ini mengambil pendirian tidak mahu membayar dan bersedia untuk melawan habis-habisan kes itu hingga menang. Sebab apa? Kerana, bagi saya, amat jelas dan nyata, 1MDB mempunyai satu pembelaan yang bermerit jika dakwaan Menteri itu benar dan sah.

tetapi dengan tiba-tiba, kata Menteri, IPIC berkata syarikat itu bukan milik mereka.

Pada hemat saya, saya rasa berkemungkinan Menteri itu jujur. Jika apa yang Menteri kata itu adalah benar, memang tidak sepatutnya dan tidak sewajar sama sekali kes ini diselesaikan apatah lagi diselesaikan dengan terma yang tidak menguntungkan iaitu 1MDB dan juga Kementerian Kewangan sendiri setuju untuk membayar kepada IPIC.

Jika benar apa yang dikatakan oleh Menteri itu, memang sewajarnya jika Kementerian Kewangan sebelum ini mengambil pendirian tidak mahu membayar dan bersedia untuk melawan habis-habisan kes itu hingga menang. Sebab apa? Kerana, bagi saya, amat jelas dan nyata, 1MDB mempunyai satu pembelaan yang bermerit jika dakwaan Menteri itu benar dan sah.

LUAR MAHKAMAH

Sebab itu, bagi saya, bila dengan tiba-tiba 1MDB dan Kementerian Kewangan bersetuju menyelesaikan kes ini di luar Mahkamah dan setuju pula untuk membayar kepada IPIC dan telah pun membayar bayaran pertama pada jumlah US\$602.725 juta (RM2.58 bilion) dan berkemungkinan akan membayar sekali lagi jumlah yang sama sebelum 31 Dis tahun ini, ia menimbulkan pelbagai persoalan yang sah iaitu:

a) Kenapakah 1MDB dan Kementerian Kewangan bersetuju untuk selesaikan kes ini tanpa melawan habis-habisan di Mahkamah Timbangtara itu?

b) Kenapa dengan tiba-tiba pendirian kerajaan berubah sekecil mata - daripada hendak lawan dan yakin boleh menang kepada

tidak mahu melawan dan menyerah kalah dengan begitu mudah?

c) Jika benar 1MDB telah dikatakan membayar US\$3.5 bilion kepada Aabar Investment Ltd BVI sebelum ini dan penuh yakin bahawa bayaran itu dibuat dengan betul dan suci hati kepada anak syarikat IPIC yang betul dan tulen, kenapakah 1MDB tidak mahu mengheret sekali pihak yang bertanggungjawab membayar dan menerima bayaran itu sebagai pihak ketiga dalam tuntutan itu atau sebagai defendan bersama (a co-defendant) bagi menuntut indemniti?

d) Kegagalan 1MDB mengheret pihak ketiga yang bertanggungjawab dalam kes itu menimbulkan syak wasangka dan persoalan, adakah benar dan sah bayaran US\$3.5 bilion itu memang telah dibuat dan jika benar, apa jadi dengan wang itu? Hangus atau macam mana? Dan apakah usaha yang telah dilakukan bagi mendapatkan semula wang berjumlah US\$3.5 bilion itu?

Saya rasa pihak MO1, Kerajaan dan 1MDB sendiri berhutang dengan rakyat di negara ini untuk menjelaskan persoalan-persoalan di atas.

Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang.

Tok Guru Nik Aziz milik semua

INI kisah beberapa tahun dulu sebelum Tok Guru Nik Aziz meninggalkan kita buat selama-lamanya.

Di sebuah kedai kopi Cina di sebuah perkampungan baru Chui Chak yang terletak 18 km dari Teluk Intan. Saya sekadar meneruskan legasi silaturahmi orang-orang lama kami dengan mereka. Beberapa rakan Tionghua saya beria-ia untuk kami membawa Tok Guru Nik Aziz datang ke tempat kami. Sekejap pun tak mengapa.

Seingat aku, kali terakhir Tok Guru datang berceramah di tempat kami (Pasar Salak) pada pertengahan tahun 80-an. Kalau ditakdirkan Tok Guru ke tempat kami, tentu saja kami bawa ke pusat penempatan orang Melayu yang masih karat biru.

Tetapi orang Tionghua memin-

ta kami usahakan untuk Tok Guru datang ke Chui Chak yang dihuni oleh hampir seratus peratus orang Tionghua dan peti undinya tidak pernah sekalipun pembangkang kecundang. Katanya, Tok Guru serupa 'sifu besar'. Mereka nak dengar Tok Guru bercakap. Mereka nak pandang wajah Tok Guru secara berdepan-depan. Sebahagian mereka bercakap dengan Bahasa Melayu yang pasar. Dalam hati saya, bolehkah mereka memahami ucapan Tok Guru nanti? Maaf kawan, bukan bermaksud saya meragui kalian.

Cerita itu mati begitu saja. Semasa kami singgah lagi ke Chui Chak. Seorang Tionghua yang uzur masih mengingatkan saya tentang peranan Tok Guru Nik Aziz dalam politik tanah air. "Kalau itu Tok Guru masih ada, wa ingat

kita lagi kuat". Saya mengiyakan saja. Diapun sudah senja tapi semangatnya secergas pagi hari. Inilah kekuatan usaha dan idea manusia hebat yang mati tetapi terus memberi inspirasi untuk generasi mendatang. Ideanya menajal ke bumi bagai air yang mengalir jernih.

KONTEMPORARI

Pendekatan dakwah Tok Guru yang kontemporari memudahkan Islam masuk ke setiap tingkap pemikiran orang Malaysia. 'Engagement' Tok Guru dengan masyarakat bukan Islam telah banyak memecah benteng dakwah. Jika bukan Tok Guru memulakan, nescaya dakwah kita berligar pada lingkaran yang sama.

Setiap butiran kata-katanya



hendaklah difahami dengan konteks yang betul. Tidak sukar memahami logik, retorik Tok Guru mengupas isu dan permasalahan semasa beliau hidup dengan situasi sekarang. Kaedah pemahaman secara 'lurus bendul' adalah gambaran daya takulan yang lemah.

Pendekatan sebegini menjadi inspirasi bagi AMANAH kekal menggunakan tema 'rahmatan lil alamin' yang dahulunya dijadikan asas slogan 'Pas for All'. Pendeka-

tan Islam yang disenangi adalah mengutamakan persamaan dari lebih mencari perbezaan.

Tanpa menafikan dalam mengekalkan terus 'sustain', identiti, keunikan dan kelebihan dalam berbeza tetap dipertahankan tanpa kompromi. AMANAH lahir atas robohan tinta perjuangan Tok Guru dalam Pas.

Saat masih merah tanah kuburnya, legasi dakwah Tok Guru satu demi satu rebah terhakis. Saat itu, kamilah yang lemah ini bangkit mengutip cebisan sejarah mutiara Tok Guru.

Kerana itu, nafas dakwah Tok Guru 'bersenyawa' dalam nafas kami.

Dr Muhaimin Sulam ialah Naib Pengerusi AMANAH Perak.

Heret 'penyangak' Felda ke pengadilan

KUBANG PASU: Urus niaga meragukan yang membabitkan penurunan hak milik tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur mendorong Pakatan Harapan (PH) Kawasan Kubang Pasu membuat laporan polis di Balai Polis Jitra yang juga merupakan Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu, baru-baru ini.

Malah PH Kubang Pasu turut beriltizam akan menjelajah seluruh kawasan Felda dalam daerah Kubang Pasu bagi mendedahkan segala kelemahan yang wujud melibatkan pengurusan Felda sehingga berlaku kehilangan aset yang amat berharga itu.

Naib Pengerusi AMANAH Negeri Kedah, Dr Salmee Said yakin rakyat ingin tahu transaksi sebenar pindah milik yang berlaku sehingga merugikan Felda.

"PH menuntut supaya pihak polis segera melakukan siasatan dengan telus dengan membawa mereka yang terbabit dalam isu ini ke muka pengadilan.

"Mereka yang terbukti bersalah dalam kes ini tidak harus dilindungi dan sepatutnya dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan.

"Felda juga seharusnya berusaha untuk mendapatkan semula hak milik mereka yang hilang tanpa kompromi dengan mana-mana pihak sekalipun," jelasnya.

Beliau juga berkata, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mesti mengambil tindakan segera bagi memastikan tidak ada pihak yang terlepas dan bebas tanpa dibawa ke muka pengadilan.

Mengulas perkara yang sama, Pengerusi PH Kubang Pasu Mohd Khairi Md Saad berkata penyelewengan dan salah guna kuasa yang berlaku bukan isu yang boleh dipandang ringan.

"Sebenarnya rakyat semakin kecewa dengan apa yang sedang berlaku dalam negara sejak kebelakangan ini.

"Pelbagai isu membabitkan kepentingan rakyat mendedahkan kelemahan kerajaan yang sedang memimpin dan tidak berupaya untuk melaksanakan tanggung jawab mereka.

"Oleh kerana itu adalah diharapkan pihak berkuasa dapat segera menjalankan siasatan serta mengheret mereka yang terbabit ke muka pengadilan," ujarnya.

Sementara itu Timbalan Ketua Penerangan PH Negeri Kedah, Ridzwan Abu Bakar pula berkata, kes ini telah mencemarkan nama



Dr Salmee (tiga dari kanan) bersama pemimpin AMANAH Kawasan Jerlun selepas membuat laporan polis.

berkata, kes ini telah mencemarkan nama baik Felda.

Sehubungan itu mereka yang terlibat dalam transaksi yang amat mengejutkan ini mesti diheret ke muka pengadilan dengan secepat mungkin.

"Isu ini turut memperlihatkan bagaimana wujudnya kelemahan yang ada pada kerajaan dalam melaksanakan tanggung jawab

mereka menjaga kepentingan warga Felda.

"Rakyat ingin tahu siapa sebenarnya yang berada di belakang kes transaksi yang melibatkan ratusan jutaan ringgit ini dengan begitu mudah dialihkan.

"Secara jelas membuktikan kerajaan tidak mampu untuk menjaga kepentingan Felda dengan baik sehingga melibatkan kerugian yang amat memalukan," tegasnya.

Skandal jual tanah Felda bukti urus tadbir teruk



Johari bersama pemimpin PH Baling selepas membuat laporan di Balai Polis Baling.

BALING: Pakatan Harapan (PH) Baling berharap pihak polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) segera menyasat skandal penjualan tanah milik Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur kerana ia merugikan negara khususnya para peneroka.

Sehubungan itu satu laporan polis telah dibuat di Balai Polis Baling bagi menuntut transaksi mencurigakan itu disiasat.

Ketua AMANAH kawasan Baling, Johari Abdullah hairan bagaimana transaksi penjualan tanah yang meragukan itu berlaku di bawah pengawasan sebuah agensi kerajaan yang telah sekian lama wujud.

"Tanah ini juga adalah aset yang amat berharga dan tidak seharusnya berlaku pindah milik sedemikian sekiranya urus tadbir berjalan dengan baik dan jujur.

"Namun begitu apabila pendedahan ini dibuat, ia bukan saja mengejutkan seluruh

rakyat dalam negara ini, tetapi turut membabitkan sifat amanah yang ada pada mereka yang menyelia urus Felda," jelasnya.

Pengarah Komunikasi AMANAH Kedah, Ridzwan Abu Bakar yang turut hadir berkata, kecuaiannya yang berlaku dalam urusan transaksi pindah milik tanah Felda amat mengecewakan rakyat.

"Pembongkaran ini membuktikan betapa cuai, lalai dan tidak bertanggungjawab mereka yang telah diberi amanah untuk menjaga kepentingan Felda.

"Tiada mana-mana individu terlibat harus terlepas daripada kemungkaran yang amat merugikan rakyat dan negara dalam isu ini.

"Oleh itu adalah diharapkan isu yang amat serius ini disiasat dengan segera tanpa melindungi mana-mana pihak," ujarnya.

Turut hadir membuat laporan polis Ketua PPBM Bahagian Baling, Datuk Sufian Ahmad.

Mengapa saham TDM jatuh merudum?

KUALA TERENGGANU: Pemuda AMANAH Negeri Terengganu mendesak kerajaan negeri memberi penjelasan segera terhadap kemerosotan harga saham TDM Berhad.

TDM Berhad, sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri Terengganu telah mengalami kemerosotan harga saham sejak Februari lalu.

Pada 13 Feb 2017 harga saham TDM diniajukan pada 73 sen sesaham berbanding 45 sen pada 26 Dis lalu.

TDM Berhad adalah syarikat yang didagangkan di papan utama Bursa Malaysia.

Exco Hal Ehwal Ekonomi Pemuda AMANAH Terengganu Ahmad Nadhir Yob berkata, penurunan sebanyak 38% dalam 10 bulan itu boleh dianggap drastik dan akan menjejaskan

prestasi syarikat sekaligus menghilangkan keyakinan para pelabur.

Justeru, Ahmad Nadhir meminta penjelasan yang telus kerajaan negeri diterajui Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman mengenai situasi semasa prestasi kewangan TDM Berhad.

Ini kerana tambah beliau, TDM Berhad adalah antara syarikat milik kerajaan negeri yang

strategik dan rakyat Terengganu berhak mengetahui prestasi semasa syarikat tersebut.

"Pemuda AMANAH Terengganu menegaskan setiap aset kerajaan negeri Terengganu mesti sentiasa dipelihara dan dikembangkan untuk manfaat rakyat negeri Terengganu keseluruhannya," tegas Ahmad Nadhir.

Petani mahu jalan akses menuai padi

PARIT BUNTAR: Agensi kerajaan berkaitan digesa menyelesaikan masalah petani yang berisiko kerugian akibat kegagalan mengambil hasil padi ekoran waktu menuai yang tidak seragam. Ini kerana sebahagian padi yang masak menguning tidak dapat dituai kerana petani tidak mempunyai akses untuk mengambil hasil mereka.

Sehubungan itu Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa mengesa agensi berkaitan menyeragamkan waktu penanaman dan menuai padi bagi mengelakkan petani menanggung kerugian.

"Sawah padi mereka telah mulai menguning, namun terpaksa menunggu kerana ada sawah yang belum boleh dituai.

"Jentera memotong sudah sedia untuk menuai padi, namun terpaksa ditangguh disebabkan ketiadaan jalan ke sawah berkenaan," katanya ketika ditemui semasa mengadakan lawatan bertemu pesawah di Parit 310, dekat sini.

Turut sama dalam lawatan itu Ketua Pe-

muda AMANAH Perak, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim.

Dr Mujahid menambah, agensi kerajaan bertanggungjawab sama ada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian perlu membuat jalan akses bagi memudahkan pesawah mengambil hasil mereka.

"Petani mengadu ketiadaan jalan akses ini menyebabkan sebahagian petak sawah berisiko lewat untuk dituai dan situasi ini boleh menyebabkan padi terlalu masak.

"Jika padi terlalu masak, kualitinya akan jatuh dan merugikan petani. Lebih-lebih lagi petani hanya bergantung pada hasil tuaian untuk menyara hidup," katanya.

Menurutnya, masalah berkenaan merisaukan petani kerana terpaksa berhadapan risiko kerugian selepas berusaha keras mengusahakan tanaman tersebut.

"Pada saat kos mengusahakan padi semakin meningkat seperti racun dan baja, masalah akses untuk mengambil hasil



Dr Mujahid menyatakan sesuatu kepada petani yang ditemui sambil diperhatikan Hasnul.

padi pula menghantui kami.

"Padi yang tidak dapat dituai mengikut jadual akan menyebabkan kualitinya terjejas sekali gus meningkatkan pematangan gred. Jika hujan padi yang masak boleh

rosak," katanya.

Dr Mujahid akan memastikan aduan petani disampaikan untuk tindakan pihak JPS dan AIDA.

Hanya tahu AMANAH wujud selepas terima bantuan

Oleh **ARIF ATAN**

SIK: Kebanyakan masyarakat Melayu yang berpendapatan rendah di utara tanah air tidak mengetahui perkembangan terbaru politik pembangkang termasuk penubuhan AMANAH dan Pakatan Harapan (PH).

Hal tersebut diakui Ketua AMANAH Kawasan Sik, Sulaiman Ibrahim selepas mengagihkan sumbangan bantuan beg sekolah kepada 155 murid daripada keluarga miskin, baru-baru ini.

"Rata-rata penerima bantuan beg sekolah tahun ini adalah mereka yang belum mengetahui apa-apa berkenaan kewujudan AMANAH dan PH," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas sumbangan menjelang pembukaan sesi sekolah itu, beliau memberitahu seramai 167 orang tidak dapat hadir di Pejabat Operasi AMANAH Sik untuk menerima bantuan disebabkan tiada kenderaan dan perlu menoreh getah.

"Mereka yang tidak dapat hadir, AJK AMANAH Kawasan Sik akan menghantar



Dr Ismail berucap pada majlis penyampaian bantuan beg sekolah anjuran AMANAH Kawasan Sik.

beg sekolah mengikut alamat yang diberikan melalui ketua-ketua cawangan yang berdekatan.

"Walau bagaimanapun 64 nama yang didaftarkan telah ditolak oleh kerana nama-

nama tersebut pernah mendapat baju sekolah dari AMANAH Sik," ujarnya.

Sulaiman yang juga dikenali sebagai Leman Raja Lawan itu juga berkata, AMANAH Sik memperuntukkan bantuan beg

sekolah kepada dua anak yang bersekolah dalam satu keluarga bagi meringankan beban mereka.

"Terima kasih kepada Pengerusi AMANAH Negeri Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh kerana hadir memberikan kata-kata perangsang buat penduduk Sik.

"Terima kasih juga kepada semua AJK dan team ARIF kawasan Sik yang menyumbangkan tenaga bagi melancarkan perjalanan program," tambahnya lagi.

AMANAH Sik sebelum ini dikenali aktif melaksanakan aktiviti peduli rakyat seperti membina Rumah Peduli Rakyat tiga bilik hasil sumbangan orang ramai.

Daerah Sik yang bersempadan dengan Baling, Kuala Muda, Pendang dan Padang Terap didiami majoriti masyarakat berpendapatan rendah dengan rata-ratanya bekerja mengambil upah menoreh getah dan mencari tumbuhan hutan untuk dijual.

Lokasi kediaman sebahagian penduduk yang terletak jauh di pedalaman juga menyaksikan masih terdapat antara mereka yang bergantung pada air bukit dan menggunakan pelita minyak tanah atau lampu kabaid.

Ketua AMANAH Bukit Bintang meninggal dunia



Jenazah Allahyarham Badi'ul Azmi diusung ke dalam van jenazah untuk dibawa ke tanah perkuburan.

SETAPAK: Ketua AMANAH Bukit Bintang, Badi'ul Azmi Razali telah kembali ke rahmatullah kira-kira jam 1 pagi, 26 Dis lalu di Hospital Kuala Lumpur.

Allahyarham yang lebih mesra dengan panggilan Badik ialah seorang aktivis masyarakat di Wilayah Persekutuan dan pejuang keadilan yang gigih semasa hayatnya.

Selain itu, Allahyarham juga salah seorang pembantu peribadi Presiden AMANAH Mohamad Sabu yang telah berkhidmat sehingga ke akhir hayat.

Jenazah Allahyarham disolatkan di

Madrasah Tarbiah Kg Bandar Dalam dan kemudian disemadikan di Tanah Perkuburan Kampung Puh, Gombak.

Antara pemimpin AMANAH yang hadir memberikan penghormatan terakhir ialah Pengarah Pilihan Raya AMANAH Nasional yang juga Pengerusi AMANAH Wilayah Persekutuan Dr. Mohd Hatta Md Ramli, Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin dan para pemimpin AMANAH Wilayah Persekutuan.

Semoga Allah menempatkan roh Allahyarham bersama mereka yang beriman.

Sumbangkan wang, harta dan doa untuk Palestin

TUMPAT: Kewajipan mempertahankan bumi Palestin adalah kewajipan seluruh umat Islam dan bukan hanya mereka yang tinggal di sekitarnya sahaja.

Yang diPertua Pertubuhan IKRAM Kelantan Dr Mohd Sha'rani Mohd Naim berkata demikian ketika menyampaikan ceramah solidariti Palestin di Madrasah Tuan Haji Nordin Adam Kg Laut, dekat sini, baru-baru ini.

"Ketika tanah suci itu kini diserang Yahudi dan sekutunya di serata dunia, tidak ada seorangpun muslim harus mengucualikan diri dari mempertahankannya.

"Kita yang berada jauh darinya tentu tidak boleh secara fizikal pergi menyertai umat Islam di sana. Ini tidak bermakna kita terlepas tanggungjawab," katanya.

Peranan yang boleh dibuat oleh setiap umat Islam adalah menyumbang dalam bentuk doa, kewangan dan harta benda.

"Seharusnya kita menetapkan jumlah sumbangan bulanan yang khas diperuntukkan kepada perjuangan membebaskan Palestin.

"Jumlah tidak mesti banyak, buatlah sekadar yang kita mampu, seringggit, dua ringgit, sepuluh ringgit," katanya.

Mengenai doa untuk Palestin, beliau mencadangkan supaya dimasukkan



Nordin (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Dr Sha'rani.

dalam qunut setiap solat Subuh.

"Saya sendiri sebagai imam masjid akan sentiasa memasukkan doa untuk Palestin setiap kali menjadi imam solat Subuh," katanya.

Setiap umat Islam juga katanya perlu peka dengan rangkaian perniagaan Yahudi yang turut menular di negara kita.

"Kita kena kenal syarikat-syarikat dan produk-produk yang ada kaitan dengan Yahudi dalam pasaran. Jangan makan makanan buatan mereka.

"Beli servis insuran dan rangkaian bank milik



Bergambar selepas majlis solat hajat dan ceramah solidariti Palestin anjuran Wanita PH Kelantan.

mereka atau sertai pertubuhan-pertubuhan yang ada hubungan dengan mereka," katanya.

Dr Sha'rani turut menceritakan secara terperinci sejarah Baitulmaqdis yang kini jadi rebutan tiga agama samawi.

"Islam, Kristian dan Yahudi masing-masing menganggap kota ini milik mereka.

"Semua menganggap perkara ini adalah berkaitan dengan pegangan akidah masing-masing dan cuba membuktikan dengan fakta-fakta sejarah bahawa merekalah paling

berhak ke atasnya.

"Hakikatnya Islam sebagai agama penyudah dan pelengkap kepada pengutusan nabi-nabi dan rasul-rasul adalah penanggung hak sebenar atas kota suci itu," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata umat Islam perlu berjuang dengan harta dan jiwa bagi membebaskan Baitulmaqdis.

Turut berucap di majlis anjuran Wanita Pakatan Harapan (PH) Kelantan itu ialah pengerusi madrasah, Nordin Adam dan juga Ketua Wanita PH Kelantan Norashidah Jaafar.

Sumbangan persekolahan ceriakan anak-anak hadapi sesi baru



Dr Mujahid membantu seorang pelajar memilih kasut sekolah.

PARIT BUNTAR: Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dengan kerjasama AMANAH Parit Buntar memperuntukkan lebih RM 12,000 tahun ini bagi membantu keluarga miskin dalam kawasan itu menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak menjelang sesi persekolahan 2018.

Program bantuan pakaian seragam sekolah yang dilaksanakan sejak AMANAH ditubuhkan itu memberi manfaat kepada 120 pelajar miskin tahun ini.

Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, semua penerima mendapat baucer RM100 setiap

seorang.

Sejumlah 70 pelajar Melayu, 30 pelajar India dan 20 pelajar Cina dari keluarga berpendapatan rendah menerima sumbangan itu.

Penerima baucer boleh membuat pembelian kelengkapan sekolah pada bila-bila masa mengikut kelapangan masa masing-masing.

Dr Mujahid menambah, AMANAH Parit Buntar turut melaksanakan pelbagai program kebajikan bagi mendekati masyarakat antaranya menghulurkan sumbangan barangan keperluan dapur kepada golongan yang memerlukan.



Hasnul memberi ucapan ringkas sebelum penyerahan baucer pembelian.

Turut hadir meraikan para pelajar di sebuah pasaraya dekat sini ialah Ketua AMANAH Parit Buntar, Ir. Mohamad Sufian Ahmad dan Ketua Pemuda AMANAH Perak, Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim.

Hasnul Zulkarnain yang ditemui berkata, program itu memberi semangat dan menceriakan pelajar sebelum memulakan sesi persekolahan 2018.

"AMANAH membantu ibu-bapa yang kurang berkemampuan bagi penyediaan kelengkapan persekolahan anak-anak mereka sebagai salah satu program peduli rakyat.

"Ini bagi membolehkan anak-anak mereka tidak merasa terpinggir akibat kekurangan kelengkapan persekolahan seperti mana kanak-kanak lain apabila mula bersekolah kelak," katanya.

Sementara itu, Ismail Hassan, 55, bersyukur apabila anaknya menerima baucer pembelian pakaian sekolah itu.

"Saya ucap terima kasih kepada wakil rakyat kerana tanpa bantuan sebegini, kami terpaksa berbelanja lebih untuk keperluan persekolahan anak-anak," katanya.

Program 'Kembali ke Sekolah' tutup tirai 2018



Wan Anwar menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan melukis.

Oleh AMNI JAGAT

KUALA LUMPUR: Program 'Kembali ke Sekolah' menutup tirai program kebajikan aktivis AMANAH seluruh negara bagi tahun 2017.

Melalui program ini, anak-anak daripada keluarga kurang berkemampuan dibantu menyediakan keperluan persekolahan hasil sumbangan para dermawan.

Di GELANG PATAH, Johor, seramai 30 pelajar sekolah di kawasan ini dibantu AMANAH Kawasan bagi menyediakan barangan keperluan persekolahan.

Menurut Ketua AMANAH kawasan Dzulkefly Ahmad, sumbangan tersebut menyasarkan keluarga terpilih.

Antara barangan yang disumbangkan adalah alat tulis, pakaian seragam, beg sekolah dan wang tunai.

"Usaha yang dilakukan ini bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan disamping menyemarakkan lagi semangat anak-anak untuk menempuh sesi baru persekolahan," kata Dzulkefly yang juga Timbalan

Pengerusi AMANAH negeri.

Beliau turut merakam penghargaan kepada individu dan pihak yang menyumbang bagi menjayakan program itu.

Di SELAYANG, Selangor program 'Kembali ke Sekolah' anjuran AMANAH Kawasan Selayang berlangsung meriah dengan kehadiran ibu bapa dan murid-murid.

Majlis dimeriahkan dengan pertandingan mewarna yang disertai kanak-kanak yang hadir.

Bagi meraikan kehadiran ibu bapa, cabutan bertuah turut diadakan.

Kaunter pendaftaran ahli AMANAH juga dibuka dan sambutan orang ramai begitu menggalakkan.

Ahli Dewan Negeri (Adun) Hulu Klang Saari Sungib dijemput hadir bagi menyampaikan sumbangan.

Dengan diiringi Ketua AMANAH Kawasan Selayang, Wan Anwar Wan Ibrahim, Saari menyerahkan peralatan dan beg sekolah kepada anak-anak.

Majlis yang berlangsung di Prima Selayang itu dihadiri penduduk pelbagai kaum.



Pemimpin AMANAH Gelang Patah bergambar ramai bersama penerima sumbangan.



Saari (kiri) dan Wan Anwar menyaksikan pertandingan melukis.



Wan Anwar bersembang santai dengan seorang hadirin.



Kaunter pendaftaran ahli AMANAH mendapat sambutan.



Saari menyampaikan beg kepada seorang penerima.

Kerajaan ghairah cukai, rakyat jadi 'pokai'

KEBANYAKAN rakyat Malaysia yang ditemui mengadu tentang kos sara hidup yang melambung tinggi dalam keadaan ekonomi yang sangat lemah dan amat kurangnya peluang pekerjaan.

Ayah dan ibu yang berkorban menghantar anak-anak mereka ke universiti terpaksa terus menanggung anak mereka kerana tiadanya tawaran bekerja walaupun setelah sudah menerima ijazah selama beberapa tahun.

Mereka yang lebih tidak bernasib baik diburu dan dituntut pula hutang PTPTN walaupun masih menganggur. Itulah realiti hidup hari ini.

Jauh dari menyedari dan mengakui realiti isu semasa kesengsaraan rakyat hari ini, kerajaan terpisah dari realiti sebenar masalah rakyat dan tidak mahu mengakui wujudnya masalah ekonomi hari ini.

Sudah pasti kerajaan sedia mengetahui masalah sebenar ekonomi negara kerana dalam situasi kekurangan sumber pendapatan, kerajaan telah mengenakan berbagai cukai baru yang membebankan rakyat serta menambah kesengsaraan hidup mereka.

Inilah tindak-tanduk kerajaan yang malas mencari dana dari sumber alternatif lain tetapi memilih jalan yang mudah dan cepat sambil berlaku zalim menghisap darah rakyat yang sedang dalam kesengsaraan dengan mengenakan cukai-cukai baru.

Di sini disenaraikan cukai-cukai tidak adil yang membebankan rakyat:

a) Ibu dari segala cukai yang menghisap darah rakyat tidak kira miskin, kaya, tua atau muda adalah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Ianya

tidak menepati kehendak Islam kerana membebankan golongan yang termiskin juga.

Kerajaan memutar belit fakta dengan mendakwa GST kita hanya 6% sementara Singapura adalah 7%, tanpa memaklumkan fakta bahawa Singapura memulakan GST mereka di kadar hanya 3% semasa mereka sudah mencapai status negara maju, sementara Malaysia memulakannya dengan kadar tinggi 6% semasa kita belum pun mencapai status negara maju!

b) Berbagai cukai baru negatif melalui pihak MAVCOM yang melibatkan sektor pelancongan akan menjejaskan industri tersebut serta peluang pekerjaan ramai rakyat. Diantaranya adalah cukai 'katil' hotel tempatan, cukai lapangan terbang, cukai keselamatan baru sebanyak US\$10 seorang dan cukai lapangan terbang antarabangsa di antara RM32 dan RM75.

Ini semua sudah tentu akan menjejaskan kedatangan pelancong dan pendapatan negara dari sektor pelancongan apabila kerajaan kelihatan tidak mengambil kisah asalkan mereka dapat wang secara mudah dan segera.

c) Tindakan Lembaga Hasil Dalam Negeri yang mengambil tindakan ke atas kes yang sangat lama dalam masa ekonomi negara dan rakyat dalam keadaan yang tenat. Ini sangatlah membebankan rakyat.

d) Bayaran 'cukai' melalui IMAMS ke atas jemaah Haji dan Umrah sebanyak RM90.10 untuk 'memantau' permohonan serta pengendalian proses Haji dan Umrah yang sangat kontroversi. Oleh kerana bantahan rakyat yang begitu meluas terhadap konsep yang tidak

masuk akal itu, kerajaan terpaksa menanggungnya dahulu. Ini adalah satu lagi 'cukai' yang sangat kontroversi. Sepatutnya Menteri Pelancongan meletak jawatan di atas insiden memalukan yang mengambil kesempatan orang Islam menunaikan ibadat.

Jelas dan nyata bahawa kerajaan dalam keadaan kewangan yang terdesak dan cuba mendapat wang secara mudah dan cepat dengan apa jua cara pun. Kesengsaraan rakyat tidak dipedulikan.

Cara yang lebih baik seperti memastikan kesemua kontrak kerajaan melalui tawaran terbuka, membasmi rasuah, mengurangkan ketirisan dan pembaziran yang boleh membawa penjimatan dan hasil, tidak dilaksanakan oleh kerajaan kerana tidak akan menguntungkan kroni-kroni dan diri yang berkepentingan.

Tindakan mengenakan bayaran untuk Umrah melalui IMAMS tadi adalah contoh paling jelas betapa rakus dan tamaknya kerajaan dalam kekurangan kewangan mencukai rakyat tanpa perasaan belas kasihan terhadap mereka yang ingin mengerjakan ibadat.

Yang paling memalukan adalah lakonan 'penafian' dan pengakuan tidak mengetahui isu tersebut dari Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri Pelancongan serta konco-konco mereka.

Bayangkan kalau kerajaan yang boros ini sanggup berbuat kesemua yang zalim seperti disebut di atas menjelang PRU14, dengan apa lagi akan mereka mendera rakyat pulak jika terus berkuasa selepas pilihan raya umum?

Jika sekarang kerajaan sudah ghairah



PENDAPAT
RAJA KAMARUL BAHRIN

mencukai rakyat sehingga rakyat 'pokai', apa pula akan dilakukan untuk memenuhi nafsu mereka jika terus berkuasa?

Proses 'penggadaan negara' secara meluas kepada negara Komunis China telah bermula. Mungkin selepas PRU14, Malaysia akan tergedai terus dan ditakluk secara ekonomi oleh China sama seperti nasib negara-negara Afrika dan Sri Lanka hari ini.

Tiada apa yang harus kita hairankan lagi kerana sudah jelas negara sudah lama di rompak oleh pemimpin kita seperti pemimpin negara dunia ketiga Afrika yang juga kaya dengan minyak dan hasil bumi yang luas. Apa bezanya sangat pemimpin negara dunia ketiga Afrika dan Malaysia hari ini?

Supaya pemimpin BN boleh terus bermewah-mewah, untuk mengekalkan taraf gaya hidup tinggi mereka, kerajaan akan terus menindas rakyat dengan cukai hingga kita semua akan menjadi 'pokai'.

Selamat membayar cukai beramai-ramai!

■ **Raja Bahrin Shah ialah Ahli Parlimen Kuala Terengganu dan Pengerusi AMANAH Terengganu.**

Kehilangan besar buat saya dan perjuangan – Mohamad Sabu

PEMERGIAN Ketua AMANAH Kawasan Bukit Bintang, Badi'ual Azmi Razali yang telah kembali ke rahmatullah 26 Disember lalu meninggalkan kesan mendalam buat Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

Mengulas pemergian salah seorang pembantu pribadi beliau itu, Mohamad berkata, Badi'ual Azmi atau lebih mesra di kalangan rakan-rakan dengan panggilan Badik adalah seorang aktivis dan amilin yang sangat patuh dan rajin melakukan kerja-kerja parti tanpa menghiraukan penat lelah.

"Kali ini saya kehilangan seorang lagi sahabat, yang sifatnya tidak pernah mengambil hati walaupun dimarah. Beliau tetap tekun melakukan kerja-kerja perjuangan.

"Saya kehilangan Badi'ual Azmi yang kami panggil Badik. Kehilangan beliau ini sangat terkesan kepada diri saya dan perjuangan," katanya kepada *Mingguan Amanah* dalam nada sebak.

Selain Allahyarham Badik, tahun ini juga kata Mohamad beliau kehilangan dua lagi sahabat rapat yang juga amilin iaitu Pak Ya Hindi dari Baling atau nama sebenarnya Zakaria Abd

Wahab dan Pak Lang Hairy atau nama sebenarnya Hairy Hashim dari Perlis yang telah kembali ke rahmatullah pada Mac dan November lalu.

"Pak Lang Hairy ini tempat saya bergurau senda, dia boleh meniru suara pimpinan, dia hadir dalam semua program saya dan tak pernah minta upah apa yang dia buat.

"Saya juga kehilangan Pak Ya Hindi dari Baling yang sangat kuat bekerja tanpa diminta. Dia ini seorang yang sangat optimis bahawa parti beliau akan menang satu masa nanti," kata Mohamad lagi.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata ketiga-tiga sahabat yang telah meninggalkannya itu dikenalnya sejak lebih 40 tahun dahulu semasa bersama Pas dan sehingga sekarang bersama AMANAH.

Tentu sekali, katanya amat berat menerima berita pemergian insan-insan rapat ini apatah lagi sentiasa berkongsi susah senang bersama.

"Kesemua mereka ini, tidak berjawatan tinggi dan tiada cita-cita bertanding pilihan raya. Sekalipun kita ada menang di negeri, tetapi mereka ini tidak menuntut



Mohamad bersama Allahyarham Badik dalam satu program himpunan di Kuala Lumpur.

jawatan yang sesuai dengan mereka. Mereka amilin yang bekerja tanpa penat lelah.

"Semoga mereka yang berjasa kepada perjuangan Islam rahmat untuk semua ini akan dicucuri rahmat ke atas roh mereka," katanya.

Allahyarham Badik meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur kira-kira jam 1 pagi pada 26 Disember lalu.

Allahyarham merupakan seorang aktivis masyarakat di Wilayah Persekutuan dan pejuang keadilan yang gigih semasa hayatnya.

Forex scandal: A rebuttal to Johari Ghani

By **TARIQ ISMAIL**

I'VE been following the exchange between Datuk Johari Ghani and Tun Dr Mahathir Mohamad with much interest and a hint of amusement at this latest rebuttal by Johari.

Admittedly, foreign exchange and reserves management is a very technical subject, especially given Bank Negara Malaysia's (BNM) role. So let me break down the real issue at hand, so that we might put the events of 1992-1993 and 2013-2015 in their proper perspective and compare them to better judge between right and wrong.

Managing the country's reserves has almost always been largely synonymous with managing our foreign exchange reserves.

For the layman's benefit, foreign exchange reserves are accumulated in the capital account of the balance of payments when we receive foreign currency for export of our goods and services overseas. Theoretically, the value of our exports and imports should equal the value of our foreign exchange earnings plus other financial instruments and other reserves such as gold.

Therefore, when the ringgit value suddenly increases or drops, this causes an imbalance of payment due to timing between delivery of goods and payment for the goods, which is contracted at the earlier rate. However, the value of the ringgit is determined not just by economic trade value but more so by external factors such as speculative activities and global investment activities.

Because of this, central banks like BNM typically have an in-house foreign excha-

nge department in charge of trading in foreign currency forward contracts, in anticipation of the future value of the currency given the expected economic activities of the nation as a whole.

This is where I disagree with Datuk the most – the entire foreign exchange trading operation in itself is 'anticipatory' and requires strong risk management governance practices and controls. The difference between what is 'orderly' and what is 'gambling' lies first in the risk parameters set by the BNM senior management endorsed by its board, and second, in the risk event probability and severity causing any loss.

Going back to Datuk's contention that the 1992-1993 forex event exceeded risk parameters such that it is considered gambling, I would like to point out the circumstances pointing to the heightened risk of the time, which Datuk has conveniently excluded from his rebuttal.

Datuk pointed out from the statement in the internal audit report in 1994 that the monthly average in maturing buy and sell forex transactions increased to RM750 billion a month in 1993 from RM140 billion in 1992.

Yet Datuk conveniently forgets that 1993 saw the extended super bull run on the KLSE which saw total turnover increase dramatically from RM51 billion in 1992 to over RM380 billion in 1993, mostly attributed to foreign institutional funds. Risk parameters would have taken this trend into account when determining appropriate levels of foreign exchange reserves, even by today's standards.

On a similar note, simply aggregating the total buy and sell forex trades without accounting for speculation by outside

parties during a period of extremely high growth in the country (and during a time when hedging was in its infancy), simply means the risk probability of speculative activities, upon which the decision was made 34 years ago, has not been taken into account in levelling accusations against the team then.

And in yet another instance of poor risk assessment by Datuk and those involved in the accusations concerning the 1992-1993 loss, the loss event on Black Wednesday in September 1992 was in itself a one-in-30-years risk event by today's standards, whereby losses are virtually guaranteed and risk mitigation decisions would typically be drawn up to either totally avoid the risk event or else simply cut losses.

It was a risk event that was unforeseen and carried huge inherent risks whereby even had we not participated in the market, we would have made losses. Up till that point, no losses were made in the trading operations despite the risky trades involved. It is a credit to the leaders of the time that mitigating measures could be taken to minimise the losses.

Now, let's compare this with Datuk's contention that the reduction in reserves of 2013-2015 was despite 'orderly' forex trading and not speculation or 'gambling' as it was 34 years ago.

I would like to point out to Datuk that since he contends the events causing the outflows of the ringgit were anticipated, then by risk terms they were risk events occurring once or several times a year at least, hence they were foreseeable threats.

Risk mitigation actions should have been in place from 2013 itself and the situation should have been addressed so that no

losses were incurred at all, let alone over three years. Compare this to the single loss event in 1992. Which do you think speaks of failure to manage risk? Which do you think points to ensuring "orderly condition of the foreign exchange market" and which to gambling?

Datuk and his team would do well to frame their arguments in risk management terms, because this is the crux of the matter. You see, 34 years ago, risk management practices were in their infancy even by global standards. Best practices for forex trading particularly did not appear until later in the 90s, and have only evolved tremendously in the past decade or so. Comparing the rules and laws then with what they are now as a basis of judgment for what is orderly condition of the market is mean spirited, to say the least.

Rather, Datuk and his team should explain and disclose to the public, as they did against Tun, the aggregate of buy and sell forex trades between 2013-2015 for a fairer comparison of the two risk events. Simply quoting the reduction in value of capital reserves is not tantamount to disclosing the operating loss, if any, arising from the assault on the ringgit in these three years in question. I hope Datuk is man enough to be transparent about this.

For the Malaysian public, what is important to remember here is that in risk management terms, a loss is not in and of itself a symptom of poor risk management, let alone indicative of speculation and gambling. Poor risk management is simply the inability to effectively manage risks and when they arise. This was Tun's point. We deserve leaders who know this difference. - FMT

■ **Tariq Ismail is a member of PPBM supreme council.**

The sad tale of Felda and FGV

By **TK CHUA**

FEDERAL Land Development Authority (Felda) was one of the rare successes of socio-economic engineering in our country.

It has brought a decent life to many settlers from its inception in the 1950s.

It was established as a statutory body and for years Felda was managed by technocrats. The objective was modest — to bring about poverty alleviation, especially among the rural poor.

Over time, Felda became a very rich and well-endowed organisation, more due to its large holding of land throughout the country when land was acquired at a pittance.

In tandem, the settlers and the government should have become very rich too, benefiting from income and capital appreciation from their investment.

But what happened in recent years was most unfortunate. For reasons which are quite beyond my comprehension, settlers are now saddled with endless borrowings and debts.

Instead of becoming rich and comfortable, the settlers are now in a constant tussle with Felda over their rights and benefits.

Instead of becoming independent, based on what they own, they are now in constant need of "special bonus/payments" from the government.

The problem did not stop there. With corporate bigwigs, consisting of former

politicians, indulging in "investing" and "venturing", the problems in Felda have become bigger.

Almost everything they touched has become mud so far.

I have thought Felda settlers should have been given their free shares when FGV was first listed.

Instead, it was loans in exchange for shares in FGV. Did Felda settlers own anything at all in Felda before FGV was listed?

But not only that, the price of FGV has plummeted from RM5 a share at the time of listing to less than RM2 a share at present.

Did other plantation companies listed in the exchange suffer the same fate as FGV during the same period?

We should ask why, instead of making

the settlers richer, we have made them more in debt and poorer.

Then what about their so many other devious and dubious investments, from luxurious hotels in London to a sturgeon fish project in Malaysia. I hope the investigations into them are still going on.

And before we can get on top of all this, we have been handed another bombshell — their prime land on Jalan Semarak in Kuala Lumpur is now embroiled in a controversy and uncertainties.

You know what; I am not optimistic at all that the latest problem in Felda and FGV will be resolved soon.

Label me a pessimist if you wish. In fact, I wish I was wrong. - FMT

■ **TK Chua is an FMT reader.**

Dilema Adun Pas Selangor

KEBELAKANGAN ini kita membaca ide yang agak kontroversi dikemukakan berhubung kedudukan Adun-Adun Pas di negeri Selangor. Ide kontroversi ini mencadangkan supaya mereka melompat keluar Pas dan menyertai Keadilan dan seterusnya bertanding kembali kerusi mereka sebagai 'incumbent' atau penyandang tetapi atas tiket Keadilan. Saya yakin Adun-Adun Pas sedang dalam sedikit dilema mengenai cadangan ini.

LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD



memilih untuk sama ada terus bersama Pas, yang tidak lagi dipersetujui pendekatannya, atau keluar dan bersama PH khususnya bersama AMANAH.

Sekiranya mereka kekal bersama Pas, mereka sedar tidak akan dipilih untuk menjadi calon PRU ke-14. Sedangkan ada di kalangan mereka yang telah menjadi Adun sejak 2008 lagi dan masih bersemangat untuk terus bertanding. Sambil itu, sekiranya mereka keluar dan menyertai AMANAH, tiada jaminan mereka akan diterima dengan baik atas sebab begitu lambat membuat keputusan untuk keluar Pas. Mereka akan dianggap sebagai golongan yang antara terlewat dan 'slow learner'. Harapan untuk dijadikan calon juga mungkin dilihat 'tipis'.

TIDAK SENANG DENGAN SIKAP PAS PASCA MUKTAMAR 2015

Kita semua mengetahui bahawa kesemua Adun Pas di Selangor yang berjumlah seramai 13 orang tidak senang dengan pendirian Pas Pusat untuk keluar daripada Pakatan Rakyat (PR) apabila memutuskan hubungan dengan DAP pada 2015 dan Keadilan kemudiannya.

Ini jelas berdasarkan surat yang telah ditandatangani kesemua 13 Adun Pas meminta supaya Pas Selangor dikecualikan dari dasar Pas Pusat untuk memutuskan hubungan dengan PR. Malangnya bagi mereka, rayuan mereka telah tidak diendahkan pimpinan Pas Pusat, khususnya Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Pada ketika itu, saya yakin sudah ada terlintas di pemikiran sebahagian dari mereka untuk keluar Pas dan bersama AMANAH apabila AMANAH ditubuhkan. Namun mungkin atas sebab keyakinan pihak tertentu bahawa hubungan Pas dan Pakatan Harapan (PH), yang ditubuhkan sebagai pengganti kepada PR, boleh dipulihkan maka mereka kekal bersama Pas.

Kemungkinan mereka dimaklumkan bahawa perbincangan antara pihak Keadilan bersama Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dan Datuk Mustafa Ali sedang berjalan dengan begitu positif. Kemungkinan akan ada kerjasama antara Pas dan PH digunakan untuk mereka kekal dalam Pas dan pada masa yang sama mengekalkan juga 'kerajaan PR' di Selangor.

GAGALNYA USAHA KERJASAMA PAS-PH@KEADILAN

Malangnya bagi Adun-Adun Pas ini, kerjasama Pas-PH yang digambarkan sebagai satu kemungkinan besar akan berlaku tidak tercapai. Pada masa sama, mereka juga sedar bahawa perubahan sikap Pas telah menjadikan sebahagian dari mereka tidak lagi diperlukan oleh pimpinan Pas. Mereka merupakan golongan pro-kerjasama dengan Pakatan, sama ada Pakatan Rakyat atau Pakatan Harapan, sedangkan Pas sudah anti-Pakatan. Dalam keadaan sebegini, mereka terpaksa

PILIHAN YANG MENAMBAHKAN DILEMA

Sambil mereka menimbangkan segala pilihan, tiba-tiba mereka ditawarkan pula untuk menyertai Keadilan dan dijanjikan akan dilantik sebagai calon atas sebab mereka adalah 'incumbent' atau penyandang. Pilihan ini tidak pernah difikirkan mereka kerana dari awal lagi mereka tidak berminat untuk menyertai Keadilan.

Tawaran ini pula dibuat oleh mereka yang pada peringkat awal dulu meyakinkan mereka supaya kekal dalam Pas! Dan bahawa kerjasama PH-Pas, melalui Keadilan dikatakan pasti berlaku.

Saya rasa tiada yang boleh menafikan bahawa Keadilan bukanlah pilihan pertama mereka kerana dari sejak awal mereka telah memilih untuk bersama Pas. Hampir kesemua mereka menyertai politik pada atau selepas zaman reformasi dan sekiranya Keadilan adalah pilihan pertama, maka mereka semestinya akan bersama Keadilan pada ketika mereka menyertai politik. Namun mereka kesemuanya telah bersama Pas kerana mereka kononnya mempunyai wawasan perjuangan politik Islam.

Dengan ditawarkan sebagai bakal calon, walaupun atas tiket Keadilan, saya pasti sebahagian dari mereka berdilema. Ada yang tertarik namun pada masa yang sama mereka risau bagaimana tindakan mereka untuk keluar Pas dan menyertai Keadilan semata-mata kerana ingin menjadi calon akan dilihat masyarakat keseluruhannya. Adakah mereka akan dilihat sebagai opportunist dan tidak berprinsip?

KEMARAHAN PAS TERHADAP KEADILAN

Bagi Keadilan, penyertaan mereka sebagai ahli Keadilan akan memungkinkan Keadilan menuntut kerusi-kerusi yang dulunya ditandingi Pas. Ini memungkinkan Keadilan



“ Bagi Adun-Adun Pas ini, yang sudah lama sedar kesilapan Ustaz Abdul Hadi, saya ingin cadangkan supaya mereka istiqamah dengan perjuangan Islam dan lakukan apa yang sepatutnya dilakukan mereka pada 2015.

memperolehi maksima 13 kerusi tambahan sekira kesemua Adun Pas bersetuju dengan cadangan mereka. Semestinya ini satu 'kejayaan' bagi Keadilan. Namun demikian, justifikasi Keadilan untuk menerima mereka sebagai calon agak kurang jelas.

Selama ini Keadilan bertindak secara berlembut dengan Pas atas alasan ingin mendapat undi ahli Pas. Hujah Keadilan adalah seakan-akan sama dengan hujah Pas sendiri untuk berlembut dengan Umno. Tiba-tiba, bila Keadilan 'mencuri' bekas calon Pas, tidakkah ianya akan menyebabkan Pas marah? Sudah pasti Pas akan mengamuk dan pertandingan 3 penjurus bersama Pas sudah pasti akan berlaku.

Pada ketika itu ahli Pa' juga akan marah dengan 'calon pengkhianat' dan parti Keadilan yang mencalonkan 'pengkhianat' dan dengan itu tiada kelebihan yang akan diperolehi dengan mencalonkan mereka. Juga tiada kelebihan melainkan kerusi yang ditandingi Keadilan bertambah.

PERSPEKTIF PARTI RAKAN PH

Saya khuatir akan ada yang merumuskan bahawa mereka ini telah digalakkan untuk kekal sebagai Adun dan Exco Pas sebagai satu perancangan untuk menjadikan kerusi-kerusi mereka milik Keadilan semasa PRU ke-14. Kalau itulah yang dirumuskan oleh ahli dan penyokong AMANAH dan PPBM, maka hubungan antara parti komponen parti PH di negeri Selangor akan tercalar. Sedangkan semangat kekitaan dan kebersatuan amat penting untuk PH berjaya mempertahankan Selangor.

Tindakan Keadilan akan dilihat sebagai tindakan 'merampas kerusi-kerusi rakan' dengan meletakkan calon penyandang dari Pas yang menyertai Keadilan pada saat terakhir semata-mata kerana dijanjikan akan menjadi calon. Ini sewajarnya dielak. Seperti pepatah Melayu, ianya untung secupak rugi segantang.

SERUAN KEPADA ADUN DAN AHLI PAS

Bagi Adun-Adun Pas yang sedang dilema, saya ingatkan supaya mengikhlaskan hati dalam mendukung perjuangan Islam. Jangan jadi seperti Baihara bin Firas, ketua Bani Amir yang sanggup menyokong Rasulullah s.a.w. hanya sekiranya beliau dijanjikan akan dilantik sebagai ketua selepas wafatnya Nabi s.a.w.. Syarat Baihara telah ditolak Rasulullah s.a.w. kerana sikap meminta dan mementingkan jawatan adalah bukan dari akhlak seorang pejuang Islam yang tulen.

Bagi Adun-Adun Pas ini, yang sudah lama sedar kesilapan Ustaz Abdul Hadi, saya ingin cadangkan supaya mereka istiqamah dengan perjuangan Islam dan lakukan apa yang sepatutnya dilakukan mereka pada 2015. Keluar Pas untuk bersama dengan AMANAH. Sertai AMANAH walaupun tidak dijanjikan apa-apa jawatan mahupun kedudukan.

Saya yakin, bukan itu yang diperjuangkan mereka pada ketika menyertai Pas pada asalnya. Sebaliknya yang diperjuangkan mereka, seperti juga kami, adalah untuk membawa risalah politik Islam yang kontemporari, tepat dengan keadaan semasa, demi menyelamatkan negara dari kezaliman dan salah guna kuasa.

Pada masa yang sama, yakinlah bahawa sekiranya seseorang itu ikhlas dan berkemampuan, dia tetap akan dinaikkan Allah SWT sehingga menjadi pemimpin walaupun dia menyertai sebagai ahli biasa pada awalnya. Itulah maksud jawapan Rasulullah kepada Baihara bin Firas.

Pimpinan dan ahli AMANAH tidak bersifat dendam dan tidak akan menafikan kebolehan seseorang walaupun dia pernah terlewat pada satu ketika dahulu.

Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (AMANAH).



Ustazah Mariam menyantuni OKU yang hadir.

AMANAHAH komited perjuang nasib golongan OKU

KUALA LUMPUR:

Pengerusi Biro Kebajikan, Kemanusiaan Dan Bencana Awan Nasional Ustazah Mariam Abdul Rashid dijemput merasmikan Biro Wanita Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan di Bangunan Persatuan Orang Buta Malaysia di Briekfield, dekat sini, baru-baru ini.

Ketika berucap, Ustazah Mariam menasihati wanita OKU penglihatan agar tidak mengabaikan tanggung jawab mendidik anak-anak.

Kewajipan mendidik anak-anak bagi ibu-bu OKU penglihatan, ujarnya tetap sama dengan wanita biasa.

"Begitu juga dengan perintah agama tetap sama dengan masyarakat biasa," jelas beliau.

Anak-anak, tambah beliau perlu mendapat pendidikan yang sempurna daripada ibu bapa dan penjaga bagi menjadikan mereka insan yang berguna.

Ustazah Mariam yang turut mewakili Biro Kebajikan AMANAHAH Negeri Selangor turut menyampaikan sumbangan kepada persatuan tersebut.

Pengerusi Biro Wanita OKU Penglihatan, Norehan Abdullah ketika berucap menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan Biro Kebajikan Awan bagi mengadakan program bersama atau apa-apa sahaja sumbangan bagi memperjuangkan agenda OKU.

Dalam perkembangan berkaitan, Ustazah Mariam berkata, masyarakat perlu mengubah pemahaman dan persepsi terhadap golongan OKU.

OKU ujarnya, bukanlah golongan terencil yang kebiasaannya sekadar penerima bantuan malah warganegara yang punya hak yang sama dengan warganegara lain.

"Mereka juga ada kelebihan dan kepakaran masing-masing," tegasnya.

Sehubungan itu, beliau mahu kesedaran awam (public awareness) terhadap OKU dipertingkatkan di semua peringkat masyarakat.

"Masyarakat khususnya pemimpin seharusnya merencana agenda OKU secara berterusan bukan bermusim.

"Golongan OKU memerlukan perhatian berterusan dengan mengisi keperluan mereka sama dengan anggota masyarakat lain.

"Seharusnya agenda OKU sudah diletakkan sebagai suatu yang wajib dalam rencana pembangunan negara dan masyarakat," ujarnya.

Golongan OKU, katanya perlu diletakkan di pelbagai sektor malah boleh bersama dalam pembuat polisi dan dasar negeri

dan negara.

Malah golongan tersebut, katanya boleh dilantik sebagai wakil rakyat tanpa kawasan.

"Masyarakat khususnya anggota AMANAHAH boleh mengambil tanggung jawab memartabat OKU selaras dengan apa yang telah diajarkan dan dilaksanakan Rasulullah s.a.w. yang memberi peranan kepada sahabat OKU penglihatan iaitu Abdullah Ibn Maktum sebagai tukang azan," katanya.

Statistik negara mencatatkan 4 juta OKU dan jumlah ini, jelas beliau bertambah setiap tahun kerana kelahiran dan kecacatan kemudian akibat kemalangan atau sakit.

Sehubungan itu, AMANAHAH katanya bercadang merancang program advokasi OKU bagi menjejaki dan mendekati mereka.

AMANAHAH Selangor, tambah beliau telah memulakan langkah 'Peduli OKU' dengan menubuhkan Sekretariat Peduli OKU yang telah dilancarkan tahun lalu.



Ustazah Mariam bersama Norehan (tengah).



Beramah mesra dengan anak OKU penglihatan.



Menyampaikan sumbangan AMANAHAH kepada wakil Biro Wanita OKU Penglihatan.

“...Golongan OKU memerlukan perhatian berterusan dengan mengisi keperluan mereka sama dengan anggota masyarakat lain.

AMANAHA Kelantan rangka pelan tingkatkan ekonomi belia

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Pakatan Harapan (PH) merancang meningkatkan ekonomi belia negeri ini dengan menggabungkan sumber tradisi dan teknologi baru jika diberi peluang mentadbir negeri Kelantan.

Setiausaha Pilihan Raya PH Kelantan Mohd Khir Zahari Abdul Ghani berkata inisiatif untuk merealisasikan pelan tersebut telah dimulakan.

"Kita telah menubuhkan beberapa unit untuk menggerakkan program ekonomi khususnya di kalangan belia.

"Sumber ekonomi tradisi iaitu pertanian dan penternakan akan diolah untuk menjadikan tahap komersial dan dapat dilaksanakan dengan kemudahan sedia ada," katanya ketika merasmikan kursus ternakan puyu siam di Wakaf Bharu, baru-baru ini.

Beliau mengucapkan tahniah kepada AMANAHA Agro yang dikendalikan sayap pemuda parti itu kerana merancang program bagi mengembangkan bidang pertanian dan penternakan di negeri itu.

"Misalnya Tumpat dijadikan sebagai Zon Dapur Kelantan.

"Pengeluar hasil pertanian ini sebagaimana yang dihasratkan oleh arwah Tok Guru dulu iaitu menjadikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara benar-benar berlaku dan bukan semata-mata slogan.

"Program AMANAHA Agro terus menjadi platform bagi rakyat khususnya dari golongan belia," katanya.

Beliau menambah, AMANAHA negeri berharap dapat melangkah jauh ke hadapan bagi merealisasikan hasrat rakyat untuk menjana pendapatan dari pelbagai sumber termasuk di bidang penternakan, pertanian, perikanan,



Syam Ghaz (tengah) menunjukkan kepada peserta ikan puyu yang sudah boleh dipasarkan.

bioteknologi dan sebagainya.

Sementara itu Pengarah AMANAHA Agro Hishamuddin Ghazali atau lebih dikenali sebagai Syam Ghaz berkata, kewujudan program itu mensasarkan peningkatan ekonomi golongan muda melalui program keusahawanan strategik bagi memberi impak kepada masyarakat terutamanya di kawasan luar bandar tanpa mengira warna politik.

"Kursus hari ini merupakan siri ke-4 program AMANAHA Agro. Sebelum ini kursus tanaman

pisang dan kawalan penyakit Fusarium, kursus ternakan kambing, lembu tenusu, itik penelur, dan EM dan kursus menulis rancangan perniagaan.

"Majoriti program yang dianjurkan sambutannya memang di luar jangkaan.

"Untuk kursus hari ini, sejumlah 70 orang peserta telah hadir sedangkan asalnya kita hanya membukan untuk 20 peserta sahaja," jelas beliau.

Sambutan menggalakkan ini, katanya membuktikan program AMANAHA diterima rakyat Kelantan.

Menurut beliau, beberapa program yang telah dirancang akan diadakan dalam waktu

terdekat oleh AMANAHA Agro.

"Ini termasuklah kursus ternakan cendawan, lebah kelulut dan produk hiliran," tambahnya.

Kursus-kursus lain yang bakal dilaksanakan adalah ternakan ayam kampung dan penghasilan makanan ternakan, penghasilan dedak organik, ternakan ketam nipah, tanaman fertigasi dan ternakan ikan sangkar.

"Banyak lagi kursus yang ditawarkan dan dibuat dua kali sebulan," katanya.

Kursus sehari itu dikendalikan sendiri Pengerusi Persatuan Usahawan Puyu Kelantan Mohd Izzat Mohd Zubir yang juga disertai penceramah-penceramah dari agensi-agensi berkaitan.



Khir Zahari berbaju biru menyampaikan sijil kepada peserta.

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31.12.2017	5 : 47	5 : 57	7 : 17	13 : 19	16 : 42	19 : 15	20 : 30
01.01.2018	5 : 47	5 : 57	7 : 17	13 : 20	16 : 43	19 : 17	20 : 32
02.01.2018	5 : 48	5 : 58	7 : 18	13 : 20	16 : 43	19 : 18	20 : 32
03.01.2018	5 : 48	5 : 58	7 : 18	13 : 21	16 : 44	19 : 18	20 : 33
04.01.2018	5 : 49	5 : 59	7 : 19	13 : 21	16 : 44	19 : 19	20 : 33
05.01.2018	5 : 49	5 : 59	7 : 19	13 : 22	16 : 45	19 : 19	20 : 34
06.01.2018	5 : 49	5 : 59	7 : 20	13 : 22	16 : 45	19 : 20	20 : 34

6 Menang Permatang Pasir, kekal Permatang Pauh

10 Tun M ada 'x-factor' tarik pengundi Melayu



13 Projek ECRL hutang bukan pelaburan



Heret 'penyangak' Felda ke pengadilan

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 83 | 31 DISEMBER 2017 - 6 JANUARI 2018

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.



SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31.12.2017	5:47	5:57	7:17	13:19	16:42	19:15	20:30
01.01.2018	5:47	5:57	7:17	13:20	16:43	19:17	20:32
02.01.2018	5:48	5:58	7:18	13:20	16:43	19:18	20:32
03.01.2018	5:48	5:58	7:18	13:21	16:44	19:18	20:33
04.01.2018	5:49	5:59	7:19	13:21	16:44	19:19	20:33
05.01.2018	5:49	5:59	7:19	13:22	16:45	19:19	20:34
06.01.2018	5:49	5:59	7:20	13:22	16:45	19:20	20:34

KENAPA HADI TIDAK HADIR?

APAKAH punca sebenarnya Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang tidak menyertai Himpunan Solidariti Selamatkan Baitulmaqdis di Putrajaya kini terus menjadi tandatanya.

Ini kerana, beliau sihat pada hari itu dan boleh memberikan kuliah dan khutbah Jumaat di Masjid Rusila.

← Laporan penuh muka 2

Teori berkata, Hadi tidak senang dengan Najib kerana gagal mengawal Umno Kelantan yang enggan memenuhi syarat kerjasama antara Umno dan PaS.



Tun Mahathir turut hadir di majlis himpunan Solidariti untuk Baitulmaqdis yang memaparkan gambar besar Hadi namun beliau tidak datang. Ia menimbulkan tanda tanya dan memalukan Najib dan memberikan tamparan hebat kepada Zahid yang menjadi penganjur majlis itu.

Kabinet Pas, hanya Melayu sahaja

"**ISLAM** meletakkan mestilah ketua negara dan anggota kabinetnya yang beraqidah Islam daripada bangsa yang paling berpengaruh."

Inilah kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang dipetik oleh media bahawa Hadi mahukan perdana menteri dan anggota kabinet beliau semuanya beragama Islam dan berbangsa Melayu.

Berbangsa Melayu adalah maksud kepada "bangsa paling berpen-

garuh" sebagaimana Quraisy diterima sebagai bangsa atau kaum paling berpengaruh ketika Nabi Muhammad saw.

Ini bermakna kabinet idaman Hadi adalah semuanya beragama Islam dan berbangsa Melayu. Cina Islam, India Muslim apatah lagi yang bukan Islam tidak layak berada dalam kabinet Hadi.

← Laporan penuh muka 2

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

HANDMADE

NO HARMFUL CHEMICALS

PARABEN FREE

HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:

SOAPS
BODYSKRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS